


PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI RABU: 17 JUN 2009

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN**

(SOALAN NO. 10 HINGGA 127)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN CHONG ENG

[BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN :

YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sebab-sebab peningkatan masalah sosial seperti keruntuhan rumah tangga, perceraian serta umur pesalah juvana yang semakin muda.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyedari bahawa masalah sosial yang meningkat akhir-akhir ini antaranya adalah berpunca daripada keruntuhan rumah tangga dan perceraian. Namun begitu, fenomena keruntuhan rumah tangga dan perceraian di negara ini bukanlah punca utama meningkatnya masalah sosial. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-4, 2004 (KPKM-4) yang telah dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara menunjukkan peratusan perceraian adalah kecil iaitu 1.8 peratus di Semenanjung Malaysia, 2.2 peratus di Sarawak dan 1.3 peratus di Sabah. Selain itu, sebanyak 98.0 peratus pasangan yang ditemu bual mempunyai persepsi bahawa institusi kekeluargaan

masih kuat dan teguh.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung masalah keruntuhan rumah tangga dan perceraian, kajian tersebut mendapati di kalangan responden yang berumur 35 hingga 39 tahun, dan yang berpendidikan tinggi menyatakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya perceraian ialah tiada persefahaman antara pasangan. Manakala, responden yang berumur antara 15 hingga 19 tahun menyatakan sebab utama berlakunya keruntuhan rumah tangga dan perceraian adalah kerana pasangan berlaku curang. Faktor-faktor lain termasuklah pasangan tidak bertanggungjawab, campur tangan mertua atau ipar duai dan masalah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM sedar bahawa terdapat kes juvana yang melibatkan kanak-kanak seawal usia 7 tahun. Namun begitu, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, peratusan kes juvana yang melibatkan kanak-kanak pada usia muda adalah kecil. Berdasarkan statistik tersebut, kes yang melibatkan kanak-kanak berumur 7 hingga 10 tahun hanya 0.2 peratus (18 kes) daripada 8,809 kes juvana pada tahun 2008. Sementara kes yang melibatkan kanak-kanak berumur 11 hingga 12 tahun hanya 1.5 peratus (129 kes) sahaja. Kebanyakan kes juvana adalah melibatkan kanak-kanak yang berumur 16 hingga 18 tahun iaitu 73.1 peratus (6,435 kes).

Berhubung faktor yang menyebabkan kanak-kanak pada usia muda terlibat dengan kes juvana, sehingga kini tiada satu kajian khusus mengenainya telah

dijalankan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang berkaitan dengan penglibatan remaja (berumur 13 hingga 18 tahun) dalam kes-kes juvana menunjukkan bahawa penglibatan mereka adalah disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya kerana pada masa ini remaja lebih mudah terdedah kepada pengaruh negatif melalui *Internet* dan juga media elektronik lain yang memaparkan aksi-aksi yang tidak sepatutnya seperti aksi ganas dan seksual. Remaja yang selalu terdedah kepada pengaruh negatif ini akan terdorong untuk cuba melakukan aksi-aksi tersebut.

Selain itu, sikap tidak prihatin ibu bapa terhadap aktiviti anak-anak juga menjadi punca kepada penglibatan kanak-kanak tersebut dalam gejala sosial kerana mereka lebih terpengaruh dengan rakan sebaya. Faktor ketidakstabilan ekonomi keluarga turut mendorong kanak-kanak untuk melakukan kesalahan juvana seperti mencuri dan meragut.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha membanteras masalah sosial bukanlah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Sebaliknya, semua pihak termasuk pihak swasta, institusi agama, pertubuhan bukan kerajaan dan anggota masyarakat perlu memainkan peranan secara bersama dalam mencegah dan seterusnya membanteras masalah ini. Apa yang lebih penting ialah setiap ahli keluarga perlu menjalankan tanggungjawab dalam memelihara kesejahteraan dan memupuk keharmonian masyarakat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)
SOALAN : NO.11

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana kemampuan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk kekal sebagai badan pemberi pinjaman kepada mereka yang melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya menyedari tentang pentingnya kelestarian dana PTPTN untuk terus memberikan pembiayaan kepada pelajar yang diterima masuk ke IPT. Justeru, Kementerian telah mengambil langkah pro aktif dengan menjalankan kajian kelestarian PTPTN. Memorandum mengenai hasil kajian tersebut dan perkara-perkara yang dicadangkan akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk mendapatkan pandangan dan kelulusan. Langkah susulan akan diambil setelah mendapat kelulusan daripada Kerajaan.

SULIT

SOALAN 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF [BALIK PULAU]**

TARIKH : 17 JUN 2009

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
MENYATAKAN:**

apakah dasar kerajaan untuk memastikan produk pelancongan setempat juga memberi manfaat maksimum kepada masyarakat setempat

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dasar Kementerian Pelancongan adalah menjadikan industri pelancongan negara sebagai satu sektor utama, lestari, berdaya maju dan berkualiti dalam memberi sumbangan kepada

SULIT

pembangunan negara. Kementerian sentiasa merangka dan menilai dasar-dasar pelancongan negara mengikut perkembangan serta perubahan sektor pelancongan bukan sahaja dari sudut domestik malah secara global, demi memastikan daya tarikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik dan menjadikan sektor pelancongan sebagai satu sektor yang mampu menjana pendapatan rakyat Malaysia secara lestari.

Dalam mencapai objektif tersebut, Kementerian Pelancongan memberi tumpuan kepada produk pelancongan seperti Ekopelancongan, Pelancongan Kesihatan, program Homestay, mempromosikan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah yang terunggul, memfokuskan pelan promosi berasaskan destinasi, serta menggalakkan penggunaan bahan tempatan terutama di dalam penyediaan *collateral* yang melambangkan imej Malaysia.

Kementerian Pelancongan sentiasa melibatkan rakyat tempatan dalam bidang pelancongan melalui penganjurán acara/ projek/ program/ aktiviti pelancongan yang dapat memanfaatkan masyarakat tempatan. Contohnya, Kementerian sentiasa memberikan penekanan terhadap *community based tourism* melalui Program Homestay agar masyarakat tersebut dapat menjadikan produk pelancongan tersebut sebagai satu pendapatan tambahan kepada isi-rumah.

SULIT

Selain Program Homestay, Kementerian juga sentiasa menggalakkan terutamanya penduduk luar bandar yang berminat untuk menceburi bidang Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat (*Localised Nature Guide*) melalui Kursus Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi Setempat khasnya. Ini secara langsung dapat membantu rakyat tempatan untuk meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui industri pelancongan.

Di samping itu, kerajaan sentiasa menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan terutamanya di peringkat akar umbi untuk menjadi pengusaha makanan tempatan dan pengusaha cenderahati yang akan menyokong sektor pelancongan yang lain.

Melalui usaha-usaha yang dijalankan seperti yang dijelaskan di atas, Kementerian ini percaya bahawa sektor pelancongan akan terus menjana sumber pendapatan kepada negara dengan memberikan manfaat kepada rakyat tempatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 17 JUN 2009

RUJUKAN : 1782

SOALAN:

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan-tindakan yang berkesan yang sedang dan akan diambil untuk menangani masalah 'samseng jalanan'.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius perkara ini dan telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan panjang bagi menangani gejala rempit (samseng jalanan).

Bagi pelan tindakan jangka pendek, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya Cawangan Trafik telah mengadakan operasi-operasi Lumba Haram secara besar-besaran dan berterusan di seluruh negara. Hasil daripada 1,465 operasi yang diadakan, seramai 113 orang samseng jalanan telah ditangkap dan 33 orang daripadanya telah didakwa di Mahkamah.

Pihak polis juga telah mengadakan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membendung aktiviti lumba haram dan samseng jalanan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh jangka panjang, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bertujuan untuk menangani isu ini secara bersepadu dan menyeluruh. Jawatankuasa Bersama berkenaan akan menumpukan kepada aspek-aspek berikut:-

- (i) Pindaan dan penambahbaikan perundangan yang sedia ada;
- (ii) Pelan tindakan penguatkuasaan dan operasi;
- (iii) Pemulihan dan kaunseling;
- (iv) Pelaksanaan program dan aktiviti bagi golongan sasaran (belia dan remaja); dan
- (v) Kesedaran awam.

Ingin saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat tidak kira daripada pihak pembangkang atau penyokong Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia supaya bersama-sama membantu Kerajaan di dalam usaha membendung gejala lumba haram dan 'samseng jalanan' dari terus bermaharajalela.

NO SOALAN: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSSAIN
(PASIR PUTEH)
TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Muhammad bin Hussain (Pasir Putih) minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang bakal diambil untuk membetulkan semula kefahaman Islam selepas Kerajaan bersetuju untuk memansuhkan konsep Islam Hadhari.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan selamanya sentiasa bertanggungjawab di atas kesejahteraan agama, dan juga kesucian akidah yang dianuti oleh rakyat dan umat Islam di Malaysia. Maka di atas prinsip inilah tugas dan tanggungjawab di peringkat persekutuan melalui JAKIM, kerajaan sentiasa menjaga perkembangan Islam di Malaysia dan

sentiasa berwaspada terhadap unsur-unsur yang tidak sihat yang menyentuh akidah umat Islam.

Disamping itu kerajaan memperkenalkan Pendekatan Hadhari dengan tidak menambah sebarang perkara baru dalam agama Islam. Melalui prinsip pertama Pendekatan Hadhari iaitu Keimanan dan Ketaqwaan kepada Allah menunjukkan pendekatan ini amat menekankan soal penjagaan akidah dan keimanan kepada Allah S.W.T.

Pendekatan ini juga diperkukuhkan dengan 9 lagi prinsip utama iaitu Kerajaan Adil dan Beramanah, Rakyat Berjiwa Merdeka, Penguasaan Ilmu Pengetahuan, Pembangunan Ekonomi Seimbang dan Komprehensif, Kehidupan Berkualiti, Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita, Keutuhan Budaya dan Moral, Pemuliharaan Alam Semulajadi dan Kekuatan Pertahanan.

Walaupun kerajaan sentiasa mengkaji bagi tujuan penambahbaikan kearah memantapkan Pendekatan Hadhari.

SOALAN NO : 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan membina sebuah klinik pakar asas di Bahagian Limbang memandangkan keadaan geografi yang menyulitkan untuk menghantar pesakit ke Hospital Miri, apatah lagi sekiranya ada kes kematian yang akan melibatkan kos yang amat tinggi hingga boleh mencapai sehingga RM 4000 hingga RM 5000 untuk urusan membawa balik jenazah ke Limbang.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, perkhidmatan kepakaran asas diberikan secara lawatan berkala ke Hospital Limbang oleh pakar-pakar dari Hospital Miri. Kementerian tidak bercadang untuk membina klinik pakar asas di Bahagian Limbang kerana mendapati perkhidmatan yang sedia ada di Hospital Limbang dan lawatan pakar secara berkala adalah mencukupi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memberi tekanan terhadap Syarikat ASTRO supaya memberi rebat kepada pengguna yang mengalami masalah gangguan siaran sewaktu hari hujan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak bercadang memberi tekanan terhadap Syarikat ASTRO supaya memberi rebat kepada pengguna yang mengalami masalah gangguan siaran sewaktu hari hujan. Ini disebabkan setiap Pengusaha Sistem Perhubungan Satelit yang menggunakan Sistem Satelit *Ku-Band Direct-To-Home* termasuk ASTRO akan mengalami permasalahan gangguan siaran ketika hujan. Antara faktor utama gangguan siaran ketika hujan ialah kerana

gelombang transmisi akan diresapi oleh air ketika hujan lebat dan berselerak di udara melangkaui perjalanan asalnya. Ini menyebabkan isyarat tidak dapat diterima oleh dish pelanggan.

Kerajaan sentiasa prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh pelanggan ASTRO dan telah mengarahkan pihak ASTRO untuk memperbaiki mutu siarannya dari semasa ke semasa. ASTRO telah mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan gangguan transmisi 'uplink' di ibu pejabat ASTRO, Bukit Jalil ke satelit atau sebaliknya, dengan membina Cyberjaya Broadcast Centre (CBC) pada tahun 2006 bagi menyediakan 100% keupayaan, yang membolehkan transmisi dipelbagaikan dan beroperasi dengan lancar.

Selain itu, penambahan kapasiti transponder melalui pelancaran Satelit Measat 3a tahun ini juga bakal merancakkan lagi usaha Astro untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya dengan memaksimumkan jalur lebar yang tersedia. Ini akan mengurangkan gangguan siaran ketika hujan tetapi harus diingatkan bahawa usaha ini tidak berupaya untuk menghapuskan gangguan siaran sewaktu hujan secara sepenuhnya. Isu gangguan siaran ketika hujan pada Sistem Satelit *KU Band Direct-To-Home* adalah isu global diseluruh dunia terutama sekali pada negara-negara yang mengalami kadar hujan yang tinggi. Walaubagaimanapun, ASTRO telah mengambil tindakan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan ketika hujan sebanyak 33%. Ini bermakna perkhidmatan ketika hujan dapat diperbaiki daripada 99.73% kepada 99.82%.

Memandangkan pihak ASTRO telah berusaha mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah teknikal ini, Kementerian tidak berhasrat untuk mempertimbangkan sebarang cadangan pembayaran rebet yang diakibatkan oleh masalah teknikal ini.

NW-17

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM
@NYALLAU ANAK
BADAK
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

SOALAN :

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan
Wilayah menyatakan:-**

- a) Berapa jumlah peruntukan untuk melaksanakan projek bekalan elektrik luar Bandar di Daerah Lubok Antu untuk tahun ini dan tahun 2010; dan

- b) Nyatakan nama-nama rumah panjang dan kampung-kampung yang terlibat.

JAWAPAN :

a) Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2009 Kementerian telah menyiapkan pelaksanaan 3 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sambungan talian grid bagi kawasan Parlimen Lubok Antu dengan peruntukan sebanyak RM2.56 juta dan cadangan projek BELB bernilai RM11.88 juta bagi tahun 2010.

b) Rumah panjang/kampung yang terlibat adalah seperti berikut:

i. Projek Tahun 2009 (projek telah disiapkan)

1. Kg. Melayu Engkelili
2. Klinik Ng. Kesit, Sk Ng. Kesit, Rh. Ran, Rh. Jampang Ng. Kesit
3. Rh. Saong, Serubah, Ng. Kesit

ii. Permohonan projek tahun 2010

1. Rh. Atet, Titok Ulu; Rh. Gawan, Nibong; Rh. Manja, Bunu Bering; Rh. Lampas, Titok Ulu; Rh. Isau Gelong; Rh. Kudang Grenggang
2. Rh. Karak Stengin
3. Rh. Mujan, Rh. Murat & Rh. Mejong, Jalan Murat, Skrang
4. Rh. Panjang sepanjang jalan dari Skrang Pelasuk, Engkilili
5. Rh. Belat, Bila Patong, San Semanju
6. Rh. Essau, Gelong, San Semanju
7. Rh. Gai dan SRK Nanga Lidong, Jln Lidong Phase 4.
8. Rh. Lait Tekalong, Bangat
9. Rh. Gaie, Lidong, Bangat
10. Rh. Panjang Kampung Nanga Mujan, Nanga Murat dan Nanga Mejong, Skrang.
11. Rh. Janda Baloi, Skrang Scheme, Sri

12. Rh Edat, Lubok Sabong, Ng Kesit
13. Rh Empauk, Lubok Sabong, Ng Kesit
14. Kampung Melayu, Lubok Antu
15. Rh Kapitan Chin Nyan Kui, Kampung Hilir
16. Rh. Gara, Ng. Pan, SPS, Lubok Antu
17. Rh. Ugil, Skarok, Lubok Antu
18. Rh Sunok, Ng. Teliting, Sps, Lubok Antu
19. Rh. Usi, Ng. Jenggin. SPS, Lubok Antu
20. Rh. Ayum, Ng. Bertik, SPS, Lubok Antu
21. Rh Gelanggang, Bukit Tungku, Batang Ai Kiri.
22. Rh. randah, Ng. Bengap, SPS, Lubok Antu
23. Rh Ngadan Pelangga
24. Rh Jantan Sayat, Batang Ai Kiri
25. Rh Muris, Soh, Batang Ai Kiri
26. Rh Rabbit, Seremat, Batang Ai Kiri

27. Rh Nawin, Klampo, Batang Ai Kiri

Disediakan oleh :

Tandatangan :
Nama Pegawai : Ramdan Bin Baba
Jawatan : KPSU (PD) D
Bahagian : Pembangunan
No. Telefon : 03-88863566

Disemak oleh :

Tandatangan :
Nama Pegawai : Haji Yussoff Bin Dohab
Jawatan : SUB (PD)
Bahagian : Pembangunan
No. Telefon : 03-88863562

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA : **Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]**
TARIKH : **17 Jun 2009 (Isnin)**
SOALAN :

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status dan keberkesanan Sistem Markah Demerit untuk pesalah trafik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sistem Markah Demerit atau dikenali sebagai Sistem KEJARA telah dilaksanakan secara berkomputer pada tahun 1994. Sistem ini masih aktif digunakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan merupakan satu mekanisma yang berkesan bagi mengambil tindakan ke atas pemandu yang gagal mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.

Berdasarkan perangkaan dari tahun 2005 sehingga Mei 2009, sebanyak 195 Lesen Memandu Percubaan (P) telah dibatalkan dan 384 Notis Pembatalan Lesen Memandu P telah dikeluarkan kerana pemegang lesen memandu tersebut telah mengumpul 10 atau lebih mata demerit. Manakala sebanyak 3,628 Lesen Memandu Kompeten (CDL) telah digantung dan 7,792 Notis Penggantungan Lesen CDL

telah dikeluarkan kepada pemegang lesen tersebut kerana telah mengumpul 15 atau lebih mata demerit atas pelbagai kesalahan lalu lintas.

Tuan Yang Dipertua,

Jika dibandingkan perangkaan tahun 2005 dengan 2006, didapati adanya penurunan bagi pembatalan dan penggantungan lesen memandu. Pada tahun 2005, didapati hanya 68 lesen memandu P dibatalkan berbanding 57 pada tahun 2006. Sementara itu, sebanyak 1,204 lesen CDL telah digantung pada tahun 2005 berbanding 783 pada tahun 2006. Walau bagaimanapun, pada tahun 2007 terdapat peningkatan di mana sebanyak 65 lesen memandu P dibatalkan dan 1,482 lesen CDL digantung oleh JPJ. Peningkatan pada tahun 2007 adalah disebabkan OPS SIKAP XIII oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JPJ pada 7-21 Oktober 2007 dan dalam tempoh ini sebanyak 11,937 saman telah dikeluarkan oleh kedua-dua agensi berkenaan.

Hasil semakan rekod JPJ, didapati bahawa pemilik lesen yang sebelum ini telah dibatalkan atau digantung lesen memandu, tidak lagi mengulangi kesalahan-kesalahan terjadual di bawah sistem KEJARA dan ini jelas menunjukkan bahawa sistem KEJARA adalah berkesan dan bertindak sebagai satu cara yang boleh mencegah pemandu kenderaan daripada terus melanggar peraturan dan undang-undang jalan raya.

SOALAN NO. (19)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TEE YONG (LABIS)

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN CHUA TEE YONG (LABIS) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedang mengkaji cadangan memansuhkan diskaun 5 peratus yang diberikan kepada golongan Bumiputera yang membeli rumah berharga RM 500,000 ke atas.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan berpandangan bahawa bantuan yang sesuai masih perlu diberikan kepada golongan bumiputra untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah kediaman mereka. Oleh itu, dasar seperti pemberian diskaun ke atas harga rumah bagi lot-lot bumiputra perlu diteruskan.

Walau bagaimanapun, kuasa penentuan kadar diskaun harga rumah adalah terletak di bawah Pihak Berkuasa Negeri. Oleh itu, setiap Pihak Berkuasa Negeri mempunyai hak dan budi bicara untuk menentukan sama ada dasar seperti ini perlu disemak semula mengikut perkembangan dan tuntutan semasa di negeri masing-masing.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Nr: 20

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK CHUA SOON BUI
[TAWAU]
TARIKH JAWAPAN : 17 JUN 2009 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : NO. 20

SOALAN

Datuk Chua Soon Bui minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan:

- (a) bila dan bagaimanakah stesen penjanaan elektrik yang menggunakan arang batu dirancang dan akan dibina di negeri Sabah dan berapakah kos projek berkaitan; dan
- (b) bila dan di manakah Kementerian bercadang akan membina stesen penjanaan elektrik dengan menggunakan gas di negeri Sabah kerana terdapat kekurangan bekalan elektrik yang serius di negeri ini khususnya di Tawau. Berapakah kos projek berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Keputusan untuk membina loji jana kuasa berasaskan arang batu dengan kapasiti 300MW di Pantai Timur Sabah telah dibuat pada 24

Ogos 2005. Pembinaan loji jana kuasa berasaskan arang batu merupakan pilihan terbaik bagi mengatasi masalah bekalan elektrik yang tidak mencukupi khususnya di Pantai Timur Sabah disebabkan tiada bekalan gas di Pantai Timur Sabah. Anggaran kos keseluruhan projek adalah berjumlah RM 1.5 bilion yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui proses tender terbuka.

Bagi kawasan Tawau, pada masa ini telah terdapat sebuah IPP berasaskan diesel yang sedang beroperasi dengan kapasiti terpasang 36MW serta sebuah loji jana kuasa kecil menggunakan tenaga boleh diperbaharu dengan kapasiti sebanyak 14MW. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan tenaga elektrik yang dijana di Pantai Timur Sabah adalah tidak mampu untuk menampung beban permintaan semasa di kawasan tersebut. Sehubungan itu, pembinaan loji jana kuasa elektrik di Pantai Timur Sabah adalah kritikal dalam memastikan pembekalan elektrik yang berdaya harap di kawasan tersebut, selain isu keseimbangan keseluruhan sistem di Sabah. Ini adalah disebabkan sebahagian besar daripada bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah adalah dijana daripada loji-loji jana kuasa diesel yang telah berusia, kurang berdaya harap serta tidak efisien.

Bagi menangani masalah kekurangan kapasiti penjanaan ini, Kerajaan telah meluluskan beberapa projek-projek loji jana kuasa baru berasaskan gas iaitu Projek Loji Jana Kuasa 190MW oleh Ranhill Powertron II di kawasan *Kota Kinabalu Industrial Park*, Projek Loji Jana Kuasa 100MW oleh SPR Energy(M) Sdn.Bhd. dan Projek Loji Jana Kuasa 300MW oleh PETRONAS / Yayasan Sabah di Kimanis bagi Pantai Barat Sabah dengan kapasiti tambahan keseluruhan sebanyak 590MW. Pembinaan loji-loji jana kuasa tersebut adalah dianggarkan mencecah hampir RM 3 bilion. Walau bagaimanapun, oleh kerana pembinaan loji-loji jana kuasa baru ini memerlukan, dengan izin, *lead time* yang agak panjang, maka keadaan ketidakcukupan penjanaan dijangka hanya akan dapat diatasi sepenuhnya menjelang tahun 2012. Dengan pelaksanaan projek-projek tersebut, masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah dijangka dapat diatasi dan Kerajaan akan meneruskan usaha agar penduduk di negeri Sabah akan dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik yang lebih baik pada masa akan datang.

NO. SOALAN : 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
(RANAU)
TARIKH : 17 JUN 2009
SOALAN : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
(RANAU)

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai projek-projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 di kawasan Parlimen Ranau. Adakah terdapat projek-projek yang terpaksa ditangguhkan kerana kekangan peruntukan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' DEVAMANY a/l S.KRISHNASAMY

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM347.8 juta** bagi melaksanakan **207 projek** pembangunan RMKe-9 di Parlimen Ranau. Daripada jumlah tersebut, **65 projek** bernilai **RM41.4 juta** terpaksa ditangguhkan kerana kekangan peruntukan.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

- PERTANYAAN : JAWAB LISAN**
DARIPADA : Y.B. DATO' HJ. MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENJA)
TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)
SOALAN : Y.B. Dato' Hj. Mahfuz bin Omar
(Pokok Senja)
minta **MENTERI PERTANIAN DAN**
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh
mana seriusnya Kerajaan dalam menangani
masalah bekalan ayam sehingga
menyebabkan rakyat terbeban dengan harga
ayam yang tinggi di pasaran.
- JAWAPAN : MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Industri ayam negara merupakan bidang usaha penternakan yang sangat penting dalam membekalkan sumber protein yang mampu dinikmati oleh semua lapisan rakyat. Pengeluaran semasa ayam pedaging adalah sebanyak 1.41 juta ekor sehari dan penggunaan

hariannya adalah 1.2 juta ekor. Secara umumnya, bekalan ayam di negara ini adalah mencukupi melalui pengeluaran tempatan.

Merujuk kepada isu kenaikan harga ayam yang dilaporkan media baru-baru ini, keadaan yang berlaku merupakan suatu trend yang biasa dan seringkali berlaku di dalam industri ayam negara disebabkan faktor penawaran dan permintaan dalam pasaran. Kenaikan harga ayam tidaklah terlalu ketara jika dibandingkan dengan komoditi lain seperti sayur, ikan dan sebagainya.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama pihak pengeluar [Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM)] menerusi Jawatankuasa Perundingan Industri Ayam (JPIA) sentiasa memantau secara proaktif kos pengeluaran, bekalan dan harga ayam di pasaran untuk memastikan bekalannya sentiasa mencukupi dan menjamin bekalan ayam pada harga yang berpatutan. Sekiranya berlaku kekurangan bekalan ayam di pasaran terutamanya pada musim perayaan, atau kenaikan harga yang tidak munasabah, pengimportan ayam bulat (*whole chicken*) akan dibenarkan dari sumber yang mematuhi syarat import yang ditetapkan oleh Kerajaan terutamanya faktor kebebasan penyakit, pematuhan keselamatan makanan dan status halal. Kawalan import ayam ini adalah demi memastikan ayam yang diimport adalah bebas penyakit dan selamat untuk pengguna. Harga ayam ditentukan oleh permintaan dan bekalan di pasaran. JPIA turut berperanan mengawasi harga ayam yang berpatutan untuk pengeluar dan pengguna. Dalam hal ini, KPDNKK dan FLFAM akan bekerjasama

untuk menangani sebarang kenaikan harga ayam yang tidak munasabah.

Di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan, Kerajaan menyediakan peruntukan pemberian insentif tunai kepada penternak kecil iaitu sebanyak RM780/tan metrik. Bermula 2008 hingga Mei 2009, sebanyak 1,714 tuntutan penternak kecil berjumlah RM37.89 juta telah diagihkan di seluruh negara. Langkah pemberian insentif ini membuktikan betapa seriusnya Kerajaan dalam memastikan kestabilan bekalan ayam dalam negara.

Kementerian juga bersetuju untuk meliberalisasikan *approved permit* (AP) ayam bulat untuk menangani kenaikan harga ayam pedaging di Malaysia. Walau bagaimanapun, liberalisasi import ayam ini perlu dilaksanakan secara terkawal dengan membenarkan pengimportan dari sumber yang mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan. Dalam perkara ini, liberalisasi perlu dilaksanakan secara berhati-hati dengan mengambil kira impaknya kepada pertumbuhan industri ayam tempatan terutamanya bagi mengelakkan masalah lambakan ayam import dan seterusnya menjejaskan industri ayam tempatan untuk jangka masa yang panjang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 17 JUN 2009

RUJUKAN : 1785

SOALAN:

Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan, cara dan peraturan Kerajaan untuk menghantar pulang ke negara asal pekerja-pekerja asing yang diberhentikan oleh majikan kerana kemelesetan ekonomi global.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Tanjung Manis di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengatasi masalah pekerja-pekerja asing yang telah diberhentikan oleh majikan akibat kemelesetan ekonomi pada masa ini. Kerajaan telah mengarahkan kepada majikan yang telah mengecilkan saiz operasi dan telah memberhentikan pekerja asing mereka untuk menghantar pekerja asing tersebut pulang ke negara asal masing-masing.

Bagi tujuan tersebut, satu Jawatankuasa Bersama Antara Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja di peringkat Negeri telah ditubuhkan bagi memastikan proses penghantaran pulang pekerja asing ini dapat dilaksanakan oleh semua majikan tersebut. Penyelarasan antara kedua Jabatan ini adalah amat penting dalam usaha memastikan kekosongan jawatan sedia ada dapat ditawarkan kepada pekerja tempatan akibat penghantaran pulang pekerja asing. Proses penghantaran pulang pekerja asing ini adalah menggunakan prosedur biasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN
ABDULLAH (KOTA BHARU)**

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN:

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah Persidangan Dewan Rakyat akan disiarkan secara langsung oleh RTM supaya rakyat dapat mengikuti segala perkembangan yang berlaku secara menyeluruh.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Persidangan Dewan Rakyat yang disiarkan secara langsung melalui radio dan TV RTM sejak tahun lalu akan terus disiarkan seperti biasa. Siaran langsung ini memang bertujuan memberi peluang kepada masyarakat untuk mengikuti perjalanan persidangan terutama semasa sesi soal jawab. Sebahagian perjalanan persidangan bagi sesi soal jawab dan sesi perbahasan juga turut disiarkan melalui `Parlimen Hari Ini' di Radio dan TV1 pada

setiap

hari

persidangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
(KUALA KRAU)
TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menguatkuasakan undang-undang membayar zakat seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang mewajibkan pembayaran cukai pendapatan.

JAWAPAN:

TUAN YANG DIPERTUA

Sebagaimana diketahui umum, di bawah butiran (1), Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, bahawa hal ehwal agama Islam termasuk urusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kutipan dan agihan zakat dikendalikan sepenuhnya oleh MAIN dan di luar bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Cadangan untuk menguatkuasakan undang-undang membayar zakat seperti Lembaga Hasil

Dalam Negeri (LHDN) adalah baik dan Kerajaan sentiasa bersedia dari semasa ke semasa membantu mana-mana MAIN yang mempunyai hasrat sedemikian untuk mengkaji langkah-langkah ke arah pelaksanaan cadangan tersebut.

Bagi Wilayah Persekutuan, Kerajaan sedang menggubal Akta Zakat dan Fitrah yang akan mewajibkan pembayaran zakat sebagaimana LHDN mewajibkan pembayaran cukai pendapatan.

Disediakan oleh:

Abdullah bin Awang

Tel : 03-88837490 / 012-2486052

Disemak oleh:

Ab. Rahim bin Zakaria

Tel: 03-88837487 / 019-2647569

Dipersetujui oleh:

Dato' Dr. Hj. Sohaimi bin Hj. Mohd Salleh

Tel: 03-88837402 / 019-2727254

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
(KUALA SELANGOR)**

TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta Menteri Pelajaran menyatakan usaha-usaha konkrit bagi menangani pelajar-pelajar istimewa dan mereka yang mempunyai 'learning disabilities' supaya peluang pendidikan dan seterusnya kerjaya mereka mendapat pembelaan sewajarnya daripada Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) ialah menyediakan peluang pendidikan yang lebih luas bagi golongan '*learning disabilities*' iaitu di Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi. Perluasan Program Pendidikan Khas Integrasi memberikan peluang lebih ramai murid dalam kategori bermasalah pembelajaran (*learning disabilities*) untuk mengikuti pembelajaran di Program Pendidikan Khas KPM.

2006	2007	2008	2009
1,181	1,361	1,509	1,696

Bagi murid yang mempunyai keupayaan kognitif yang rendah KPM menyediakan Program Pendidikan yang lebih menumpukan kepada bidang pengurusan diri

dan akademik berfungsi agar mereka boleh berdikari, dan bagi murid yang mempunyai keupayaan kognitif yang sederhana Kementerian Pelajaran menyediakan program pendidikan yang memberi penekanan kepada latihan kemahiran dan vokasional. Bidang kemahiran dan vokasional yang disediakan antaranya ialah:

- Bidang Masakan
- Bidang Jahitan
- Bidang Perkhidmatan
- Bidang Pertanian
- Bidang Penyelenggaraan
- Bidang Kraf tangan
- Bidang Perhotelan
- Bidang Tekstil
- Bidang Dandan dan Solekan
- Bidang Rekaan Grafik
- Refleksologi

Bidang-bidang kemahiran dan vokasional yang ditawarkan ini adalah bertujuan untuk melahirkan insan kurang upaya yang berkemahiran dan berupaya untuk berdikari dan mengisi kekosongan dalam pasaran pekerjaan.

Manakala murid berkeperluan khas yang mempunyai keupayaan kognitif tinggi mereka digalakkan untuk mengikuti kurikulum kebangsaan yang diubahsuai dan diberi peluang untuk bersaing dengan murid di aliran perdana untuk melahirkan golongan profesional di kalangan mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB
(MARAN)**

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN:

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan di negara kita sering berlaku perubahan slogan atau "moto" apabila berlaku pertukaran Perdana Menteri atau Menteri-menteri. Apakah kaedah yang akan digunakan oleh Kerajaan untuk menjelaskan kepada rakyat tentang inti pati slogan tersebut agar ianya tidak ditafsirkan dengan bermacam-macam bentuk atau terus disalah tafsir.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sesuai slogan yang diperkenalkan oleh pemimpin negara adalah selaras dengan perubahan senario, cabaran dan kehendak rakyat dan ia juga dengan mengambil kira isu-isu yang berkaitan sama ada sosio-ekonomi, politik dan hubungan masyarakat yang ada di negara ini. Maka Kerajaan memperkenalkan sesuatu slogan sebagai kaedah

untuk membawa perubahan minda dan membimbing rakyat bertindak terhadap sesuatu senario atau isu-isu yang berbangkit melalui pendekatan yang positif.

Setiap Perdana Menteri dari era YAM Tunku Abdul Rahman hinggalah ke zaman pimpinan YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak mempelopori slogan masing-masing yang saling melengkapi antara satu sama lain. Kesemua slogan atau moto ini merupakan tradisi kesinambungan perjuangan sebuah bangsa merdeka yang berkongsi matlamat yang sama iaitu mengukuhkan ikatan perpaduan di kalangan masyarakat majmuk dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat bagi merealisasikan impian membina sebuah negara bangsa.

Terdapat berbagai kaedah yang boleh digunapakai bagi menjelaskan kepada rakyat tentang inti pati slogan tersebut agar ia tidak sewenang-wenangnya disalah tafsirkan. Sebagai agensi perhubungan awam rasmi kerajaan, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sentiasa berusaha untuk memberikan penerangan yang sejelas-jelasnya kepada rakyat mengenai rasional perubahan atau pengenalan sesuatu slogan serta intipati yang terkandung di dalamnya melalui media elektronik, media cetak dan media konvensional iaitu komunikasi bersemuka, juga menerusi media baru seperti laman sesawang, Internet dan blog.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
(PENDANG)

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pembaharuan yang dilakukan dalam SPR di dalam membaik pulih sistem pilihan raya negara setelah 12 kali pilihan raya umum diadakan sejak negara mencapai kemerdekaan.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tempoh 12 kali pilihan raya umum diadakan sejak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ditubuhkan pada 4 September 1957, pelbagai perubahan telah dilakukan oleh SPR untuk membaik pulih sistem pilihan raya di negara ini. Antara perubahan besar yang pernah dilakukan oleh SPR ialah perubahan sistem pengiraan undi secara berkelompok kepada sistem pengiraan undi di tempat mengundi yang dilakukan pada tahun 1995. Melalui perubahan ini, keputusan pengiraan undi dapat diketahui lebih cepat dan sistem ini dianggap lebih telus kerana ia dikira di hadapan ejen-ejen pengiraan undi. Selain daripada itu, SPR juga telah menghapuskan penulisan nombor siri pengundi di atas kertas undi pada tahun 2004. Dengan yang demikian, dakwaan yang mengatakan pengundi dapat dikesan mengundi sesiapa telah diselesaikan. Perubahan terkini yang dilakukan oleh SPR ialah penggunaan peti undi lut sinar pada pilihan raya umum tahun 2008 yang lepas. Melalui peti undi baru ini, semua pihak akan dapat menilai proses pengundian yang dijalankan oleh SPR.

Selain daripada perubahan-perubahan fizikal yang dilakukan, SPR juga cuba merapatkan hubungannya dengan semua parti politik melalui sistem jalinan kerjasama. Melalui sistem ini, parti-parti politik secara berkala akan dipanggil untuk berbincang sesuatu isu atau bagi menyelesaikan sebarang masalah yang timbul. Sistem ini mula diperkenalkan pada tahun 2009.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 29

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 17.06.2009

SOALAN : DATUK HAJI BAHARUM MOHAMED minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah pegawai dan kakitangan FELDA mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh pihak atasan mereka demi kepentingan rakyat di kawasan FELDA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA adalah sebuah badan berkanun dan sentiasa tertakluk di bawah akta-akta dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Ini bermakna semua pegawai dan kakitangan sentiasa mematuhi arahan Kerajaan dan pengurusan

mengikuti prosedur yang ditetapkan dalam pelaksanaan tugas mereka.

Namun begitu, pihak pengurusan FELDA mempunyai peraturan yang tersendiri sebagai tambahan kepada peraturan dan akta yang ada untuk dijadikan panduan dan rujukan dari peringkat pengurusan dan kakitangan. FELDA bersedia mendengar aduan atau cadangan bagi memperbaiki prosedur atau pelaksanaan dasar tertentu berkaitan warga FELDA. FELDA juga sentiasa mengamalkan konsep perundingan dalam melaksanakan sesuatu dasar melibatkan pelbagai pihak yang berkaitan.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) juga telah dilaksanakan agar petugas FELDA akan sentiasa cekap dalam sistem penyampaian. Ini adalah selaras dengan tema rakyat (warga FELDA). didahulukan dan pencapaian diutamakan yang menjadi gagasan Kerajaan.

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AZAN ISMAIL
TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN

Y.B. Dato' Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan projek-projek mega Kerajaan seperti Projek Jambatan Bengkok dan Projek Kabel Dasar Laut Timur dan Barat Malaysia serta siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang membina jambatan untuk menggantikan Tambak Johor. Sungguhpun demikian, Kerajaan sentiasa memantau kelancaran pergerakan orang ramai, barangan dan perkhidmatan di antara Malaysia dan Singapura melalui Tambak Johor untuk membolehkan Kerajaan bertindak menambahbaik serta memudahkan pergerakan kenderaan, barangan dan orang ramai di antara kedua-dua negara. Tindakan ini termasuklah pertimbangan cadangan pembinaan jambatan baru pada masa yang sesuai di masa hadapan.

Projek pembangunan sistem penghantaran elektrik dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia termasuk pemasangan kabel dasar laut pula akan dilaksanakan secara usahasama oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sarawak Energy Berhad (SEB).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DING KUONG HIING (SARIKEI)

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN :

YB Ding Kuong Hiing (Sarikei) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menambah dan meluaskan aktiviti Jabatan Kebajikan di Negeri Sarawak dalam bidang teknikal dan kraftangan supaya lebih ramai OKU pelbagai peringkat umur menikmati kemudahan selain daripada bantuan kewangan. Adakah pihak Kerajaan menambah lebih banyak pusat komuniti kebajikan di Sarawak di bawah RMK-10 Jika ya, bila jika tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, aktiviti Jabatan Kebajikan Masyarakat di Negeri Sarawak yang melibatkan OKU dalam bidang kraftangan dilaksanakan melalui Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Sehingga Mei 2009, terdapat sebanyak 24 buah PDK di negeri Sarawak yang memberi manfaat kepada 1,634 OKU dan 91 orang petugas PDK. Melalui Program PDK, golongan OKU diberikan latihan

dan kemahiran dalam aktiviti kehidupan harian dan juga latihan vokasional meliputi aktiviti kraftangan.

Kementerian ini sedang dalam proses merancang projek-projek yang akan dilaksanakan di bawah RMK-10 dan perhatian khusus akan diberi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kebajikan di Sarawak termasuk PDK dan pembinaan institusi OKU. Kementerian juga akan memberi perhatian kepada keperluan menyediakan kemudahan latihan tambahan bagi OKU dalam bidang teknikal yang pada masa ini disediakan Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi, Selangor.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal]

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN : Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah garis panduan atau 'standard' yang digunakan untuk mengenal pasti kecekapan seseorang Menteri. Adakah laporan tersebut akan diberi kepada Ahli-ahli Parlimen atau kepada rakyat menerusi media.

JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon)

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, prestasi seseorang menteri dinilai secara tidak formal oleh persepsi orang awam terhadap prestasi kementeriannya dalam melaksanakan pelbagai program dan projek, serta persepsi terhadap kepimpinan beliau dari segi peribadi, pentadbiran dan politik. "Penghakiman" Rakyat pada akhirnya berlaku semasa pilihanraya umum.

Walaupun persepsi adalah penting, penilaian secara persepsi sahaja tidak mencerminkan sepenuhnya pencapaian dan sumbangan sebenar seseorang menteri terhadap kejayaan kementeriannya atau kerajaan dan terhadap pembangunan negara pada keseluruhannya. Oleh itu, adalah lebih tepat

sekiranya penilaian dan pengukuran secara lebih spesifik dan tepat dapat dilaksanakan berdasarkan kepada sasaran-sasaran yang dapat diukur secara lebih objektif. Oleh itu, kaedah Petunjuk Prestasi Utama atau "*Key Performance Indicator*" (KPI) dipilih sebagai kaedah yang sesuai bagi tujuan ini.

Kaedah KPI merupakan satu kaedah yang penting yang diamalkan untuk pengurusan prestasi dalam sektor swasta yang didapati amat berkesan dan berjaya. Ianya juga diterimapakai dengan berkesan oleh kerajaan-kerajaan di negara maju seperti Britain, Australia dan Kanada. Pengurusan prestasi melalui kaedah KPI mendorong seseorang Menteri lebih berfokus dalam bidangnya dan tugasnya dengan dipandu oleh Bidang Hasil Utama atau "*Key Results Area*" (KRA) sebagai sasaran-sasaran umum.

Berpandukan rangkakerja dan garis panduan yang diberi oleh pakar runding, para menteri dipertanggungjawabkan untuk mengenalpasti beberapa KRA dan KPI bagi diri masing-masing. Di samping itu, beberapa KRA di peringkat kebangsaan atau "*National KRAs*" sedang juga dikenalpasti, dirancang dan digubal secara bersama oleh Jemaah Menteri. "*National KRAs*" ini menyentuh aspek-aspek penting kehidupan rakyat. Proses mengenalpasti dan menggubal KRA dan KPI dijangka mengambil masa beberapa bulan.

KRA dan KPI yang tertentu dan penting dijangka akan diumumkan, secara berperingkat, sebelum penghujung tahun ini, terutamanya KRA dan KPI yang menyentuh secara langsung dan mempunyai kesan yang besar terhadap kehidupan, kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat. Apa yang ditekankan oleh KRA dan KPI adalah hasil atau "*outcome*" dan bukan "*input*" atau "*output*".

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
(SABAK BERNAM)**

TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kerajaan akan meneruskan projek pembangunan fizikal sekolah khususnya dalam pembinaan dewan serbaguna di Sabak Bernam dan adakah program "Fast Track" akan diteruskan seperti mana yang telah diluluskan pada tahun sebelumnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan meneruskan projek pembangunan fizikal sekolah mengikut keutamaan dan kemampuan kerajaan. Sehubungan itu, dalam RMKe-9, dewan serbaguna disediakan bagi sekolah baru dengan sekurang-kurangnya 24 bilik darjah. Bagi sekolah sedia ada pula, dewan akan dibina berdasarkan permintaan dan keutamaan projek. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan secara *Fast Track* adalah bergantung kepada keperluan kerajaan.

Bagi kawasan Sabak Bernam, dalam RMKe-9 projek pembinaan dewan adalah di SK Seri Sekincan, SMK Seri Bedena, SMJK Yuk Kwan, SK Sg Lemau dan SK Seri Bahagia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN KARPAL SINGH
TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa tiada sebarang tindakan susulan diambil terhadap sesiapa berikutan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya Diraja berkenaan pita rakaman V.K. Lingam.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Lanjutan daripada cadangan-cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya Diraja berkenaan pita rakaman V.K. Lingam, empat kertas siasatan telah dibuka oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia). Tiga daripada kertas siasatan itu telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.

Walau bagaimanapun, tiada tindakan lanjut diambil dalam dua daripadanya memandangkan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa terdapat sebarang kesalahan jenayah telah dilakukan dan juga tiada sesiapa yang dapat dikenal pasti yang melakukan kesalahan semasa pengendalian dokumen terperingkat dalam pertimbangan lantikan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi. Sementara itu, siasatan belum dapat dilengkapkan dalam satu kes kerana seorang saksi penting masih belum dikesan.

Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia juga telah menutup siasatan yang dibuka di bawah perenggan 11(c) Akta Pencegahan Rasuah 1997 [Akta 575] kerana tiada keterangan mencukupi untuk membuktikan pertuduhan di bawah seksyen itu.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMPAU)**

**TARIKH : 17 JUN 2009
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah strategi dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengeratkan hubungan dan kerjasama pihak tentera dengan rakyat di dalam pelbagai aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan melalui pelbagai unitnya seperti Kor Agama, Kejuruteraan dan Perubatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Membantu agensi awam adalah merupakan salah satu peranan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) semasa waktu aman. Dalam usaha untuk merealisasikan peranan tersebut terdapat beberapa rejimen/kor di dalam ATM yang berkeupayaan .. dan mempunyai kepakaran untuk melaksanakan kerja-kerja bagi memupuk hubungan dan kerjasama dengan rakyat jelata dalam pelbagai aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan.

Kementerian akan meneruskan strategi dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan selama ini bagi menentukan matlamat mengeratkan hubungan dan kerjasama antara pihak tentera dengan rakyat akan berterusan. Di antara strategi dan langkah-langkah yang melibatkan Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD), Kor Kesihatan Diraja (KKD) dan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) adalah seperti berikut:

- (1) Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD). Rejimen ini berkemampuan dan mempunyai kepakaran untuk melaksanakan projek/bantuan seperti berikut:**

- (a) Pembinaan Rumah. Membina rumah-rumah untuk golongan yang kurang bernasib baik seperti warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya.**
 - (b) Pembinaan Kemudahan Asas.**

 - (i) Membina pelbagai kemudahan asas seperti balai raya, jalan raya, jambatan, surau dan madrasah dalam skala kecil.**
 - (ii) Membina jambatan sementara semasa tragedi dan bencana alam.**
 - (c) Pembinaan/Pembersihan Parit/Sungai. Melaksanakan kerja-kerja menggali dan membersihkan sungai serta parit untuk kemudahan penduduk setempat.**
- (2) Kor Kesihatan Diraja (KKD). Program-program yang sering dilaksanakan adalah:**
- (a) Pemeriksaan kesihatan dan rawatan pergigian terutama semasa operasi.**

- (b) **Memberi bantuan perubatan semasa tragedi dan bencana alam.**
- (3) **Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Program yang sering dilaksanakan adalah:**

 - (a) **Aktiviti kerohanian bersama masyarakat awam di bawah Program Ilmu dan Muafakat (PIKAT).**
 - (b) **Program Jasmani, Emosi dan Rohani (JERI) di sekolah-sekolah dan Jabatan Agama Islam Negeri.**
 - (c) **Memberi *Training for Trainer (TOT)* kepada JAKIM.**
 - (d) **Program kaunseling semasa tragedi atau bencana alam.**
 - (e) **Majlis Ceramah dan Tazkirah kepada masyarakat setempat.**
 - (f) **Aktiviti keagamaan lain seperti pengurusan jenazah.**

SULIT

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan kemasyarakatan tidak hanya dilakukan oleh pasukan berkenaan sahaja, namun pasukan/rejimen/kor lain masih terbabit berasaskan kepada kepakaran dan keupayaan perkhidmatan seperti operasi banjir, bencana alam, gotong royong, mencari dan menyelamatkan, pameran/pertunjukan ketenteraan dan lain-lain aktiviti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 17 JUN 2009
SOALAN :

Datuk Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan Negeri Sarawak pernah mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan mengambil alih Sarawak International Medical Centre. Apa terjadi kepada cadangan tersebut dan sebab-sebab Kerajaan Persekutuan menolak cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Sarawak pernah mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih *Sarawak International Medical Centre (SIMC)* namun cadangan tersebut masih dalam peringkat kajian memandangkan beberapa isu dari segi logistik seperti kedudukannya yang agak jauh dari kawasan awam, perkhidmatan yang sama

(*duplicate*) dengan perkhidmatan yang sedia ada di Hospital Umum Sarawak serta ketiadaan sumber manusia yang mencukupi.

Kementerian juga mendapati bahawa dari segi infrastruktur, terdapat kekurangan seperti ketiadaan Wad Kelas 3 yang menjadikan hospital yang mempunyai lebih banyak bilik-bilik perseorangan dan dua sebilik ini lebih sesuai sebagai sebuah hospital swasta. Infrastruktur sebegini akan menyebabkan lebih ramai penjawat awam diperlukan untuk berkhidmat di hospital ini. Selain itu, ketiadaan kuarters akan menyukarkan penjawat awam yang bertugas secara *shift* serta ketiadaan perkhidmatan materniti yang menjadi asas kepada sesebuah perkhidmatan hospital kerajaan menjadikan hospital ini tidak lengkap dari segi perkhidmatan menyeluruh kepada rakyat di kawasan Samarahan khususnya.

Walau bagaimanapun, sekiranya isu-isu ini dapat diatasi, Kementerian Kesihatan boleh mengambilalih SIMC dengan persetujuan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak

SOALAN NO. 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
KAWASAN : SETIAWANGSA
TARIKH : 17.06.2009 (RABU)

Y.B. DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [SETIAWANGSA] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil dan akan diambil oleh Kerajaan bagi meliberalisasikan sektor pembuatan dan telekomunikasi di negara sepertimana yang telah dilakukan oleh sektor perbankan dan perkhidmatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Liberalisasi syarat ekuiti dalam sektor perkilangan telah lama dilaksanakan. Kerajaan pada tahun 1998 telah mengumumkan pengecualian syarat ekuiti asing bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan berkuatkuasa pada 31 Julai tahun tersebut. Di bawah pengecualian ini, pelabur asing dibenarkan memiliki 100 peratus pegangan ekuiti bagi semua projek perkilangan tanpa mengambilkira tahap eksport, kecuali untuk 7 aktiviti dan produk perkilangan seperti berikut:

- pembungkusan kertas;
- pembungkusan plastik (termasuk botol, filem, helalan kertas dan beg plastik);
- *plastic injection moulded components*;
- *metal stamping* , fabrikasi logam dan *electroplating*;
- *wire harness*; dengan izin,
- percetakan; dan
- pusat perkhidmatan keluli.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam meneruskan usaha untuk mewujudkan persekitaran pelaburan yang lebih baik, berkuatkuasa pada 17 Jun 2003, pegangan ekuiti telah diliberalisasikan sepenuhnya bagi semua projek perkilangan. Di bawah polisi ini, pelabur asing boleh memiliki pegangan ekuiti 100 peratus bagi semua pelaburan baru, termasuk untuk penambahan pelaburan dan untuk mempelbagaikan pengeluaran syarikat sedia ada tanpa mengambil kira tahap eksport.

Walau bagaimanapun, syarat ekuiti dan eksport yang dikenakan ke atas syarikat yang telah diluluskan sebelum tahun 1998 masih dikekalkan. Kelonggaran untuk mematuhi dan meminda syarat ekuiti hanya diberi berdasarkan permintaan dan merit bagi setiap kes.

Syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan berkaitan perkilangan seperti Ibu Pejabat Operasi (Operation Headquarters), Pusat Pengedaran Serantau (Regional Distribution Centres), Pusat Perolehan Antarabangsa (International Procurement Centres), Pembangunan dan Penyelidikan (R&D), Pejabat Perwakilan (Representative Office) dan Pejabat Serantau (Regional Office) dibenarkan mempunyai pemilikan ekuiti asing sepenuhnya.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi sektor telekomunikasi, Kerajaan telah memberi komitmen untuk membenarkan pegangan ekuiti ASEAN sebanyak 70 peratus untuk pelabur-pelabur dari ASEAN menjelang 2010 bagi kategori lesen *Network Facility Provider (NFP)* dan *Network Services Provider (Individual)*. Dalam pada itu, bagi kategori lesen *Content Application Services Providers (Broadcasting)*, dengan izin, Kerajaan mengekalkan had pegangan ekuiti asing sebanyak 30 peratus.

Untuk sektor perumahan pula, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengadakan perbincangan dan konsultasi dengan pihak industri mengenai implikasi liberalisasi terhadap sektor perumahan tempatan dan tahap kesediaan pihak Industri bagi menangani persaingan dari pelaburan asing. Kementerian tersebut akan membuat keputusan dasar sebaik sahaja mendapat maklumbalas dari pihak industri terbabit dalam masa terdekat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

No: 38

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI**
(TITIWANGSA)
TARIKH : **17.06.2009**
NO. SOALAN : **38**

DR LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan peratus produk-produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang telah memasuki pasaran "hypermarket" dan mengikut kategori nyatakan apakah masalah-masalah yang dihadapi serta langkah-langkah mengatasinya.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah memantau penyenaian tetap produk IKS Bumiputera di hypermarket asing semenjak tahun 2003. Sehingga bulan Disember 2008, jumlah produk yang telah berjaya disenarai tetap di hypermarket adalah 6651 atau sebanyak 6% dari jumlah kesemua produk yang tersenarai di hypermarket asing. Antara kategori produk yang telah berjaya disenarai tetap di hypermarket asing adalah seperti kategori makanan sejuk beku (*frozen food*), penjagaan diri, makanan kering, minuman, makanan dalam tin, keperluan bayi dan kanak-kanak dan bukan makanan.

Antara masalah yang dibangkitkan oleh IKS Bumiputera adalah seperti terma dagangan dan kos tersembunyi yang amat tinggi (*hidden cost*), pesanan stok dalam jumlah yang tidak munasabah, penggunaan “In-house brand” keluaran asing oleh hypermarket asing dan perletakkan produk IKS Bumiputera di gondola yang tidak strategik.

Hypermarket asing pula telah memaklumkan beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi oleh IKS Bumiputera bagi penyenaian tetap produk. Antaranya ialah ciri-ciri produk dan pembungkusan hendaklah menepati piawaian minima yang telah ditentukan oleh pihak hypermarket asing, memiliki kepelbagaian produk, keupayaan untuk memenuhi permintaan hypermarket asing secara berterusan dan mempunyai peruntukkan bagi tujuan promosi.

Pihak kementerian telah mengadakan perbincangan dengan pihak IKS Bumiputera dan akan mengadakan perjumpaan dengan pihak hypermarket asing untuk mencari jalan untuk mempertingkatkan bilangan penyenaian tetap produk IKS Bumiputera di hypermarket asing. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi membantu IKS Bumiputera adalah dengan memberi khidmat nasihat, mengelolakan siri program promosi dan pemasaran dengan semua hypermarket asing, mengadakan program padanan perniagaan antara IKS Bumiputera dan hypermarket asing, menganjurkan taklimat dan pameran pembangunan perniagaan dan mengukuhkan jalinan kerjasama dengan kementerian dan agensi yang berkaitan dengan pembangunan IKS Bumiputera bagi memastikan produk keluaran IKS Bumiputera menepati piawaian yang telah ditetapkan.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

**SOALAN : Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-
langkah dan peranan bagi memperluaskan konsep
Rukun Tetangga bagi membanteras jenayah
setempat.**

Jawapan: (oleh YB Senator Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon)

Tuan Yang di-Pertua,

Institusi Rukun Tetangga telah ditubuhkan pada tahun 1975 di bawah **Peraturan Perlu Rukun Tetangga 1975** untuk menjalankan rondaan wajib supaya menjaga keselamatan dan keamanan rakyat waktu itu. Pada tahun 1983, Jabatan Rukun Tetangga disatukan dengan Jabatan Perpaduan dan rondaan wajib dihentikan. Dengan demikian, Rukun Tetangga mulai menumpukan peranannya untuk memupuk semangat kejiranan dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.

Pada tahun 2003, memandangkan kadar jenayah mulai meningkat, mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan supaya Rukun Tetangga melaksanakan skim rondaan sukarela (SRS) oleh para pemastautin tempatan untuk menjaga keselamatan tempat kediaman masing-masing.

Pelan Tindakan Lima Tahun Rukun Tetangga (2006–2010) yang diluluskan oleh Jemaah Menteri menetapkan penubuhan 300 SRS setahun dan diperluaskan di semua kawasan bandar.

Di samping Pelan Tindakan tersebut, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh JPNIN untuk memperluaskan SRS bagi membanteras jenayah setempat adalah seperti berikut:-

- a) Memperkenalkan skim perlindungan takaful insurans berkelompok kepada lebih daripada 75,000 orang peronda sukarela di seluruh negara yang menjalankan tugas rondaan sebagai langkah perlindungan dan galakan penyertaan orang ramai di dalam SRS;
- b) Memberi "time-off" selama 4 jam bagi pegawai-pegawai kerajaan yang telah membuat rondaan sekurang-kurangnya 4 jam selepas jam

12 malam. Usaha sedang dilakukan untuk diperluaskan susunan "time-off" ini kepada sektor swasta;

- c) Meningkatkan kerjasama dengan Polis dan RELA untuk meronda bersama dengan peronda SRS; dan
- d) Mendaftarkan semua Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga dan peronda sukarela sebagai RAKAN COP untuk membantu Polis memerangi jenayah

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI
(TANAH MERAH)
TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rasionalnya pihak Kementerian bercadang menghadkan jumlah mata pelajaran yang akan diambil oleh calon SPM, di mana di sekolah menengah kebangsaan jumlah mata pelajaran akademik sebanyak 14 subjek sedangkan sekolah menengah arab mata pelajaran akademiknya dicampur pengajian arab/agama mempunyai 21 subjek.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak terhadap cadangan menghadkan jumlah pengambilan mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Cadangan tersebut adalah bertujuan untuk mengurangkan tekanan muird-murid dalam peperiksaan. Di samping itu, juga cadangan ini membolehkan para guru memberi tumpuan kepada pengajaran dan mata pelajaran elektif dalam kumpulan tertentu yang bersesuaian dengan pembinaan modal insan.

Kementerian berpandangan melalui perubahan kepada menghadkan bilangan jumlah pengambilan mata pelajaran ini, tumpuan para calon akan lebih berfokus. Selain itu, perubahan ini akan memberi ruang kepada murid-murid untuk terlibat secara lebih aktif dalam kegiatan kokurikulum di sekolah. Keseimbangan

pencapaian murid-murid dalam bidang akademik perlulah selari dengan penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum. Selain itu, tekanan kepada pelajar juga akan berkurangan memandangkan semua calon mengambil jumlah bilangan yang sama.

Bagi memastikan kepentingan murid diambil kira, murid-murid yang belajar di pelbagai aliran seperti akademik, teknikal dan agama tidak akan diabaikan malahan kepentingan mereka lebih berfokus dengan penambahbaikan pilihan mata pelajaran elektif yang lebih fleksibel dan bersesuaian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ABDULLAH BIN MD ZIN
TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)
SOALAN : NO.41

Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin [Besut] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik kemasukan pelajar asing ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di negara ini mengikut negara asal mereka dan apakah ada pemantauan dibuat kepada kegiatan dan aktiviti-aktiviti sosial mereka di sini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Februari 2009, terdapat seramai 70,575 orang pelajar antarabangsa dari 148 buah negara sedang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negara ini. Dari jumlah tersebut seramai 19,893 pelajar mengikuti pengajian di IPTA dan 50,679 pelajar di IPTS. Sepuluh buah negara yang paling ramai pelajarnya di IPT ialah Indonesia (9,537), Republik Rakyat China (8,060), Iran (6,813), Nigeria (5,488), Yemen (3,905), Arab Saudi (2,850), Botswana (2,350), Sudan (2,333), Bangladesh (2,068) dan Iraq (1,717).

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi serantau dan antarabangsa, kemasukan pelajar-pelajar antarabangsa ke IPT adalah sangat dialu-alukan. Namun, bagi memastikan Negara mendapat manfaat yang optimum dengan kehadiran pelajar-pelajar antarabangsa, pemantauan terhadap kegiatan dan aktiviti-aktiviti sosial mereka dibuat secara berterusan di peringkat IPT masing-masing dan juga oleh Kementerian dan pelbagai agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Di samping itu, program pembangunan sahsiah bagi pelajar-pelajar antarabangsa juga dirancang dan dilaksanakan dari semasa ke semasa di setiap IPT agar dapat membina keterampilan mereka dan menerapkan kemahiran-kemahiran insaniah termasuk penerapan nilai dan etika profesional.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
(BACHOK)

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa (Bachok) minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan:-

- A. apakah peranan yang dimainkan oleh Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) kepada negara; dan
- B. bagaimana pilihan yang dibuat untuk menganggotai Majlis ini.

JAWAPAN:

(A) Peranan yang dimainkan oleh Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) adalah sebagai badan perundingan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan belia negara. MPBN akan membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan belia seperti bidang sosial, pendidikan dan ekonomi.

(Berdasarkan Seksyen 36, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007)

- (B)** Untuk makluman, keahlian atau keanggotaan MPBN adalah sebagai mana yang diperuntukkan dalam Seksyen 37 (1) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (APBPB). Bagi pelantikan baru yang melibatkan kuasa Menteri Belia Sukan melantik tidak melebihi daripada 20 orang ahli. Satu pendekatan baru akan diperkenalkan melalui tawaran terbuka kepada orang ramai bagi mencadangkan dan memilih calon yang difikirkan layak untuk menganggotai MPBN. Orang ramai boleh membuat pencalonan melalui laman web Kementerian Belia dan Sukan dan akhbar-akhbar utama pada suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

NW=43

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MASIR BIN
ANAK KUJAT
(SRI AMAN)**

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan sama ada kajian terperinci dan kesesuaiannya bagi sistem mikro hidro sebagai sistem alternatif grid akan diadakan di luar Bandar Sri Aman.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian merancang untuk melaksanakan projek-projek mikro hidro di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak bagi mempercepatkan liputan bekalan elektrik di kedua-dua negeri berkenaan. Bagi tujuan tersebut, Kementerian pada 14 Oktober 2008 telah melantik syarikat perunding untuk menjalankan kajian potensi sistem mikro hidro di 114 kampung di negeri Sabah dan Sarawak. Dari jumlah tersebut, 7 kampung yang disenarai pendek terletak di kawasan Sri Aman. Kementerian menjangkakan bahawa kajian tersebut akan dapat disempurnakan pada akhir tahun 2009 dan pelaksanaan projek perintis akan dapat dimulakan pada bulan Januari 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
(TELUK INTAN)**

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan kesemua Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen, Pendaftar-pendaftar, Peguam Persekutuan dan Peguam Persekutuan Kanan terletak di bawah Badan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang akan membangkitkan keadaan 'conflict' apabila seorang Majistret berhadapan dengan Peguam Kanan Persekutuan yang lebih 'senior'. Adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan satu sistem yang lebih telus, waras dan meyakinkan rakyat terhadap sistem kehakiman.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu berkenaan konflik apabila Peguam Kanan Persekutuan hadir di hadapan seorang Majistret baru tidak timbul sama sekali. Ini adalah kerana setiap keputusan yang dibuat oleh pegawai-pegawai Kehakiman adalah berdasarkan fakta kes dan peruntukan undang-undang yang relevan dan berkaitan tanpa mengambil kira siapakah pihak yang membawa kes.

Di dalam kes **Maleb Su Iwn Pendakwa Raya [1984] 1 MLJ 311**

Hakim Hashim Yeop Sani di dalam penghakimannya menyatakan "*what is the 'system' which counsel said they fear would produce a likelihood of bias? The judicial and legal service is one of the public service mentioned in Article 132(1) of the Federal Constitution... An officer belongs to the judicial and legal service but he may serve in various different capacities in the Judicial Department and Legal Department.*

As normal in the administrative set up of the public service each department has its own head. And the Attorney-General is not the head of Judicial Department. Thus looking at the legal and administrative framework governing the service I do not think the facts here warrant a conclusion of a real likelihood of bias”.

Tambahan juga pelantikan seseorang Majistret adalah dibuat kepada mereka yang benar-benar berkelayakan dan mempunyai kriteria serta keperibadian seperti bijak membuat keputusan, berintegriti, profesional dan matang untuk membuat sebarang keputusan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Sebagai seorang yang bertanggungjawab dan profesional seseorang Majistret pada bila-bila masa boleh menarik diri dari mendengar sesuatu kes sekiranya beliau beranggapan bahawa beliau akan lebih terpengaruh kepada sebelah pihak dan dikhuatiri keputusan yang dibuatnya akan menimbulkan kontroversi dan syak wasangka atau beliau sendiri mempunyai kepentingan di dalam kes tersebut.

Sehubungan itu, sistem Kehakiman yang sedia ada adalah telus, waras dan bebas daripada sebarang pengaruh yang tidak wajar.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
(PARIT SULUNG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2009

Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulung) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) Apakah usaha dan pendekatan Kementerian dalam mempromosi Program Amal Jariah yang dipelopori oleh Prokhas Urus Sdn. Bhd.; dan
- (b) Berapakah peruntukan program ini untuk tahun 2009 dan bagaimanakah program ini dilaksanakan agar tidak disalahgunakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Amal Jariah yang dikendalikan oleh Prokhas Sdn Bhd (Prokhas), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, dilaksanakan secara konsep

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Kakitangan Prokhas dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) akan menjelajah di seluruh negara untuk mengenal pasti calon penerima yang layak dan mengemukakan cadangan tersebut kepada sekretariat di pejabat Prokhas untuk mendapatkan kelulusan daripada satu panel khas.

2. Antara kriteria calon yang layak ialah mereka yang mempunyai pendapatan seisi rumah kurang daripada RM500 sebulan dan bergantung kepada bilangan tanggungan di bawah jagaan tuan rumah. Disamping itu, pertimbangan khas akan diberi kepada golongan yang tidak upaya dari segi fizikal, mental, tahap kesihatan, golongan warga emas dan ibu tunggal.

3. Prokhas juga menjemput wakil tempatan yang berkhidmat secara sukarela diluar waktu kerja atau pada hujung minggu untuk membantu program ini. Langkah ini dapat mengurangkan kos operasi program bagi membolehkan nilai maksima dinikmati oleh penerima. Wakil tempatan Program Amal Jariah juga ada membuat promosi berkenaan program ini menerusi pengedaran brosur dan laman web Program Amal Jariah yang telah diwujudkan di alamat www.amaljariah.com.my.

4. Pada tahun 2009, sebanyak RM100 juta telah diperuntukan untuk program ini dalam bentuk geran sepadan (RM50 juta telah dikeluarkan) manakala RM100 juta lagi diperolehi melalui sumbangan daripada syarikat swasta terutama daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan juga orang perseorangan. Bagi tujuan ini, Prokhas telah

menubuhkan sebuah syarikat berhad berasaskan jaminan yang dikenali sebagai Dana Amal Jariah. Syarikat ini telah mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967, bertujuan khusus bagi mengutip sumbangan dan membolehkan penyumbang menikmati potongan cukai ke atas setiap sumbangan yang dibuat kepada Dana Amal Jariah.

5. Sekiranya sasaran sumbangan sebanyak RM100 juta berjaya dicapai, jumlah dana yang dapat dikumpul untuk Program Amal Jariah termasuk peruntukan RM100 juta daripada Kerajaan ialah RM200 juta. Dengan jumlah peruntukan tersebut, Kerajaan mensasarkan sebanyak 30,000 buah rumah golongan miskin dan miskin tegar di seluruh negara dapat dibaikpulih melalui program ini bagi tempoh 2009-2010. Setakat akhir bulan Mei 2009 sebanyak 8350 buah rumah telah diluluskan manakala sebanyak 3540 buah rumah telah siap diperbaiki dengan perbelanjaan sebanyak RM20.5 juta.

6. Dalam usaha memastikan program ini dilaksanakan dengan dengan baik dan peruntukan yang diberikan tidak disalahgunakan, pelaksanaan program ini adalah tertakluk kepada *Standard Operating Procedure (SOP)* dan setiap tahap pelaksanaan disemak oleh juruaudit Jabatan Audit Negara dan juruaudit dalaman Prokhas. Juruaudit ini akan menjalankan pengauditan ke atas setiap permohonan.

NO: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Dato' Seri Anwar bin Ibrahim**
[Permatang Pauh]
TARIKH JAWAPAN : **17 JUN 2009 (RABU)**
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : **NO. 46**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan kesediaan Kerajaan menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif hijau dan semulajadi seperti suria, angin dan sebagainya secara besar-besaran dalam usaha mengurangkan pergantungan kepada diesel, gas, hidro dan arang batu dalam penjanaan tenaga elektrik. Apakah insentif yang disediakan untuk menggalakkan penggunaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah mula mengambil langkah-langkah bagi menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif hijau untuk mengurangkan pergantungan kepada bahan-bahan bakar fosil sejak tahun 2000

dengan memperkenalkan Dasar Lima Bahan Api (*Five-Fuel Policy*). Di bawah dasar ini, sumber Tenaga Boleh Diperbaharu, atau dengan izin *Renewable Energy* (RE) daripada *biomass*, biogas, sisa buangan bandaran (*municipal waste*), tenaga suria dan mini hidro telah dikenalpasti sebagai sumber tambahan kepada sumber bahan api fosil sedia ada untuk penjanaan tenaga elektrik.

Bagi tujuan menggalakkan pembangunan projek-projek RE, Program Janakuasa Kecil Tenaga Boleh Diperbaharu (*Small Renewable Energy Program - SREP*) telah diperkenalkan. Di bawah program ini, pemaju-pemaju yang berminat untuk membangunkan stesen penjanaan tenaga elektrik berasaskan sumber RE untuk dijual kepada pihak utiliti boleh berbuat demikian. Sehingga 31 Mei 2009, sebanyak 39 projek SREP dengan kapasiti 234.3MW telah diluluskan. Daripada jumlah ini, sebanyak 4 buah projek SREP dengan kapasiti 32MW telah beroperasi dan bersambung ke grid.

Selain itu, Kerajaan juga mengadakan kerjasama dalam bidang RE dengan *Global Environment Facilities – United Nations Development Programme* (GEF-UNDP) melalui Projek *Biomass Power Generation and Cogeneration in Palm Oil Mills* (BioGen) pada tahun 2002 dan

Projek *Malaysian Building Integrated Photovoltaic* (MBIPV) pada tahun 2005.

Projek BioGen dilaksanakan untuk mengurangkan pembaziran sisa sawit dan pembebasan Gas Rumah Hijau daripada sisa industri sawit serta penjanaan tenaga elektrik melalui penggunaan sumber RE. Komponen utama projek ini iaitu pelaksanaan dua (2) projek *Full Scale Model* (FSM) projek berasaskan biomass 10MW oleh MHES Asia Sdn. Bhd. (MASB) dan projek biogas 0.5MW oleh FELDA *Palm Industry* Sdn. Bhd. (FPI) di Serting, Negeri Sembilan yang dijangka siap pada akhir tahun 2009.

Projek MBIPV pula adalah untuk menggalakkan penggunaan sistem solar pada bangunan di samping menurunkan harga sistem sistem solar melalui peningkatan permintaan. Projek ini dilancarkan pada tahun 2005 untuk tempoh RMKe-9 (2006-2010) dan sehingga 31 Disember 2009, sebanyak 1,000 kW tenaga solar telah dapat dihasilkan. Dari aspek kos, ia telah berjaya dikurangkan daripada RM31,410.00 per kW ke RM26,139.00 per kW iaitu pengurangan sebanyak 16.8%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan insentif fiskal bagi syarikat-syarikat yang menjana elektrik daripada sumber RE semenjak tahun 2003. Insentif-insentif ini termasuklah Taraf Perintis (*Pioneer Status*) dan Elaun Cukai Pelaburan (*Investment Tax Allowance*). Selain itu, pengecualian turut diberikan kepada duti import dan cukai jualan keatas peralatan sistem *photovoltaic* sistem pemanas solar buatan tempatan.

Di sini saya juga ingin memaklumkan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telah melaksanakan kajian bagi merangka cadangan Dasar dan Pelan Tindakan RE yang baru bagi memacu pembangunan RE di negara ini termasuklah pembentukan Akta Tenaga Boleh Diperbaharu. Dasar dan Pelan Tindakan ini dirangka bagi memastikan RE dapat memainkan peranan yang lebih signifikan dalam membantu menjamin keselamatan tenaga (*energy security*) negara dalam penjanaan tenaga elektrik melalui pengurangan pergantungan kepada sumber bahan api fosil. Pelan Tindakan ini akan di bawa untuk pertimbangan Mesyuarat Jemaah Menteri dan dijangka akan dilaksanakan di bawah RMKe-10 sekiranya diluluskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. JAMES DAWOS MAMIT
[MAMBONG]
TARIKH : 17 JUN 2009
SOALAN :

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan terkini pesakit Influenza A (H1N1) di negara kita dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal penyebaran penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Wabak Influenza A (H1N1) ini mula dikesan di Mexico dan Amerika Syarikat pada 24 April 2009. Sehingga **16 Jun 2009**, wabak ini telah menular ke **76 buah negara** melibatkan sejumlah **36,094 kes** dengan **163 kematian**. Majoriti kes yang dilaporkan (95%) adalah dari benua Amerika. Daripada **76 buah negara** tersebut, sejumlah **29 buah negara** telah melaporkan kes jangkitan tempatan, dan di benua Asia pula, kes-kes tempatan telah dilaporkan di Singapura, Filipina, Australia, Jepun, China dan Korea Selatan.

Wabak Influenza A (H1N1) ini adalah disebabkan oleh virus influenza baru iaitu Influenza Virus A (California/04/2009), yang merupakan campuran daripada *North American swine*, *North American avian*, *North American human* dan *Eurasian swine*. Wabak ini tiada kaitan dengan *swine flu virus* pada haiwan ternakan babi dan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) pada 30 April 2009 telah menamakan virus baru ini sebagai Influenza A (H1N1) di mana sebelum ini ia disebut sebagai *Swine Flu virus*.

Penyakit Influenza A(H1N1) ini berjangkit melalui *droplet* cecair bersin dan batuk dan mereka yang *close contact* dalam lingkungan satu meter adalah berisiko mendapat jangkitan. Masa *incubation* adalah selama empat hingga tujuh hari dengan simptom utama adalah demam, batuk dan sakit badan. Cara pencegahan yang terbaik adalah penjagaan kebersihan diri seperti menutup mulut ketika batuk dan bersin serta mencuci tangan dengan sabun. Mereka yang sakit seharusnya tidak mengunjungi kawasan awam untuk mengelakkan penularan penyakit.

Semua pelawat-pelawat dari luar negara serta warganegara Malaysia yang pulang akan dibuat saringan di semua pintu masuk antarabangsa udara, darat termasuk yang melalui pintu masuk air juga akan dibuat saringan secara visual dan pemeriksaan perubatan sekiranya mereka menunjukkan gejala-gejala influenza. Mereka yang disahkan ada tanda-tanda influenza serta mempunyai rekod melawat negara-negara yang terlibat dengan jangkitan influenza A(H1N1) dalam tempoh 7 hari akan dirujuk ke hospital khas untuk siasatan lanjut.

Sehingga 16 Jun 2009, sejumlah 18 kes telah disahkan sebagai jangkitan Influenza A (H1N1) telah dilaporkan di negara ini. Semua kes adalah kes import, iaitu mereka mendapat jangkitan di luar negara dan dikesan di Malaysia. Untuk makluman, fakta berkaitan 18 kes ini adalah seperti berikut :

- a) Sembilan (9) daripada 18 kes tersebut adalah melibatkan warganegara Malaysia yang mendapat jangkitan di negara yang terlibat dengan jangkitan tempatan Influenza A(H1N1). Empat kes didapati pelajar di negara tersebut dan kembali bercuti di Malaysia sementara 5 kes lagi melibatkan warganegara Malaysia yang pergi melancong dan bercuti di negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1);
- b) Seorang adalah melibatkan penduduk tetap Malaysia yang mendapat jangkitan selepas kembali melawat negara yang terlibat dengan wabak influenza A(H1N1);
- c) Sementara baki iaitu 8 kes adalah di kalangan warganegara asing dari negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1) yang datang melawat Malaysia untuk bercuti;
- d) Empat daripada kes tersebut dikesan semasa saringan di pintu masuk kerana mempunyai tanda-tanda jangkitan influenza (demam dan batuk), sementara baki 15 lagi dikesan melalui sistem pengawasan dan pengesanan di fasiliti-fasiliti perubatan dan kesihatan negara. Kes-kes ini semasa sampai di Malaysia didapati tiada tanda jangkitan dan mereka mula mendapat tanda jangkitan dalam tempoh satu hingga dua hari

selepas ketibaan dan kes mereka ini dikesan semasa mereka datang untuk mendapatkan rawatan.

Kementerian Kesihatan telah mengaktifkan aktiviti pencegahan dan kawalan Influenza A(H1N1) sejak 26 April 2009. Antara langkah yang telah diambil untuk mencegah dan mengawal penyebaran virus Influenza A (H1N1) dalam negara ini adalah:

- a) **Melakukan penyaringan kesihatan terhadap semua pengembara dari negara yang disahkan ada jangkitan virus Influenza A(H1N1) di semua pintu masuk antarabangsa seluruh negara. Setiap pengembara dikehendaki membuat pengisytiharan kesihatan dan menjalani saringan suhu badan. Sejumlah 20 unit alat pengesan /pengimbas suhu badan (demam) telah diletakkan di pintu-pintu masuk negara;**
- b) Kes yang telah disyaki jangkitan virus Influenza A(H1N1) dimasukkan ke hospital yang telah ditetapkan untuk pengawasan dan pemerhatian sehingga keputusan ujian makmal diperolehi;
- c) Kes yang disahkan dijangkiti virus Influenza A(H1N1) diasingkan dan diberikan rawatan *antiviral* sehingga sembuh;
- d) Kontak kepada kes jangkitan virus Influenza A(H1N1) akan diletakkan di bawah kuarantin di rumah selama tujuh hari dari tarikh kontak terakhir dengan kes. Sekiranya mereka

menunjukkan tanda-tanda jangkitan virus Influenza A(H1N1), mereka akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut;

- e) Petugas-petugas yang terlibat dalam pengendalian kes Influenza A(H1N1) diwajibkan memakai alat perlindungan diri dengan cara yang betul dan kesihatan mereka juga akan dipantau pada setiap hari;
- f) Sejumlah 28 buah hospital dengan kemudahan 168 buah katil yang mempunyai fasiliti merawat kes Influenza A(H1N1) telah diaktifkan dan dalam keadaan bersiap sedia untuk menerima kes;
- g) Aktiviti kesedaran awam diberikan dengan cara memaklumkan penyakit Influenza A(H1N1), cara penularan dan langkah pencegahan dan kawalan yang perlu diambil;
- h) Memastikan bekalan stok ubat dan alat perlindungan diri mencukupi;
- i) Menyediakan kenyataan akhbar harian oleh Ketua Pengarah Kesihatan yang memaklumkan tentang tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan berkaitan situasi semasa dan khidmat-nasihat yang patut diamalkan oleh warga Malaysia.

Pada 11 Jun 2009, pihak WHO telah menaikkan tahap amaran pandemik influenza daripada 5 kepada 6. Memandangkan wabak penyakit di Malaysia setakat ini belum melaporkan kes tempatan, pihak WHO tidak menyarankan tindakan sekatan perjalanan, ekonomi atau penutupan sempadan. Pada fasa 6 ini, pihak WHO telah menyarankan agar negara-negara yang belum ada penularan

tempatan seperti Malaysia supaya terus mengambil langkah-langkah berwaspada (*vigilant*).

Kementerian Kesihatan telah menyediakan pelan *National Influenza Pandemic Preparedness Plan (NIPPP)* pada tahun 2005 sebagai langkah persediaan kepada pandemik influenza. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, pelan tindakan telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi yang terlibat termasuk latihan, *stockpile* ubat dan alat perlindungan diri (PPE). Sesuai dengan saranan WHO, Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan-tindakan berikut yang bersesuaian dengan Fasa 6 Pandemik :

- a) Mengaktifkan Jawatankuasa Kebangsaan Antara Kementerian untuk menangani wabak fasa 6 yang akan dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan;
- b) Mengaktifkan Majlis Keselamatan Negara untuk menyelaraskan aktiviti pencegahan dan kawalan yang perlu dilaksanakan;
- c) Aktiviti surveilan, pencegahan dan kawalan seperti yang telah dinyatakan dalam NIPPP akan dipertingkatkan; dan
- d) Tindakan *social distancing* untuk membanteras penularan penyakit akan diambil sekiranya penularan tempatan dilaporkan di Malaysia bertujuan untuk mengawal penularan penyakit daripada menjadi lebih meluas. Contoh tindakan adalah seperti penutupan sekolah, institusi dan pembatalan majlis perhimpunan dan perjumpaan awam.

Kementerian amat yakin bahawa dengan kerjasama semua pihak dan sokongan padu daripada seluruh penduduk negara ini, ia akan dapat meminimumkan kesan dan impak daripada pandemik influenza di Malaysia melalui pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan yang cekap dan berkesan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)
TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status projek pembangunan Sekolah Tamil Paya Besar Kulim yang dikatakan menunggu laporan teknikal tanah bagi tapak sekolah yang dicadangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Paya Besar merupakan sekolah kerajaan yang tersenarai dibawah senarai Pakej Rangsangan Ekonomi. Permohonan pengambilan balik tanah SJKT Paya Besar ini telah dipanjangkan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan kini status permohonan adalah di peringkat bagi mendapatkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sejurus kelulusan MMKN, akan disusuli dengan pewartaan tanah di bawah Seksyen 8.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menjangkakan pembayaran pampasan kepada tuan tanah selewat-lewatnya pada penghujung tahun ini dan kerja-kerja pembinaan sekolah dijangka bermula pada awal tahun 2010.

SOALAN NO : 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan penyampaian maklumat yang diberikan kepada rakyat mengenai Skim Bantuan Perubatan kepada rakyat yang kurang berkemampuan bagi mendapat rawatan di hospital-hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tabung Bantuan Perubatan (TBP) merupakan bantuan perubatan yang diberikan kepada rakyat yang kurang berkemampuan bagi mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kerajaan. Bagi memastikan TBP terlaksana, Kementerian Kesihatan telah melakukan pelbagai cara untuk menyampaikan maklumat secara berkesan sebagaimana berikut tindakan-tindakan berikut :

- 1) Pengedaran pamflet di semua hospital Kerajaan dan Pejabat Kesihatan Daerah serta hospital Swasta ;
- 2) Pengedaran borang-borang permohonan TBP kepada semua hospital Kerajaan dan Pejabat Kesihatan Daerah ;
- 3) Maklumat dan borang permohonan boleh diperolehi daripada laman web Kementerian Kesihatan ;
- 4) Urus Setia TBP bekerjasama dengan Persatuan Pegawai Pembangunan Masyarakat (Perubatan) Malaysia dan Jawatankuasa Teknikal Pegawai Kerja Sosial Perubatan dalam mengeluarkan 'Garis Panduan Laporan Sosioekonomi Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan' bagi mengenalpasti kriteria-kriteria pesakit yang layak diberikan bantuan di bawah TBP.
- 5) Urus Setia TBP bekerjasama dengan Pegawai Kerja Sosial Perubatan (PKSP) di setiap hospital Kerajaan bagi membantu pesakit memohon bantuan di bawah TBP.
- 6) Mesyuarat bersama hospital swasta bagi menjelaskan peranan TBP.
- 7) Pemberian maklumat kepada Jabatan Penerangan Malaysia berkaitan bantuan dan subsidi bagi tujuan

penerbitan Buku Jaringan Sosial yang melibatkan tatacara permohonan dan pembayaran TBP.

Sebagai bukti keberkesanan penyampaian tersebut, mulai tahun 2005 sehingga tahun 2009, Kementerian Kesihatan telah meluluskan bantuan kepada 6,240 orang pesakit berjumlah RM71.190 juta (Januari 2005 hingga April 2009).

Pada tahun 2005, sejumlah 366 kelulusan telah diberikan manakala pada tahun 2008, sejumlah 2,254 kelulusan telah diberikan dan ini menunjukkan peningkatan berjumlah 1,888 kelulusan dalam tempoh tersebut. Sehingga April 2009, sejumlah 1,306 kelulusan telah diberikan. Jumlah ini dijangka meningkat kepada 4,400 kelulusan sehingga penghujung Disember 2009.

Untuk makluman, ini jelas menunjukkan bahawa jumlah bantuan kewangan bagi rawatan perubatan yang diluluskan kian bertambah pada setiap tahun dan trend peningkatan ini dijangka akan berterusan. Ini membuktikan bahawa bantuan yang diluluskan di bawah TBP semakin meluas dan dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia. Kerajaan amat berpuas hati dengan penyampaian maklumat yang diberikan kepada rakyat mengenai Skim Bantuan Perubatan kepada rakyat yang kurang berkemampuan bagi mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kerajaan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN
MD RAMLI (KUALA KRAI)**

TARIKH : 17.06.09

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah pelajar yang dibiayai oleh MARA bagi penuntut bidang perubatan dan kejuruteraan di luar negara (sebutkan mengikut negara) bagi 2009.

JAWAPAN:

Jumlah pelajar yang dibiayai oleh MARA dalam bidang perubatan dan kejuruteraan di luar negara bagi tahun 2009 ialah seramai 1,029 orang; iaitu seramai 720 pelajar adalah dalam bidang perubatan dan 309 pelajar dalam bidang kejuruteraan.

Majoriti pelajar iaitu seramai 156 orang (21.67%) dihantar untuk mengikuti pengajian dalam bidang perubatan di negara Mesir diikuti India iaitu seramai 125 pelajar (17.36%) dan Ireland seramai 105 pelajar (14.58%). Baki selebihnya iaitu seramai 334 pelajar dihantar di negara-negara seperti Rusia, Ukraine, Republik Czech, United Kingdom, Jordan, Australia, Indonesia dan New Zealand.

Bagi bidang kejuruteraan pula, majoriti pelajar iaitu seramai 155 orang (50.16%) dihantar untuk mengikuti pengajian di Australia; diikuti Rusia dan

Ukraine iaitu seramai 39 pelajar (12.62%), Kanada seramai 28 pelajar (9.06%) dan German seramai 27 pelajar (8.73%). Selain itu, MARA juga menghantar seramai 23 pelajar (7.44%) ke Amerika Syarikat, 20 pelajar (6.47%) ke Perancis dan 17 pelajar (5.5%) ke United Kingdom.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]
TARIKH : 17 JUN 2009
SOALAN :

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah poliklinik di daerah Serian. Kalau ya, bilakah ianya dijangka akan didirikan. Kalau tidak, mengapa.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan belum bercadang untuk membina sebuah poliklinik di daerah Serian kerana daerah ini telah mempunyai sebuah hospital yang mampu memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di sekitar daerah Serian. Di samping itu, di Hospital Serian terdapat Jabatan Pesakit Luar yang mampu memberikan perkhidmatan kepada penduduk di sekitar daerah Serian.

SOALAN NO: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]

TARIKH : 17 JUN 2009

RUJUKAN : 1788

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penubuhan Mahkamah Seksyen Khas di Depot Tahanan PATI dalam usaha mempercepatkan kes-kes yang melibatkan pendatang asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Gombak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Mahkamah Sesyen Khas pertama ditubuhkan pada 15 Disember 2006 iaitu di Depot Tahanan Sementara (DTS) Imigresen Semenyih** dan seterusnya telah diadakan di 13 Depot Imigresen di seluruh negara. **Sejak ia ditubuhkan sehingga 31 Mei 2009, sebanyak 62,711 kes telah dibicarakan dan didakwa.**

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) **sejak penubuhan Mahkamah Sesyen Khas tersebut, terdapat peningkatan dari segi urusan pendakwaan dan pengusiran bagi tahun 2006 hingga 2008.** Walaupun terdapat penurunan sebanyak 20.2% bagi urusan pendakwaan bagi tahun 2007, adalah didapati jumlah PATI yang diusir bagi tahun tersebut telah menunjukkan peningkatan sebanyak 90.4% berbanding tahun 2006. Manakala, **bagi tahun 2008 urusan pendakwaan dan pengusiran mencatatkan peningkatan sebanyak 88.6% dan 6.5% jika dibandingkan dengan tahun 2007.**

Maklum balas yang didapati daripada JIM setelah tertubuhnya Mahkamah Sesyen Khas bagi setiap DTS di seluruh negara

menunjukkan ia telah dapat mengurangkan kesesakan di DTS akibat bilangan PATI yang terlalu ramai, mengurangkan kos pengurusan dan penyelenggaraan DTS oleh Kerajaan, mencegah masalah-masalah lain yang berpunca dari masalah kesesakan dalam DTS seperti rusuhan dan pergaduhan di kalangan PATI dan mempercepatkan urusan pendakwaan dan pengusiran PATI.

SOALAN NO. (53)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)
TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) jumlah permohonan dan kelulusan bagi Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- (b) adakah skim ini masih wujud bagi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

- a) Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang layak adalah diperakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing dan dihantar kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk kelulusan. Sehingga 31 Mei 2009, jumlah penerima bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) seluruh negara ialah 23,776 Ketua Isi Rumah (KIR).

- b) Program Pembasmian Kemiskinan Bandar yang mula dilaksanakan sejak tahun 2006 masih berjalan hingga sekarang.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

SOALAN :54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah keputusan yang diberikan oleh Mahkamah Persekutuan dalam krisis perlembagaan negeri Perak tidak mempunyai apa-apa alasan perundangan.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Y.B., pernyataan tersebut adalah tidak tepat sama sekali. Ini adalah kerana bagi kes rujukan nombor 06-3-2009(W) di antara **Jamaluddin bin Mohd Radzi dan 2 Lagi Lawan Sivakumar a/l Varatharaju dan Suruhanjaya Pilihanraya (Pencelah)**, alasan penghakiman telah pun disediakan oleh Y.A Tan Sri Dato' Bentara Istana Nik Hashim bin Nik Ab. Rahman, Hakim Mahkamah Persekutuan bertarikh 8hb Jun 2009. Bagi kes rujukan nombor 06-4-2009 (W) di antara **Y.A.B Dato' Dr Zambry bin Abd Kadir dan 6 Lagi Lawan Y.B Sivakumar a/l Varatharaju Naidu dan 1 Lagi**, alasan penghakiman telah pun disediakan oleh Y.A Dato' Sri Augustine Paul, Hakim Mahkamah Persekutuan bertarikh 3hb Jun 2009.

Bagi kes rujukan nombor 06-1-2009 (W) di antara **Dato Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin Lawan Dato' Zambry bin Abd Kadir** dan kes rujukan nombor 06-2-2009 (W) di antara **Jamaluddin bin Mohd Radzi dan 2 Lagi Lawan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu** yang ditetapkan untuk perbicaraan pada 23hb Mac 2009, dimaklumkan bahawa alasan penghakiman tidak disediakan memandangkan kes-kes tersebut bukanlah berkenaan perkara yang substantif, malahan ianya adalah bantahan awal dari pihak-pihak sahaja, iaitu isu bahawa Mahkamah Tinggi tiada bidangkuasa untuk memindahkan prosiding ke Mahkamah Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)**

TARIKH : **17 JUN 2009 (RABU)**

SOALAN : **Y.B. TUAN RAIME BIN UNGGI [Tenom]**
..
minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah rancangan atau langkah-langkah Kerajaan untuk menyuburkan nilai-nilai perpaduan dan silaturahim di kalangan pelbagai kaum di Malaysia berikutan masalah perkauman yang semakin ketara.

JAWAPAN : (oleh YB Senator Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon)

Tuan Yang diPertua,

Secara keseluruhannya perpaduan kaum di Negara ini masih terkawal. Kebanyakan kes yang melibatkan ketegangan kaum disebabkan oleh perkara atau pergaduhan kecil secara peribadi yang kemudiannya menjadi lebih besar dan merebak apabila ia melibatkan campurtangan atau disertai oleh kawan-kawan atau kumpulan-kumpulan dari kedua-dua pihak.

Selain dari itu, kadangkala terdapat juga ketegangan yang berlaku di kalangan masyarakat disebabkan oleh faktor atau reaksi politik kepada sesuatu isu yang melibatkan kaum-kaum tertentu. Suara-suara yang seolah-olah memperjuangkan hak sesuatu kaum tertentu kadangkala menjadi melampau atau merebak menjadi demonstrasi dan menyentuh hak atau kesensitifan kaum lain. Ini mencetuskan reaksi dan membangkitkan perasaan marah, maka terdoronglah kaum yang disentuh haknya itu untuk bersuara dan membantah isu-isu yang dibangkitkan dan dengan demikian timbullah ketegangan.

Walau apa pun keadaannya, jika dilihat kembali sejarah Negara, sejak 13 Mei 1969, iaitu 40 tahun yang lepas, Malaysia cuma mencatat satu kes pergaduhan kaum yang mencemaskan dan mengakibatkan maut, iaitu di Kampung Medan pada tahun 2001. Dalam tahun 2007, sebanyak 1583 kes pergaduhan antara kaum telah dilaporkan dan 1522 kes pada tahun 2008. Kaedah pengukuran ini merupakan satu ukuran dalam menentukan tahap perhubungan kaum di negara ini. Jika itu asasnya, didapati bahawa hubungan kaum di Malaysia adalah dalam keadaan terkawal dan masyarakatnya hidup dalam suasana harmoni.

Pada tahun 2006, Jemaah Menteri telah meluluskan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Lima Tahun 2006-2010(PTPNIN). Objektif utama pelan ini adalah untuk memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan, patriotik dan megah sebagai rakyat Malaysia dan ingin meningkatkan toleransi dan keharmonian antara kaum. Pelan ini juga mempunyai 19 strategi dan melibatkan 36 agensi kerajaan,

swasta dan badan bukan Kerajaan dalam melaksanakan program-program yang berunsur kepada pengukuhan penyatuan dan perpaduan masyarakat.

JPNIN sentiasa bekerjasama rapat dengan polis bagi memantau perhubungan kaum di Negara ini. Selain itu, antara usaha lain yang diambil oleh JPNIN dalam mengurangkan bilangan kes pergaduhan antara kaum adalah mengadakan Program Mediasi Komuniti yang melibatkan pemimpin-pemimpin masyarakat khususnya dari Rukun Tetangga dan pegawai-pegawai JPNIN.

Di samping itu JPNIN juga sentiasa berusaha memberi tumpuan kepada pendidikan perpaduan melalui Tabika Perpaduan, kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah, sekretariat Rukun Negara di Institut Pengajian Tinggi. Ianya bertujuan untuk menyuburkan nilai-nilai perpaduan di kalangan generasi muda supaya dapat mengukuhkan perpaduan kaum di Negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
(KUALA TERENGGANU)
TARIKH : 17.06.2009
NO. SOALAN : 56

TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan telah menjalankan kajian mendalam terhadap kesan menaikkan harga minyak RON 97 pada 1 September ini. Sekiranya ada, apakah kesannya terhadap pengguna.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Kerajaan telah mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak termasuk persatuan-persatuan pengguna mengenai langkah Kerajaan untuk memperkenalkan RON95 di pasaran dan menjadikan RON97 sebagai produk premium. Kenaikan harga RON97 tidak akan memberi kesan kepada pengguna kerana pengguna mempunyai pilihan untuk menggunakan RON95 yang harganya disubsidikan oleh Kerajaan. Selain itu, pengguna juga dapat menikmati kualiti petrol yang hampir setanding dengan RON97 pada harga

yang lebih rendah dan secara tidak langsung memberikan penjimatan kepada perbelanjaan pengguna. Ini kerana kebanyakan jenis kenderaan di negara ini boleh menggunakan petrol RON95 di mana spesifikasi minima bagi kebanyakan enjin kenderaan adalah RON91 dan ke atas.

DISEDIAKAN OLEH

Nama : Mohd Fariszan Bin Ahmad
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri

DILULUSKAN OLEH

Nama : Encik Daud bin Tahir
Timbalan Ketua Setiausaha (PDN)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN : Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengumumkan KPI setiap Kementerian bagi tahun 2009 dan 2010 supaya prestasi Kerajaan boleh dinilai oleh rakyat.

JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon)

Tuan Yang di-Pertua

Bidang Hasil Utama atau “Key Results Area” (KRA) dan Petunjuk Prestasi Utama atau “Key Performance Indicator” (KPI) yang tertentu dan penting dijangka akan dapat diumumkan secara berperingkat, sebelum penghujung tahun ini, terutamanya KRA dan KPI yang menyentuh secara langsung dan mempunyai kesan yang besar terhadap kehidupan, kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat. Apa yang ditekankan oleh KRA dan KPI adalah hasil atau “outcome” dan bukan “input” atau “output”.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]
TARIKH : 17 JUN 2009
RUJUKAN : 1789

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing Bangladesh yang telah diluluskan kepada Syarikat Network Esquire sejak tahun 2007, daripada jumlah tersebut berapakah yang telah diterima oleh syarikat itu, dan jumlah sebenar yang bekerja di situ dan apakah tindakan diambil berkenaan aduan terhadap syarikat itu.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Segambut di atas soalan yang dikemukakan

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Network Esquire merupakan sebuah syarikat berteraskan perniagaan pertanian. Kementerian ini telah memberi kelulusan untuk membawa masuk seramai 1100 pekerja asing Bangladesh kepada Syarikat Network Esquire. Walaubagaimanapun, syarikat hanya membawa masuk seramai 343 orang pekerja asing Bangladesh daripada kelulusan yang diberikan.

Kementerian telah menerima aduan daripada salah seorang pengarah syarikat Network Esquire mengenai berlakunya penyelewengan pengurusan oleh pengarah - pengarah syarikat yang lain. Hasil siasatan, Kementerian mendapati syarikat ini telah pun ditutup berdasarkan laporan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Kementerian telah mengambil langkah segera dengan membekukan semua urusan kemasukan baki pekerja asing Bangladesh syarikat tersebut. Bagi pekerja asing yang telah berada di negara ini, Kementerian di dalam proses memindahkan semua pekerja terbabit kepada majikan yang baru. Tindakan ini dibuat bagi memastikan kebajikan pekerja terbabit terbelas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]
TARIKH : 17 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan poliklinik di kawasan Sepupok, Niah. Bilakah pembinaan poliklinik tersebut akan dimulakan memandangkan perkhidmatan kesihatan amat diperlukan oleh penduduk di Sibuti.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk melaksanakan pembangunan fasiliti kesihatan seperti poliklinik memandangkan tiada cadangan projek dalam RMK-9. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengkaji dan mempertimbangkan pembinaan sebuah fasiliti kesihatan yang bersesuaian di kawasan Sepupok, Niah di bawah RMK-10 akan datang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE
TARIKH : 17.06.2009 (RABU)

SOALAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula konsesi bekalan ubat yang diberikan kepada Renong yang kini dipegang oleh Pharmaniaga.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Y. B., Kerajaan telah bersetuju secara prinsip untuk menyambung konsesi penswastan Makmal Ubat dan Stor Kementerian Kesihatan Malaysia kepada syarikat Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. tertakluk kepada terma dan syarat baru yang akan dirundingkan oleh Kerajaan dengan syarikat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
(HULU TERENGGANU)**

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tindakan yang boleh diambil terhadap pengguna telefon yang membuat panggilan menggunakan nombor telefon orang lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya adalah tidak menjadi satu kesalahan bagi seseorang pengguna telefon membuat panggilan dengan menggunakan nombor telefon kepunyaan orang lain dengan persetujuan tuan punya telefon itu untuk tujuan komunikasi.

Walau bagaimana pun, pemilik telefon dinasihatkan supaya berwaspada dan adalah menjadi tanggung jawab mereka untuk mengambil langkah yang sewajarnya apabila membenarkan pihak lain menggunakan telefon kepunyaan mereka bagi mengelak ianya disalahgunakan bagi melakukan kesalahan jenayah atau melanggar mana-mana undang-undang, sama ada melalui panggilan ataupun penghantaran pesanan ringkas (SMS).

Mengikut seksyen 233 (1) Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa yang membuat panggilan atau menghantar pesanan ringkas (SMS) yang berunsur ugutan, mengancam, palsu, lucah, jelik dan sebagainya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain. Memandangkan nombor berkenaan didaftarkan atas nama pemilik telefon tersebut, adalah menjadi tanggungjawab pemilik untuk membuktikan yang dia tidak melakukan kesalahan tersebut sebaliknya dilakukan oleh orang yang telah meminjam telefonnya.

Sabit kesalahan, seseorang itu boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua duanya. Di samping itu, kesalahan seperti ini boleh juga diambil tindakan di bawah undang-undang lain seperti Kanun Keseksaan atau Akta Hasutan di bawah yang membawa hukuman yang lebih berat.

Bagi kes kehilangan telefon bimbit, pemilik telefon berkenaan bertanggungjawab membuat laporan polis dan juga memaklumkan

kepada Pemberi Perkhidmatan untuk membatalkan nombor telefon berkenaan dengan seberapa segera. Ini juga untuk mencegah telefon tersebut disalahgunakan bagi tujuan melakukan jenayah.

Setakat ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) masih belum menerima sebarang aduan dari pemilik telefon yang menyatakan telefonnya telah disalahgunakan oleh orang lain untuk melakukan kesalahan jenayah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN
(BATU GAJAH)
TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar kerajaan Malaysia bercadang untuk membeli peralatan mengundi elektronik dari negara India seperti yang dilaporkan. Jika ya, mengapa dan berapa anggaran kosnya serta jaminan ia tidak akan berulang pembaziran seperti yang berlaku dengan pembelian dakwat calit kuku sebelum ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan yang dibuat oleh Y. B dari Batu Gajah itu adalah tidak benar.

Sebenarnya kerajaan tidak tahu menahu mengenai cadangan untuk membeli peralatan mengundi elektronik dari negara India. Kerajaan pada masa ini tidak pernah dimaklumkan perkara tersebut oleh mana-mana pihak, termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Dalam hal ini soal berapa anggaran kos dan jaminan pembaziran tidak berulang seperti yang disarankan oleh Y. B dari Batu Gajah adalah tidak timbul.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TAN SRI ONG KA TING
(KULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2009

Tan Sri Ong Ka Ting (Kulai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian setiap pembelian perolehan Kerajaan yang melebihi RM100 juta yang tidak diuruskan melalui tender terbuka atau tender terhad. Apakah justifikasinya bagi setiap kelulusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peraturan perolehan semasa menetapkan semua perolehan Kerajaan yang melebihi RM500,000 hendaklah diuruskan secara tender. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap ketelusan dalam proses perolehan agar matlamat untuk mendapat nilai faedah terbaik dapat dinikmati.

2. Bagi perolehan kerajaan yang bernilai melebihi RM100 juta, Kementerian-kementerian hendaklah memohon daripada

Kementerian Kewangan terlebih dahulu untuk mendapat pengecualian daripada kaedah tender. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus bertarikh 17 April 2002 yang menetapkan perkara-perkara seperti berikut:

- Permohonan rundingan terus akan hanya dipertimbangkan sekiranya perolehan belum dilaksanakan
- Surat permohonan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal
- Permohonan hanya boleh dipertimbangkan berasaskan kriteria seperti berikut:

(a) Keperluan Mendesak

Perolehan kerja/bekalan/perkhidmatan yang mendesak atau perlu disegerakan. Sekiranya perolehan tersebut tidak dibuat dengan segera maka akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

(b) Bagi Maksud Penyeragaman

Bagi memastikan kesesuaian penggunaan antara barangan yang sedia ada dengan barangan baru yang akan dibeli, maka permohonan untuk membeli barangan yang sama dan daripada pembekal yang sama secara rundingan terus boleh dipertimbangkan.

SOALAN NO: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 17 JUN 2009

RUJUKAN : 1790

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab pihak polis lebih fokus menggempur kes-kes kecil seperti menahan peserta menyalakan lilin berbanding menyelesaikan kes-kes jenayah yang lebih besar seperti rompakan, ragut dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis akan mengambil tindakan ke atas sesiapa yang melakukan kesalahan yang boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam tanpa mengira sama ada ia adalah kes yang kecil atau besar. Tindakan pihak polis menahan peserta perhimpunan yang menyalakan lilin adalah kerana mereka mengadakan perhimpunan secara haram iaitu tanpa kebenaran polis.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya tegaskan di sini bahawa pihak polis tidak sesekali mengalihkan fokus daripada kes-kes jenayah yang berlaku sejak akhir-akhir ini seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat. Tindakan untuk membanteras jenayah dilakukan secara berterusan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA)
TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA] minta Menteri Pelajaran menyatakan pada 8 Mei 2009, Timbalan Menteri secara peribadi menyokong usaha mengembalikan semula PPSMI ke dalam Bahasa Melayu sebagai memartabatkan semula bahasa kebangsaan. Justeru itu, apakah tindakan penyelesaian oleh Kerajaan sesuai dengan kenyataan positif oleh Timbalan Menteri berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil kira pandangan semua pihak sama ada individu-individu berkepentingan dan melalui perbincangan seperti persidangan meja bulat, pakar-pakar bahasa dan NGO dalam menentukan hala tuju PPSMI. Memandangkan PPSMI merupakan satu dasar yang besar, KPM memerlukan lebih masa untuk membuat keputusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Menteri Pelajaran akan memberikan jawapan bagi kesemua persoalan mengenai dasar ini pada sesi Persidangan Parlimen ini nanti.

NO. SOALAN: 66

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN

Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab bekalan gas semulajadi tidak mencukupi bagi perusahaan tempatan dan baru serta langkah untuk menangani masalah dan adakah perancangan untuk mengurangkan harga jualan gas.

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, , kapasiti.loji-loji pemprosesan gas di Semenanjung Malaysia pada masa ini berupaya untuk memproses dan menyalur kira-kira 2,000 juta kaki padu gas sehari (mmscfd). Namun demikian, permintaan terhadap bekalan gas asli terutamanya daripada sektor industri telah meningkat secara mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Berikutan peningkatan permintaan tersebut, keseluruhan kapasiti pembekalan gas asli di Semenanjung Malaysia pada masa ini telahpun dikontrakkan

sepenuhnya (*fully contracted out*) kepada para pengguna di sektor elektrik dan sektor bukan elektrik termasuk industri.

Kerajaan memberi perhatian yang serius berhubung kedudukan bekalan gas di Semenanjung Malaysia. Antara langkah segera yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani kekurangan bekalan ini adalah dengan mengagihkan gas berjumlah 100 mmscfd daripada sektor elektrik kepada sektor industri untuk tempoh sementara. Kerajaan juga sedar bahawa isu perbezaan harga yang ketara antara gas dan bahan api alternatif perlu ditangani untuk mengurangkan tekanan permintaan ke atas gas asli dan sehubungan itu Kerajaan pada 4 Jun 2008 dan 4 Julai 2008 telah memutuskan untuk menstruktur semula harga gas kepada sektor elektrik dan sektor industri secara berperingkat. Di bawah langkah penstrukturan ini, harga gas kepada sektor elektrik dan bukan elektrik akan disemak enam bulan sekali.

Tuan Yang di Pertua,

Beberapa langkah jangka sederhana juga sedang diteliti untuk menangani masalah kekurangan bekalan termasuklah usaha menggalak pihak industri melaksanakan audit tenaga (*energy audit*) dalam sistem pengeluaran bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber bahan tersebut serta penggunaan peralatan yang lebih cekap tenaga (*demand-side management*).

Untuk jangka yang lebih panjang pula, usaha-usaha juga sedang diambil untuk menggalakkan pihak industri mengoptimumkan kemudahan *co-generation*. Di samping itu, penambahbaikan dalam

sektor elektrik melalui penggunaan teknologi penjanaan yang cekap tenaga juga sedang dikaji bagi menjimatkan penggunaan gas supaya sebahagiannya dapat disalur kepada sektor industri. Sementara itu, pihak PETRONAS juga sedang berusaha untuk mendapatkan bekalan gas tambahan dari luar negara bagi menampung permintaan tempatan yang semakin meningkat.

Sukacita juga saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat, bahawa selain daripada gas, pihak industri mempunyai beberapa pilihan bahan api lain seperti '*medium fuel oil*' (MFO), *diesel* dan gas petroleum cecair (LPG) untuk digunakan dalam proses pengeluaran mereka. Bahan api alternatif ini tidak menghadapi masalah bekalan dan boleh diperolehi dengan mudah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
(SETIU)
TARIKH : 17 JUN 2009
SOALAN : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
(SETIU)

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai jumlah penduduk miskin di negara ini mengikut negeri pada tahun 2007 dan 2008 dan sejauhmanakah keberkesanan usaha yang dilaksanakan bagi menangani masalah ini mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' DEVAMANY a/l S.KRISHNASAMY

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengikut Laporan Penyiasatan Isirumah (HIS) terkini pada tahun 2007 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan, Jabatan Perdana Menteri jumlah penduduk miskin di negara ini mengikut negeri secara perbandingan dengan tahun 2004 dan 2007 adalah seperti di Jadual I.

**Jadual I: Jumlah Penduduk Miskin Mengikut
Negeri
bagi tahun 2004 dan 2007 dari HIS**

Negeri	2004	2007
Johor	12,800	10,500
Kedah	27,300	12,800
Kelantan	30,000	21,300
Melaka	2,700	3,000
Negeri Sembilan	2,700	2,800
Pahang	12,100	5,500
P.Pinang	800	5,000
Perak	25,200	18,200
Perlis	3,100	3,600
Selangor	11,200	8,500
Terengganu	29,500	13,200
*W.P. Kuala Lumpur	4,900	5,200
Sabah	114,200	78,800
Sarawak	34,800	20,600
Malaysia	311,300	209,000

**Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan*

Dalam tempoh empat tahun (2004-2007) bilangan penduduk miskin negara telah berkurangan sebanyak 32 peratus walaupun terdapat sedikit peningkatan di beberapa negeri. Walau bagaimanapun negeri yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi masih Sabah dan diikuti oleh Kelantan dan Sarawak. Laporan Penyiasatan Isirumah tahun 2008 sedang dalam proses untuk dimuktamadkan dan akan diterbitkan dalam masa terdekat.

Dari segi keberkesanan usaha yang telah dilaksanakan bagi menangani masalah kemiskinan, ia diukur melalui penurunan insiden kemiskinan rakyat Malaysia daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 16.5% pada tahun 1990, 7.5% pada tahun 2000 dan seterusnya kepada hanya 3.6% pada tahun 2007. Kerajaan bertekad untuk menurunkan kadar kemiskinan kepada 2.8% dan mensifarkan kemiskinan tegar menjelang tahun 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA
(PADANG TERAP)
TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Mohd Nasir bin Zakaria (Padang Terap) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan samada Kerajaan akan meneruskan agenda Islam Hadhari setelah Konsep 1 Malaysia diperkenalkan dan sejauh manakah konsep ini bertepatan dengan kehendak agama Islam.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan selamanya sentiasa bertanggungjawab di atas kesejahteraan agama, dan juga kesucian akidah yang dianuti oleh rakyat dan umat Islam di Malaysia. Maka di atas prinsip inilah tugas dan tanggungjawab di peringkat persekutuan melalui JAKIM, kerajaan sentiasa menjaga perkembangan Islam di Malaysia dan

sentiasa berwaspada terhadap unsur-unsur yang tidak sihat yang menyentuh akidah umat Islam.

Disamping itu kerajaan memperkenalkan Pendekatan Hadhari dengan tidak menambah sebarang perkara baru dalam agama Islam. Melalui prinsip pertama Pendekatan Hadhari iaitu Keimanan dan Ketaqwaan kepada Allah menunjukkan pendekatan ini amat menekankan soal penjagaan akidah dan keimanan kepada Allah S.W.T.

Pendekatan ini juga diperkukuhkan dengan 9 lagi prinsip utama iaitu Kerajaan Adil dan Beramanah, Rakyat Berjiwa Merdeka, Penguasaan Ilmu Pengetahuan, Pembangunan Ekonomi Seimbang dan Komprehensif, Kehidupan Berkualiti, Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita, Keutuhan Budaya dan Moral, Pemuliharaan Alam Semulajadi dan Kekuatan Pertahanan.

Walaupun kerajaan sentiasa mengkaji bagi tujuan penambahbaikan kearah memantapkan Pendekatan Hadhari seiring dengan gagasan 1 MALAYSIA sebagaimana yang telah dijelaskan oleh YAB Perdana Menteri di hari pertama sesi Dewan ini.

SOALAN NO: 69

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

**SOALAN : Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan :-**

- (a) jumlah lesen menangkap ikan laut dalam yang telah dikeluarkan sejak 10 tahun kebelakangan ini serta pegangan ekuiti tempatan/asing; dan
- (b) mengapakah terdapat banyak kapal menangkap ikan laut dalam dari negara Vietnam di perairan negeri Sabah.

JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Jumlah vesel penangkapan ikan laut dalam yang telah dilesenkan sejak 10 tahun kebelakangan ini adalah sebanyak 1,197 buah yang terdiri daripada vesel-vesel yang dilengkapi dengan peralatan pukot tunda, pukot jerut, rawai dan bubu. Semua vesel laut dalam yang telah dilesenkan adalah hak milik sepenuhnya pengusaha tempatan dan tiada pegangan ekuiti asing dalam pemilikan lesen – lesen tersebut. Dasar pelesenan Jabatan Perikanan juga tidak membenarkan perkongsian antara syarikat tempatan dan asing dalam industri perikanan laut dalam. Perkongsian hanya dibenarkan untuk industri perikanan laut lepas dengan syarat pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 51% adalah hak milik warganegara Malaysia.
- (b) Vesel-vesel dari Vietnam yang didakwa banyak beroperasi di perairan negeri

Sabah adalah milik pengusaha tempatan. Terdapat 13 buah vesel laut dalam yang dibeli oleh pengusaha tempatan adalah vesel terpakai dari Vietnam. Vesel-vesel tersebut adalah hak milik sepenuhnya pengusaha tempatan Sabah dan bukan vesel asing yang diberikan kebenaran atau masuk secara haram untuk menangkap ikan di perairan Malaysia. Vesel-vesel tersebut telah didaftarkan dan dikeluarkan lesen mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perikanan 1985. Oleh itu, dari segi undang-undang telah menjadi vesel tempatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 17 JUN 2009

RUJUKAN : 1791

SOALAN:

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah pihak Kerajaan tidak mengambil tindakan ke atas mat-mat rempit yang berhimpun lebih daripada lima orang untuk ditahan dan didakwa di bawah undang-undang perhimpunan haram.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Telok Kemang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang terlibat di dalam perhimpunan haram sama ada orang awam atau samseng jalanan (mat rempit). Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya mengambil tindakan ke atas samseng jalanan yang berhimpun lebih dari lima orang adalah dialu-alukan sekiranya mereka cuba mendatangkan bencana atau mengganggu ketenteraman awam di mana-mana tempat bebas.

Mengikut Seksyen 83 Kanun Acara Jenayah, definisi perhimpunan yang menyalahi undang-undang adalah di mana kumpulan lima orang atau lebih cuba mendatangkan bencana atau mengganggu ketenteraman di mana-mana tempat bebas dalam negara dan dengan itu Majistret, Pegawai Polis diwartakan, Inspektor dan Ketua Polis Balai adalah berkuasa untuk menyuraikan perhimpunan haram tersebut.

Manakala di bawah Seksyen 141 Kanun Keseksaan, satu-satu perhimpunan boleh dikategorikan sebagai perhimpunan haram sekiranya memenuhi ciri-ciri seperti berikut:-

- (i) terdiri daripada lima orang atau lebih dengan bertujuan bersama melakukan kekerasan atau menunjukkan kekerasan jenayah atau hendak menakutkan Kerajaan atau penjawat awam; menentang pelaksanaan undang-undang atau pencerobohan harta benda dan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED (PULAI)
TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan pendirian Kerajaan mengenai sekolah mubaligh dan nyatakan sebab mengapa sekolah mubaligh yang bersejarah di Bandaraya Johor Bahru tidak diberikan peruntukan pembangunan secukupnya untuk membaik pulih bangunan sekolah yang semakin usang dan membahayakan murid.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memberikan bantuan kewangan kepada semua sekolah tanpa mengira jenis aliran sekolah tetapi tertakluk kepada kemampuan kewangan KPM sedia ada. Kebanyakan sekolah mission ialah sekolah bantuan kerajaan . Ini bererti pembangunan sekolah adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) tersebut. KPM menyedari sekolah mubaligh ini memerlukan bantuan peruntukan untuk tujuan baik pulih dan penyenggaraan. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah ini masih menerima bantuan modal daripada KPM dari semasa ke semasa. Terdapat 5 buah sekolah mission di bandaraya Johor. Dalam Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 1 dan Mini Bajet, sekolah-sekolah mission di Johor menerima peruntukan sebanyak RM2.09juta untuk kerja-kerja penyenggaraan dan baik pulih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 17 JUN 2009

RUJUKAN : 1792

SOALAN :

TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional pihak polis yang menahan ahli akademi Wong Chin Huat yang berpakaian hitam sebagai tanda membantah rampasan kuasa di Perak oleh Barisan Nasional serta penyokong-penyokong bersama peguam-peguam mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, polis menerima laporan mengenai tulisan Encik Wong Chin Huat di dalam blog yang menyeru semua rakyat Malaysia memakai pakaian hitam pada 17 Mei 2009 sebagai simbol '1BlackMalaysia' sebagai bantahan keras kepada Y.A.B. Perdana Menteri yang didakwa memainkan peranan semasa peralihan kuasa di negeri Perak. Dia juga mendakwa konsep '1Malaysia' di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib sebenarnya ialah '1BlackMalaysia' yang hidup di dalam kegelapan.

Rasional polis menahan Encik Wong Chin Huat ialah kerana tulisannya di dalam blog mempunyai unsur hasutan untuk menentang kerajaan yang sah di negara ini. Kes berkenaan telah dirujuk kepada Pendakwa Raya pada 5 Jun 2009.

SOALAN NO: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 17 JUN 2009

RUJUKAN : 1784

SOALAN:

**Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan definisi Mat Rempit.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tangga Batu yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, tiada definisi 'Mat Rempit' yang boleh didapati di dalam mana-mana kamus. 'Mat Rempit' adalah istilah yang diberi oleh media massa kepada penunggang motosikal yang sering menunggang secara laju dan merbahaya di jalan raya. Penunggang motosikal dan pemandu kereta yang terlibat dengan kegiatan lumba haram telah dilabelkan oleh pihak polis sebagai samseng jalanan kerana tindak tanduk mereka ini mendatangkan bahaya dan situasi cemas kepada pengguna jalan raya yang lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN : ..

Dato' Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci kriteria-kriteria yang digunakan dalam memberi pertimbangan kepada pelajar-pelajar lepasan SPM untuk biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan oleh Y.B. Kota Melaka, Y.B. Taiping, Y.B. Pasir Mas dan Y.B. Rasah yang dibangkitkan dalam Dewan pada hari ini, serta Y.B. Tanjong Malim pada 17 Jun dan Y.B. Sibuti pada 18 Jun kerana kesemua soalan-soalan ini adalah mengenai isu yang sama iaitu Program Ijazah Luar Negara 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia menyediakan dua jenis penajaan iaitu Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN). PILN dan PIDN yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah berasaskan faktor-faktor berikut:

- (i) Pembangunan Modal Insan yang menekankan ilmu pengetahuan, kemahiran dan modal intelektual dalam bidang-bidang yang sangat diperlukan oleh negara untuk terus maju, di samping menerapkan pembudayaan sikap progresif dan nilai etika yang tinggi;
- (ii) Kepentingan integrasi nasional dan perpaduan demi keharmonian dan kesejahteraan negara; dan

Sarawak adalah berdasarkan agihan 5% untuk Bumiputera Sabah dan 5% untuk Bumiputera Sarawak. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (65%), kokurikulum (5%), latar belakang sosioekonomi keluarga (25%) dan temuduga (5%).

- (iv) Kategori 4 – Basiswa untuk golongan *socially disadvantaged*, sebanyak 10% daripada jumlah basiswa yang disediakan. Penajaan adalah untuk pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan dan suasana pembelajaran yang terhad dan dari keluarga yang berpendapatan rendah. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (65%), kokurikulum (5%), latar belakang sosioekonomi keluarga (25%) dan temuduga (5%).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Y.B., kecemerlangan akademik yang ditimbang adalah berdasarkan sembilan mata pelajaran utama sahaja, mengikut kesesuaian bidang pengajian yang dipohon oleh pelajar. Had ini ditetapkan bagi memastikan semua calon bertanding di atas *playing field* (dengan izin) yang sama, kerana tidak semua sekolah mempunyai kemampuan dan membenarkan pelajar mengambil lebih daripada sembilan mata pelajaran.

Penajaan di bawah PILN 2009 ditawarkan mengikut bidang pengajian meliputi bidang-bidang kritikal seperti perubatan, pergigian, farmasi

dan perubatan veterinar (40%); bidang profesional seperti kejuruteraan, perakaunan, senibina dan undang-undang (40%) dan bidang-bidang strategik seperti Sains dan Teknologi, Sains Aktuari dan Sains Sosial (20%).

PILN bagi tahun 2009 menawarkan 2,100 biasiswa iaitu 1,176 pelajar Bumiputera dan 924 pelajar bukan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Y.B. juga, bilangan pelajar dan kos yang telah dibelanjakan bagi menghantar pelajar-pelajar tersebut ke luar negara dalam tempoh sepuluh tahun (1998 - 2008) adalah seperti berikut:

Jumlah Pelajar Yang Ditawarkan Biasiswa JPA Di Luar Negara (Tahun 2000 hingga 2008)				
Tahun	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah Keseluruhan	Peruntukan Kewangan (RM 'Juta)
1998*	Tiada penajaan			-
1999*	Tiada penajaan			-
2000	598	150	748	109
2001	609	152	761	96
2002	999	250	1,249	116
2003	1,314	329	1,643	253
2004	1,187	297	1,484	281
2005	1,040	260	1,300	391
2006	1,143	357	1,500	436

Jumlah Pelajar Yang Ditawarkan Biasiswa JPA Di Luar Negara (Tahun 2000 hingga 2008)				
Tahun	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah Keseluruhan	Peruntukan Kewangan (RM 'Juta)
2007	1,170	630	1,800	461
2008	1,100	900	2,000	659

Untuk makluman ahli-ahli Y.B., penajaan untuk PIDN akan diumumkan pada awal Julai 2009.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN : 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesahihan 1 Malaysia (Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan) yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan. Sekiranya benar, mengapa krisis di Perak masih tidak diselesaikan dengan memberi peluang kepada rakyat Perak menentukan Kerajaan pilihan mereka sendiri.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Konsep Satu Malaysia telah diperjelaskan dengan panjang lebar oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Jun 2009, oleh itu, tidak perlu perjelasan kesahihannya lagi.

Dakwaan Yang Berhormat adalah amat tidak tepat. Kerajaan Negeri Perak adalah kerajaan yang secara sah dipilih rakyat negeri Perak sendiri.

Apabila Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak memilih untuk melantik Dato' Seri Dr. Zambry Abdul Kadir sebagai Menteri Besar, Baginda telah berpuas hati bahawa Barisan Nasional mempunyai jumlah kerusi yang mewakili majoriti dalam Dewan Undangan Negeri. Oleh itu, tidak timbul persoalan kononnya rakyat negeri Perak tidak diberi peluang memilih kerajaan pilihan mereka sendiri.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan mengkaji semula kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) untuk mengeluarkan lesen kepada teksi-teksi dan adakah lesen-lesen sebanyak 1,512 mencukupi untuk memberi perkhidmatan di negeri Pulau Pinang dan bilakah keputusan untuk memuktamadkan kenaikan tambang akan dibuat.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan ketika ini tidak bercadang mengkaji semula kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) untuk mengeluarkan lesen kepada teksi-teksi di mana pertimbangan ketika ini dibuat berdasarkan kuota dan keperluan di satu-satu kawasan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah lesen teksi di Pulau Pinang adalah sebanyak 1,450 lesen. Berdasarkan kuota 1:500 bagi satu lesen berbanding jumlah penduduk di Pulau Pinang, maka jumlah tersebut telah mencukupi bagi memberi perkhidmatan kepada penduduk.

Kerajaan akan memuktamadkan semakan kadar tambang pengangkutan awam dan akan diumumkan dalam jangka masa terdekat.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]
TARIKH : 17 JUN 2009
SOALAN : TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) Projek-projek yang telah dilaksanakan dalam kawasan Parlimen Kota Melaka sejak pilihan raya yang lepas dengan peruntukan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) Senaraikan setiap projek dan kosnya;

JAWAPAN : Y.B. DATO' DEVAMANY a/I S.KRISHNASAMY

Tuan Yang Dipertua,

Sejak pilihan raya yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM7.9 juta untuk melaksanakan 391 buah projek di kawasan Parlimen Kota Melaka. Projek yang dijalankan meliputi

sumbangan kewangan kepada persatuan/NGO, penganjuran program sosial/kebudayaan dan pelbagai projek kemudahan awam/asas seperti pembinaan jalan, longkang, *culvert* dan sebagainya.

Selain daripada itu, sebanyak 120 projek pembangunan RMKe-9 melibatkan siling peruntukan sebanyak RM947,881.666 telah dilulus untuk kawasan Parlimen Kota Melaka yang dilaksanakan mulai tahun 2006.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 38 projek yang melibatkan peruntukan RM170.289 juta atau 17.9% telah siap dilaksanakan manakala baki projek masih berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN 55

Minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- (a) Adakah terdapat sebarang jangkamasa yang diperuntukan bagi pendengaran kes-kes bunuh (capital punishment) ; dan

- (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi mempercepatkan perbicaraan kes-kes tersebut.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada jangkamasa tertentu ditetapkan bagi pendengaran kes-kes yang membawa hukuman mati mandatori (capital punishment cases). Walaubagaimanapun, kes-kes sedemikian sentiasa diberikan keutamaan.

Kelancaran perbicaraan kes-kes sedemikian di Mahkamah bukanlah terletak di bahu Mahkamah sahaja kerana ia turut melibatkan pelbagai pihak lain seperti pihak pendakwaan, peguambela orang kena tuduh, ahli kimia, pakar patologi dan sebagainya. Bagi pihak Mahkamah, antara langkah-langkah yang diambil bagi mempercepatkan perbicaraan kes-kes sedemikian adalah :-

- 1) lebih tegas di dalam membenarkan penangguhan;
- 2) penggunaan sistem rakaman keterangan saksi secara elektronik; dan
- 3) menambahkan bilangan hakim.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

NO: 79

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMMUDDEN BIN MD TAIB
(BALING)
TARIKH : 17.06.2009
NO. SOALAN : 79

TUAN HAJI TAIB AZAMMUDDEN BIN MD TAIB (BALING) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan adakah Kerajaan telah menguatkuasakan harga ayam sebagai barang kawalan. Jika ya, mengapa harga ayam sentiasa naik.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Pada masa ini, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bertanggungjawab untuk memastikan bekalan barangan terkawal adalah mencukupi melalui Akta Kawalan Bekalan 1961 dan memantau harga barangan terkawal melalui Akta Kawalan Harga 1946.

Pada 11 Jun 2008, Kerajaan telah bersetuju memansuhkan kawalan harga ayam pedaging dengan harapan ia akan meningkatkan daya saing industri penternakan ayam, meningkatkan kecekapan pengeluaran dan penggunaan sumber secara optimum bagi mengurangkan kos pengeluaran ayam serta mewujudkan peluang pasaran yang adil dan

dinamik sekaligus memberi manfaat kepada para pengguna melalui penghasilan produk yang berkualiti pada harga yang berpatutan. Dengan pemansuhan kawalan harga, maka harga ayam pedaging akan ditentukan oleh pasaran berdasarkan permintaan dan penawaran.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan pemantauan harian, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Pengguna (KPDNKK) mendapati berlaku perubahan harga ayam pedaging terlalu kerap dalam tempoh Januari hingga April 2009. Adalah menjadi kebimbangan kenaikan harga ayam pedaging secara berterusan akan membebankan pengguna memandangkan situasi krisis ekonomi semasa. Justeru itu, KPDNKK kini sedang mempertimbangkan penambahbaikan mekanisma kawalan harga terhadap barang kawalan ayam. Salah satu pendekatan yang diambil adalah melalui penubuhan Jawatankuasa Penetapan Harga Ayam yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPDNKK yang turut dianggotai oleh wakil-wakil persatuan penternak, pemborong, peruncit, pengguna dan agensi-agensi Kerajaan berkaitan.

Dengan adanya jawatankuasa ini semua pihak yang terlibat akan berbincang dan mencari penyelesaian bagaimana isu-isu berkaitan dengan bekalan dan harga ayam pedaging dapat diselesai dalam suasana menang-menang (win-win) diantara pengeluar dan pengguna.

NO. SOALAN :

80

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
(KETEREH)**

TARIKH : 17 JUN 2009

**SOALAN : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
(KETEREH)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah perlantikan Penyelia Parlimen dan Dewan Undangan Negeri serta JKK akan dilaksanakan di Kelantan. Berapakah jumlah anggaran belanjawan dijangka bertambah dan apakah jaminan Kerajaan bahawa perubahan ini akan menjadikan sistem penyampaian Kerajaan di peringkat akar umbi lebih cekap, adil dan berkesan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' DEVAMANY a/l S.KRISHNASAMY

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah bersetuju melantik Penyelaras Parlimen dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi negeri Kelantan. Pelantikan ini dijangka selesai pada bulan Julai 2009. Kerajaan juga telah bersetuju memutuskan supaya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan

(JKKKP) ditubuhkan bagi Negeri Kelantan. Pelantikan ini dibuat bertujuan untuk memastikan program-program yang dirancang oleh Kerajaan Persekutuan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya mengikut jadual dan matlamat program itu sendiri.

Bagi Penyelaras Parlimen dan Penyelaras DUN, pelantikan ini dijangka mewujudkan implikasi kewangan sebanyak **RM2.516 juta setahun**. Manakala peuntukan kewangan yang diperlukan bagi elaun JKKKP adalah berjumlah **RM6.232 juta**.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 17 JUN 2009
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) laporan Ketua Audit Negara bertarikh 23 Jun 2008 ke atas pengurusan Program Latihan Khidmat Negara di muka surat 571 menyebut "Kerajaan terpaksa menanggung bayaran berjumlah RM110.10 juta kepada pengusaha kem" bagi tempoh 2004 hingga 2007 kerana sebab-sebab tertentu, adakah ini berlaku pada tahun 2008 dan jika ya berapa jumlahnya; dan
- (b) adakah empat buah kem yang didapati TIDAK sesuai, iaitu Kem Beringin Beach Resort, Wawasan Sabah, Juara Sarawak dan Peladang Setiu Agro Resort masih digunakan untuk tujuan PLKN.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada setiap tahun, kehadiran pelatih bagi Kumpulan 3 adalah yang paling rendah berbanding dengan Kumpulan 1 dan 2. Bagi mengatasi masalah tersebut, pada tahun 2008 Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) telah mengambil tindakan memanggil semula pelatih penangguhan sehingga umur 35 tahun dan memberi peluang kepada seramai 5,889 pelatih sukarela yang berminat mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi mengisi kekosongan yang berlaku di kem.

Pada tahun 2008, beberapa langkah penambahbaikan telah dilaksanakan oleh JLKN dalam usaha mengurangkan kerugian Kerajaan akibat dari ketidakhadiran pelatih. Antaranya ialah dengan memanggil seramai 24,880 pelatih yang telah tamat tempoh penangguhan untuk mengikuti latihan PLKN, menggalakkan penyertaan pelatih sukarela dan menambah panggilan pelatih dari 110,000 kepada 140,000 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 66,000 pelatih dipanggil untuk Kumpulan 3 bagi tahun 2009.

Di samping itu, JLKN turut mendapatkan kerjasama daripada agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Jabatan Imigresen, Jabatan

SULIT

Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, PERKESO, Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi menyemak dan mengemaskini alamat terkini bakal-bakal pelatih Kumpulan 3 dalam memastikan Notis Panggilan Pelatih dapat diserahkan kepada mereka.

Pada masa yang sama, Jabatan juga telah mengkaji mekanisme bayaran sewaan prasarana yang paling sesuai tanpa merugikan pihak Kerajaan dan adil kepada pihak yang menyediakan perkhidmatan. Hasil daripada kajian semula sewaan prasarana tersebut, satu mekanisme bayaran baru iaitu kehadiran 50 peratus pelatih daripada jumlah siling kontrak dijadikan sebagai bayaran minimum (*guaranteed*). Sehubungan itu bagi pembaharuan kontrak mulai 1 Januari 2009, kehadiran pelatih melebihi jumlah 50 peratus daripada siling kontrak, bayaran sewaan adalah mengikut kehadiran sebenar pelatih.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada keempat-empat buah kem iaitu Kem Beringin Beach Resort, Wawasan Sabah, Juara Sarawak dan Peladang Setiu Agro Resort, adalah dimaklumkan bahawa kesemua kem tersebut masih lagi digunakan untuk pelaksanaan PLKN bagi tahun 2009 oleh kerana kem-kem

SULIT

tersebut telah dibuat penambahbaikan bagi mematuhi dan memenuhi keperluan spesifikasi yang ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah dasar undang-undang untuk Bernama, agensi berita kebangsaan kita, untuk membenarkan Bernama TV menggunakan namanya (Bernama) setakat 31 Mei 2009 dan kenapa Bernama membenarkan sebuah syarikat persendirian berhutang sebegitu banyak wang.

JAWAPAN:

BERNAMA TV dikendalikan oleh syarikat usaha sama BERNAMA dengan syarikat swasta di mana BERNAMA diberikan saham percuma sebanyak 33%. BERNAMA seterusnya membenarkan jenamanya digunakan.

Selepas beberapa peringatan diberikan kepada syarikat persendirian tersebut, tindakan mahkamah telah pun diambil untuk mendapatkan hutang tertunggak tersebut.

SOALAN NO. 83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' RASHID DIN
KAWASAN : MERBOK
TARIKH : 17.06.2009 (RABU)

Y.B. DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai sejak penguatkuasaan dasar Automotif Baru yang telah dilaksanakan beberapa tahun lalu. Apakah kecacatan dasar tersebut hinggan Kerajaan sedang mengkaji semula dasar ini (sudah setahun pengumuman dibuat berkenaan dengan kajian semula).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Objektif keseluruhan Dasar Automotif Nasional yang diperkenalkan pada Mac 2006 adalah untuk menjana nilai ekonomi yang berterusan yang akan memaksimumkan sumbangan industri automotif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sehingga hari ini, langkah-langkah serta inisiatif yang diperkenalkan di bawah Dasar Automotif Nasional (DAN)

telah berjaya membantu industri automotif tempatan mengekal dan meningkatkan daya saingnya. Ini dapat dilihat berdasarkan:

- **keupayaan syarikat pengeluar kereta nasional mengekalkan lebih 60 peratus jualan kereta di pasaran tempatan walaupun terpaksa bersaing dengan jenama kereta yang lain;**
- **keupayaan negara kekal sebagai pasaran terbesar kereta penumpang di rantau ASEAN;**
- **keupayaan dalam mengekalkan aktiviti pemasangan selain pertambahan bilangan jenama dipasang di dalam negara yang pada masa ini lebih dari 30 model yang secara langsung membantu membangunkan vendor dan syarikat-syarikat pembuat komponen dan alat ganti tempatan;**
- **sumbangan dari segi pelaburan dan peluang pekerjaan. Sehingga kini keseluruhan pelaburan dalam industri automotif adalah lebih dari RM13 bilion manakala jumlah pekerja yang terlibat melebihi dari 55,000 orang;**
- **keupayaan produk-produk automotif dan alat ganti tempatan menembusi pasaran di lebih 50 negara dengan nilai eksport setiap tahun melebihi RM2 bilion;**
- **keupayaan syarikat pembuat komponen automotif tempatan yang pada masa ini berjumlah lebih dari 800 syarikat:**
 - **mengeluarkan lebih dari 5,000 komponen untuk pasaran tempatan dan eksport;**

- menjalinkan kerjasama teknikal dengan syarikat komponen global;
 - mendapatkan standard antarabangsa seperti ISO 9000, TS16949 dan ISO 14000; dan
 - mempunyai kepakaran untuk merekabentuk dan membangunkan sendiri komponen untuk syarikat pengeluar dan juga untuk pasaran alat ganti.
- keupayaan syarikat tempatan membuat pelaburan di luar negara. Sehingga kini terdapat 24 syarikat mempunyai pelaburan di Indonesia dan 7 syarikat di Thailand dengan jumlah pelaburan sebanyak RM233.7 juta; dan
 - pertambahan permintaan dan penggunaan alat ganti dan komponen tempatan dari syarikat pembuat dan pemasang kenderaan tempatan melalui Program Rantais Industri, *Industrial Linkages Program* dengan izin.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan menyedari bahawa langkah dan inisiatif yang diperkenalkan dibawah Dasar Automotif Nasional sediaada masih belum berjaya sepenuhnya untuk menghasilkan transformasi dan integrasi optimum industri automotif negara ke dalam jaringan industri serantau dan global yang menjadi semakin liberal dan kompetitif pada masa ini. Oleh yang demikian, kajian semula Dasar Automotif Nasional yang sedang diperingkat akhir kajiannya pada masa ini adalah bertujuan bagi membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan dasar sediaada

bagi memastikan industri automotif negara terus mampu mengekal dan meningkatkan daya saingnya dengan mengambil kira perkembangan semasa yang berlaku dalam industri automotif global.

SOALAN NO: 84

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2009

Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan merangkakan dasar-dasar dari Pakej Rangsangan Ekonomi untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur di Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua seperti yang diumumkan oleh Kerajaan sebanyak RM60 bilion adalah merupakan satu kesungguhan di pihak Kerajaan dalam mengelak negara daripada terjejas teruk oleh krisis ekonomi dunia. Pakej Rangsangan Ekonomi ini telah dirangka dengan tumpuan diberikan kepada empat teras utama, seperti berikut:

Pertama: Mengurangkan Pengangguran dan Menambah Peluang Pekerjaan;

Kedua: Meringankan Beban Rakyat, Terutamanya Golongan Mudah Terjejas;

Ketiga: Membantu Sektor Swasta Menghadapi Krisis; dan

Keempat: Membina Keupayaan Masa Depan.

2. Daripada sejumlah RM60 bilion ini, sebanyak RM10 bilion adalah merupakan suntikan fiskal bagi perbelanjaan pembangunan dan RM5 bilion bagi perbelanjaan mengurus. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM64.7 juta adalah bagi Negeri Pulau Pinang untuk membiayai pelbagai program/projek seperti projek penyelenggaraan infrastruktur awam, projek infrastruktur asas, pembinaan sekolah, pembinaan jalan dan jejambat.

3. Selain itu, sebanyak RM250 juta telah dikenal pasti untuk dilaksanakan secara *off-budget* iaitu projek pembesaran Lapangan Terbang Pulau Pinang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG
(LAWAS)**

TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah guru terlatih yang masih diperlukan di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan di seluruh Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 30 April 2009, keperluan guru terlatih di sekolah rendah adalah seperti berikut :

Bil.	Jenis Sekolah	Keperluan Guru
1.	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	4,238
2.	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	1,451
Jumlah		5,689

Manakala bagi keperluan guru terlatih di Sekolah Menengah Kebangsaan seluruh Malaysia ialah seramai **14,056** orang.

SOALAN NO. (86)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan-pelan spesifik untuk memulihkan Rumah Pangsa Kos Rendah di Taman Pertama, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Adakah cadangan untuk mewujudkan satu badan khas untuk mengendalikan rumah-rumah pangsa seperti ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pangsapuri kos rendah ini telah dibina pada tahun 1984 oleh pemaju swasta iaitu Kinta Properties. Kawasan Pemajuan ini mempunyai 4 blok dengan bilangan parcel berjumlah 280 unit. Perbadanan Pengurusan (MC) penduduk telah ditubuhkan pada tahun 1999.

Menurut Akta 663 (Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan)), kuasa pengurusan bangunan berstrata terletak di bawah pemilik-pemilik parcel bangunan tersebut. Mereka telah diberi kuasa untuk membuat keputusan secara kolektif melalui peruntukan Akta 663 tentang kaedah untuk menguruskan tempat kediaman mereka. Dalam kes Taman Pertama ini, mereka telah gagal untuk melaksanakan tanggungjawab mengurus dan

menyenggara bangunan dan seterusnya menyumbang kepada persekitaran yang kurang memuaskan.

Dalam menangani kes ini, Pesuruhjaya Bangunan Bandaraya Ipoh telah melaksanakan tindakan yang tepat dengan menawarkan pengurusan bangunan tersebut kepada ejen pengurusan yang berkelayakan. Namun tiada ejen pengurusan bangunan yang sanggup menerima tawaran tersebut. Ini berpunca daripada kadar kutipan caj penyenggaraan bulanan yang terlalu rendah dan kebimbangan ejen pengurusan berhadapan dengan tindakbalas daripada penghuni.

KPKT amat menyedari kewujudan masalah-masalah seperti ini. Selain daripada masalah pengurusan bangunan berstrata, ianya juga mempunyai kaitan dengan perubahan cara hidup masyarakat daripada luar bandar ke bandar dan sistem-sistem pengurusan yang terlibat dalam perubahan tersebut. Urusan pengurusan bangunan berstrata ini juga bertambah rumit disebabkan oleh kepelbagaian latarbelakang seperti kaum, agama, budaya, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, perbezaan

umur dan sebagainya. Bagi mengatasi masalah ini, pihak kementerian telah mengenalpasti beberapa tindakan yang perlu dilakukan iaitu:

1. Program pendidikan

Program pendidikan ini akan menumpukan aspek tanggungjawab setiap pemilik tentang tanggungjawab mereka dalam menjelaskan caj penyenggaraan bulanan. Program pendidikan ini boleh dilaksanakan oleh Pesuruhjaya Bangunan Bandaraya Ipoh dan memerlukan sokongan yang padu daripada pemimpin masyarakat berkenaan.

2. Insentif khusus.

Buat masa ini, pihak KPKT hanya mempunyai insentif khas berkaitan bantuan kepada perumahan berstrata yang dibina oleh pemaju kerajaan sahaja. Bagi bangunan yang dibina oleh pemaju swasta, prinsip pengurusan

bangunan berstrata dibawah Akta 663 yang sedia ada
adalah terpakai.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

RAHSIA

SOALAN : 87

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y. B. Dato' Seri Ong Ka Ting
TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN

Y. B. Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta Perdana Menteri menyatakan apakah senarai projek-projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Kerjasama Awam Swasta (Public-Private-Partnership) yang telah dikenal pasti atau diluluskan di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Kedua.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mempergiatkan lagi aktiviti pelaburan swasta pada masa ini, Kerajaan telah bersetuju melalui Pakej Ransangan Ekonomi Kedua yang dibentangkan pada 10 Mac 2009 di Parlimen untuk membantu pelaksanaan projek dengan menggunakan kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Kerjasama Awam-Swasta (Public-Private Partnership - PPP). Untuk tujuan ini, sebanyak RM2.0 bilion dana telah diperuntukkan. Dalam hubungan ini, dana tersebut akan dikenali dengan Private Finance Initiative (PFI)/PPP *Facilitation Fund*.

Projek-projek yang akan dilaksanakan perlu mempunyai ciri-ciri berikut:-

RAHSIA

- a. Pengusaha sektor swasta akan melaksanakan, membiayai dan menanggung risiko projek. Sebahagian besar hasil pendapatan projek ini perlu dijana daripada sektor swasta dan bukan sumber Kerajaan;
- b. Bantuan pembiayaan Kerajaan hanya merupakan sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan kos pelaburan projek;
- c. Projek yang akan dilaksanakan:-
 - i. merupakan projek yang strategik seperti, pendidikan, kesihatan, pelancongan;
 - ii. memberikan hasil limpahan ekonomi yang tinggi;
 - iii. mewujudkan peluang pekerjaan yang berterusan; dan
 - iv. meningkatkan daya saing masa hadapan negara.
- d. Syarikat yang memohon merupakan majoriti ekuitinya dimiliki oleh warga Malaysia dan mempunyai prestasi yang baik sebagai pelaksana projek.

Cadangan pemberian dana *Facilitation Fund* yang akan dilaksanakan adalah berbentuk *tipping off* di mana projek-projek yang dicadangkan, sekiranya berkecukupan akan diberikan sokongan kewangan bagi menjadikan projek yang diinisiatifkan oleh sektor swasta berkaitan lebih berdaya maju dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

RAHSIA

Sehingga hari ini, Unit Penswastaaan dan PFI, Jabatan Perdana Menteri telah menerima beberapa permohonan daripada pihak swasta dan permohonan tersebut masih dalam kajian terperinci unit berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
(SIPITANG)
TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan perkembangan terkini hasil kajian mengenai dasar Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang menimbulkan perbincangan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil kira kajian-kajian yang dijalankan, pandangan semua pihak termasuk hasil perbincangan daripada persidangan meja bulat, pakar bahasa dan NGO dalam menentukan hala tuju PPSMI. Memandangkan PPSMI merupakan satu dasar yang besar, KPM memerlukan lebih masa untuk membuat keputusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Menteri Pelajaran akan memberikan jawapan bagi ke semua persoalan mengenai dasar ini pada sesi Persidangan Parlimen ini nanti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN
(AMPANG)
TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang) minta **Perdana Menteri** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan fungsi masjid dan surau sebagai premis dalam pendidikan tambahan persekolahan kanak-kanak (kelas tambahan) terutama di kawasan bandar yang kurang premis percuma untuk aktiviti tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada dasarnya, kerajaan telah menyediakan pasarana pendidikan tambahan persekolahan kepada kanak-kanak di masjid-masjid. Pada masa ini terdapat 2 bentuk pendidikan kanak-kanak di masjid. Pertama pendidikan formal yang melibatkan kelas-kelas

KAFA anjuran Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri di 656 buah masjid dan 411 buah di seluruh negara. Kedua: Pendidikan tidak formal. Kebanyakan Jawatankuasa masjid telah mengambil inisiatif menubuhkan pendidikan tidak formal bersama Ngo's dan persatuan penduduk seperti kelas tadika dan kelas-kelas tambahan. Misalnya 14 buah masjid negeri menubuhkan pusat tuisyen dan kelas komputer. Dalam usaha ini pihak kerajaan dari semasa ke semasa berusaha untuk meningkatkan program-program ini ke seluruh masjid-masjid seluruh negara.

Selain daripada itu pihak kerajaan juga sedang menyediakan Standard Penarafan Masjid. Standard ini adalah sebagai cara untuk mengukur prestasi sesebuah masjid. Standard ini mengukur prestasi masjid merangkumi 4 aspek iaitu dari segi :

1. Pengurusan
2. Pengimaran
3. Kemudahan prasarana dan persekitaran
4. Kepuasan jemaah.

Saya Amat yakin Standard ini akan dijadikan garis panduan dalam usaha meningkatkan pelbagai fungsi masjid di seluruh negara. Melalui garis panduan ini akan menentukan 'star rating' sesebuah

masjid disamping meningkatkan persaingan dalam aspek
pengurusan masjid dan surau sebagai pusat pembangunan tamadun
pendidikan selaras dengan dasar pendidikan negara.

Maklumat Tambahan

1. Jumlah Masjid seluruh Malaysia 6,165 buah
2. Jumlah Masjid yang menjalankan program pendidikan tambahan persekolahan kanak-kanak seperti berikut :
 - a. Pusat Tusyen semua 14 buah masjid negeri
 - b. Kelas komputer semua 14 buah masjid negeri
 - c. Kelas Bahasa Arab 30 % daripada jumlah semua Masjid
 - d. Kelas Quran dan tajwid majoriti semua masjid
 - e. Kelas KAFA di Masjid -656 buah premis
 - f. Kelas KAFA di Surau- 411 buah premis

BILANGAN KELAS DAN PREMIS YANG DIGUNAKAN

BIL	NEGERI	JUMLAH KELAS	PREMIS @PUSAT YANG DIGUNAKAN				
			SEKOLAH	SURAU	MASJID	LAIN-LAIN	JUMLAH
1	WPKL/Putrajaya	282	73	12	24	98	207
	WPLabuan	67	8	2	13	8	31
2	Selangor	3,097	83	12	1	184	280
3	Perlis	502	62	38	78	38	216
4	Kedah	2,782	331	36	56	-	423
5	Perak	3,308	638	11	17	5	671
6	N. Sembilan	1,666	293	-	2	3	298
7	Melaka	1,717	156	-	-	-	156
8	Johor	2,280	550	-	1	9	560
9	Pahang	2,490	468	20	46	20	554
10	Terengganu	3,342	361	24	17	100	502
11	Kelantan	6,194	412	-	-	900	1,312
12	P.Pinang	1,441	146	83	28	55	312
13	Sabah	2,240	289	173	373	330	1,165
14	Sarawak	2,067	434	-	-	-	434
JUMLAH		35,475	4,304	411	656	1,750	7,121

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

**TARIKH : 17 JUN 2009
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan skop perbincangan kerja sama dua hala semasa lawatan Panglima Udara China ke Malaysia dalam bulan April 2009. Adakah kedua-dua pihak membincangkan kerja sama dalam program persengaraan SU-30MKM.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Panglima Udara *People's Liberation Army* (PLA) China telah mengadakan lawatan kerja ke Malaysia pada bulan April 2009. Lawatan tersebut adalah sebahagian daripada aktiviti hubungan pertahanan dua hala antara Malaysia dan China berlandaskan memorandum persefahaman pertahanan yang telah dimeterai antara kedua-dua negara. Lawatan ini juga berupaya untuk meningkatkan tahap kerjasama pertahanan kedua-dua negara melalui perbincangan bersemuka oleh pegawai-pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PLA China.

Melalui lawatan dan perbincangan dua hala tersebut, kedua-dua tentera udara akan meneroka peluang-peluang untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang teknikal dan latihan terutama berkaitan penyelenggaraan dan pengoperasian pesawat-pesawat yang dimiliki oleh tentera udara masing-masing.

Perbincangan ini juga menyentuh hal pesawat pejuang Sukhoi Su-30 buatan Russia yang mana Panglima Udara PLA China ada menyuarkan kesediaan untuk memulakan kerjasama dan perkongsian maklumat melalui industri pertahanan kedua-dua negara. Walaupun diketahui bahawa pesawat pejuang Su-30 buatan Rusia yang digunakan oleh

SULIT

China adalah berlainan versi iaitu Su-30MKK daripada pesawat pejuang Malaysia (Su-30MKM), namun pengalaman pengendalian dan penyelenggaraan yang dimiliki oleh Tentera Udara PLA China dapat dimanfaatkan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
(BATANG SADONG)
TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian ada menjalankan kajian terhadap prestasi pelajar yang menuntut di sekolah khususnya untuk melatih pelajar ke arah kesukanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memantau dan menilai pencapaian atlet dalam kalangan pelajar khususnya yang berada di pusat latihan daerah dan sekolah sukan negeri supaya mereka mempunyai pencapaian yang seimbang di antara akademik dan sukan. Bagi atlet yang berada di Sekolah Sukan Malaysia (SSM), pelajar-pelajar tersebut diperkenalkan dengan kaedah pembelajaran yang menggunakan modul. Selain daripada itu juga mereka dibekalkan kelas-kelas tuisyen yang dibiayai oleh pihak KPM dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Bagi memastikan KPM mendapat atlet yang berbakat dan berpotensi untuk ditempatkan di SSM dan SSN mereka akan melalui proses mengenalpasti bakat (TID) yang dilaksanakan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan . Hanya atlet yang memenuhi kriteria sahaja yang akan ditawarkan. Selain itu, Lembaga

Peperiksaan ada mengendalikan Ujian Aptitud untuk pelajar tahun 6 di sekolah rendah untuk mengenalpasti kecenderungan pelajar khususnya untuk sukan, seni, agama, teknik dan vokasional dan lain-lain lagi.

Rjm 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 17 JUN 2009
RUJUKAN : 1793

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pihak polis bertindak '*double standard*' apabila mereka menangkap dan menahan ADUN bagi kawasan Tebing Tinggi dari DAP kerana mengeluarkan DVD tentang rakaman perjalanan DUN Perak yang berlangsung pada 3 Mac 2009 tetapi tidak menangkap dan menahan ADUN kawasan Chenderiang dari MCA yang mengeluarkan DVD rakaman insiden DUN Perak yang berlaku pada 7 Mei 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan kes pengedaran DVD insiden DUN Perak oleh ADUN Kawasan Tebing Tinggi, kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 6(2)(a) Akta Penapisan Filem 2002 Atas kerana mengedar DVD/VCD tanpa Perakuan B dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM5,000.00 dan tidak lebih daripada RM30,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis tidak menerima apa-apa laporan terhadap ADUN Chenderiang mengenai kes ini. Sehubungan dengan itu, tiada siasatan dibuat terhadap beliau.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MD.SIRAT BIN ABU
TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN:

Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak akhir-akhir ini terdapat segelintir masyarakat sudah berani menderhaka kepada Sultan dan Raja. Apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memperkasakan kekebalan Institusi Raja-Raja Melayu supaya masyarakat terus mendaulatkan Raja dan Sultan sebagai hierarki paling tinggi.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada sudah mencukupi untuk melindungi dan memperkasa kekebalan institusi Raja-Raja Melayu. Dalam kes individu yang menghina dan memperlekehkan institusi Raja-Raja Melayu, Kerajaan mengambil pendekatan tidak akan bertolak ansur dalam perkara tersebut dan telahpun mengambil langkah yang tegas dengan mendakwa beberapa individu yang terlibat.

Pendakwaan yang telah dibuat adalah di bawah Akta yang berikut:

- (a) bagi kesalahan di bawah perenggan 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] kerana menyebut kata-kata menghasut.

- (b) bagi kesalahan di bawah perenggan 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] iaitu menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar membuat, mewujudkan atau meminta-minta dan memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang dan boleh dihukum di

bawah subseksyen 233(3) Akta yang sama. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

- (c) bagi kesalahan di bawah perenggan 292(1)(a) Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu mengedar komen lucah mengenai Sultan Perak dan boleh dihukum menurut seksyen 292 yang dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama dan sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tempoh tiga tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam sejak tahun 2008 dan langkah-langkah yang akan diambil pada masa akan datang.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memperbaiki sistem pengangkutan awam pada masa akan datang khususnya bagi pengangkutan darat, Kerajaan dalam proses menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di peringkat nasional. Suruhanjaya ini akan berperanan dalam penggubalan dasar, perancangan, pelesenan dan penguatkuasaan sistem pengangkutan awam negara bagi menggantikan peranan yang dimainkan lebih 13 agensi yang terlibat dalam pengangkutan awam.

Dalam proses penubuhan suruhanjaya tersebut, Kerajaan juga meningkatkan penyelarasan antara agensi-agensi yang berkaitan melalui beberapa jawatankuasa yang telah ditubuhkan. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) juga telah mewujudkan dasar-dasar baru dan mengambil langkah-langkah spesifik sejak tahun 2007 untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam seperti berikut :

- i. **Memantapkan sistem penguatkuasaan** melalui pemantauan ke atas syarikat berasaskan kod *Safety, Health and Environment* (SHE), menggalakkan *self regulatory* melalui pemasangan *Global Positioning System* (GPS) pada kenderaan dan meningkatkan operasi bersepadu.
- ii. **Mewujudkan program pembangunan** seperti menambah peruntukan untuk Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA), menggalakkan pengusaha menggunakan sistem *e-Ticketing*, mengadakan kursus dan latihan serta menggalakkan pengusaha menubuhkan persatuan.
- iii. **Penetapan syarat-syarat pelesenan** seperti memperketat syarat kelayakan permohonan, mewajibkan penggunaan piawaian antarabangsa pada badan bas, mengenakan syarat supaya syarikat mempunyai *fleet management system* masing-masing dan menyelesaikan semua saman tertunggak daripada agensi penguatkuasaan untuk proses permohonan lesen baru dan membaharui lesen.
- iv. **Mewujudkan kelas perkhidmatan mewah** bagi kelas lesen bas ekspres dan teksi untuk memberi pilihan kepada pengguna memilih perkhidmatan yang memenuhi cita rasa mereka.

- v. **Menetapkan had usia kenderaan** iaitu bas berhenti-henti tidak melebihi 15 tahun, bas ekspres tidak melebihi 10 tahun, bas sekolah tidak melebihi 20 tahun dan teksi tidak melebihi 10 tahun.

- vi. **Menyusun semula laluan bas berhenti-henti** bagi meningkatkan rangkaian operasi ke seluruh kawasan sekitar bandar raya Kuala Lumpur.

- vii. Mengeluarkan lesen teksi kepada individu dan menambahbaik *business approach* syarikat teksi yang diamalkan kini dari konsep sewa-beli kepada penggajian pemandu yang diyakini akan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan teksi dan menarik lebih ramai pengguna menggunakannya.

- viii. Mengkaji penggunaan *gadget speed limiter* bagi penetapan had laju bas.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]**

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI
SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-**

- (a) apakah usaha yang dilakukan bagi mengatasi masalah hidupan liar terutama gajah yang mengancam keselamatan yang memusnahkan tanaman penduduk kampung dan bolehkah hidupan ini ditempatkan dalam satu kawasan khusus; dan
- (b) bolehkah pihak Kementerian memperuntukkan perbelanjaan khas bagi mengatasi masalah ini khasnya di kawasan Parlimen Lenggong

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah melaksanakan empat (4) tindakan atau kaedah secara berterusan sejak beberapa tahun yang lalu bagi mengatasi masalah hidupan liar terutama gajah yang mengancam keselamatan dan memusnahkan tanaman penduduk kampung. Kaedah-kaedah ini ialah:

i. Kaedah Tembak Halau

Kaedah tembak halau dilaksanakan bagi lokasi gangguan yang berhampiran dengan hutan luas. Hidupan liar termasuk gajah, harimau dan kera yang keluar dari habitat asalnya akan ditembak halau agar hidupan liar ini kembali masuk ke kawasan hutan berhampiran.

ii. Kaedah Tembak Mati

Kaedah tembak mati disasarkan kepada hidupan liar yang menyerang dan mengancam keselamatan penduduk.

iii. Kaedah Tangkap Pindah

Kaedah tangkap pindah merupakan kaedah yang amat berkesan untuk mengatasi masalah gangguan hidupan liar terutama bagi kumpulan gajah liar yang telah terkepong di

tengah-tengah kawasan pembangunan. Gajah-gajah yang ditangkap dipindahkan ke kawasan yang lebih sesuai.

iv. Kaedah Pemasangan Pagar Elektrik

Kaedah pemasangan pagar elektrik dilaksanakan untuk mengatasi ancaman gajah liar di lokasi yang masih mempunyai hutan yang luas. Pagar elektrik akan dipasang di pinggir hutan bersempadan dengan kawasan kampung untuk memastikan gajah akan terus berada dalam kawasan hutan.

Gajah-gajah yang dipindahkan ditempatkan dalam satu kawasan yang khusus. Kawasan-kawasan khusus yang telah dikenalpasti adalah Kawasan Taman Negara (Terengganu / Kelantan / Pahang), Taman Negeri Belum dan Taman Negara Endau Rompin.

(b) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan melaksanakan projek untuk mengawal ancaman gajah liar di beberapa tempat, termasuk di kawasan Lenggong, tertakluk kepada peruntukan yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN
BUMBURING @ WILFRED
(TUARAN)
TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perkembangan projek pembinaan Sekolah Menengah Tamparuli Dua di daerah Tuaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SMK Tamparuli Dua disenaraikan di bawah RMKe-9 dengan skop 24 Bilik Darjah dan lain-lain kemudahan dengan siling sebanyak RM10.6juta. Disebabkan kekangan kewangan, projek ini ditangguhkan dan akan dikaji semula dalam RMKe-10.

SOALAN NO: 98

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH : 17 JUN 2009

RUJUKAN : 1794

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan nisbah anggota polis di Balai Polis Daerah Gombak dan Petaling Jaya di Selangor adalah 1:250 iaitu nisbah yang disyorkan oleh INTERPOL.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang kekuatan keanggotaan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak adalah seramai 816 orang berbanding 901,072 orang jumlah penduduk. Ini bermakna nisbahnya adalah 1 anggota polis berbanding 1,104 orang penduduk di daerah Gombak.

Sementara itu kekuatan anggota polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya adalah seramai 1,258 orang berbanding 1.6 juta jumlah penduduk di kawasan tersebut. Ini bermakna nisbahnya adalah 1 anggota polis berbanding 1,272 orang penduduk di Petaling Jaya.

PDRM telah mengemukakan permohonan untuk menambah perjawatan di kedua-dua Ibu Pejabat Polis Daerah tersebut. Kelulusan terhadap permohonan tersebut diharapkan dapat mengurangkan serta mengecilkan nisbah perbandingan antara anggota Polis dengan penduduk di kedua-dua daerah tersebut.

PDRM secara keseluruhannya termasuklah Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak dan Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk meningkatkan mutu

perkhidmatan PDRM. Berdasarkan pelan strategik lima (5) tahun PDRM (PS5T), langkah utama yang dilakukan secara berterusan antaranya mewujudkan balai-balai Komuniti. Balai-balai Komuniti ditubuhkan bertujuan memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat setelah sesuatu kawasan tersebut dikenal pasti sebagai kawasan yang kerap berlakunya jenayah. Di Petaling Jaya sebanyak Sembilan (9) buah Balai Komuniti telah ditubuhkan, sementara itu di Gombak pula sebanyak empat (4) Balai Komuniti telah ditubuhkan. Selain itu kedua-dua Ibu Pejabat Polis tersebut juga telah mengamalkan "Quick Respond Time" (QRT), yang mana pihak polis perlu tiba di tempat kejadian kurang daripada 15 minit setelah menerima aduan. Dalam keadaan ini mereka akan bergegas ke tempat kejadian sebaik sahaja maklumat kejadian diterima. Selain itu juga, di Petaling Jaya anggota-anggota polis turut ditugaskan untuk menyamar sebagai penumpang dalam perkhidmatan Rapid KL untuk mengurangkan kadar kejadian jenayah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengenai ukuran "Prime Time" bagi berita di stesen tv Kerajaan (RTM), bagaimana pula dengan dasar Kerajaan terhadap penggunaan Bahasa Malaysia di stesen-stesen tv dan radio milik Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Waktu perdana adalah merujuk kepada waktu siaran TV di antara jam 8.00 hingga 11.00 malam di mana siaran TV diikuti oleh bilangan penonton paling ramai. Kerajaan mengambil peluang ini untuk menyebarkan maklumat-maklumat terkini kepada rakyat melalui program-program yang bersifat informatif seperti Berita Nasional di TV1 dan Berita Tamil, Mandarin dan Inggeris di TV2.

Memandangkan jumlah penonton yang masih tinggi sehingga pukul 11.00-malam juga, RTM mengambil kesempatan menyiarkan rancangan-rancangan bercorak maklumat seperti bicarawara 'Isu', 'Dialog', 'Fenomena Seni', 'Di Luar Lingkungan', 'Bicara Siswa', 'Forum Perdana Ehwat Islam', 'Blog', 'Satu Malaysia', 'Eksklusif@1', 'IKS@1' dan sebagainya yang membincangkan isu-isu semasa termasuk yang berkaitan pelaksanaan dasar negara.

Mengenai penggunaan bahasa Malaysia di stesen-stesen radio dan TV milik Kerajaan, kesemua stesen berkenaan menggunakan bahasa Malaysia yang betul mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha memartabatkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa kebangsaan. Oleh yang demikian, penggunaan bahasa rojak adalah dilarang sama sekali.

NO: 100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AB HALIM BIN AB RAHMAN
(PENGKALAN CHEPA)
TARIKH : 17.06.2009
NO. SOALAN : 100

DATO' HAJI AB HALIM BIN AB RAHMAN (PENGKALAN CHEPA) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah faktor sebenar harga barangan dalam negeri masih terlalu mahal sedangkan minyak dan gas berada dalam keadaan murah (tidak sampai USD 60 setong).

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Kerajaan prihatin dengan nasib rakyat yang terus berhadapan dengan kenaikan harga barangan sehingga menjejaskan kualiti kehidupan mereka. Tidak dinafikan bahawa berlaku kenaikan harga barang selepas kenaikan harga bahan petroleum. Namun selepas harga bahan petroleum diturunkan, kebanyakan peniaga tidak segera menurunkan harga barang kerana mereka ingin menghabiskan stok lama yang telah dibeli pada harga tinggi. Ini kerana kos barangan bukan sahaja dipengaruhi oleh harga bahan api tetapi juga

dipengaruhi oleh kos operasi lain dan faktor ketakkeberkesanan di dalam pasaran, *inefficiency in the market*, dengan izin. Terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan perbezaan harga seperti kuasa pembelian yang tidak sama antara kawasan bandar dan luar bandar kelemahan sistem pengedaran yang tidak efektif serta kelakuan pemborong dan pengedar yang mahu memaksimumkan keuntungan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar pengguna mendapat barang keperluan dengan harga yang berpatutan, bukan sahaja di bandar malah di luar bandar juga. Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dalam usaha menghilangkan kegelisahan pengguna terhadap harga barangan yang masih mahal berbanding dengan penurunan harga minyak iaitu :

1. Pemantauan harga barangan keperluan di hypermarket, pasaraya dan pasar-pasar basah di seluruh Negara yang dikenali sebagai "*Price Watch*". "*Price Watch*" dilaksanakan bagi memberi maklumat kepada pengguna membuat perbandingan harga ketika berbelanja. Hasil pemantauan yang dijalankan oleh pegawai pemantau harga (PPH) boleh dirujuk di laman web Kementerian bagi membuat semakan harga pada setiap hari bagi kemudahan orang ramai. Pengguna boleh memilih mana-mana premis yang mengenakan harga yang berpatutan apabila ingin berbelanja. Ini akan menyebabkan berlaku persaingan harga di antara pasaraya-pasaraya besar di seluruh negara bertujuan menarik pengguna berbelanja di pasaraya masing-masing.
2. Melaksanakan projek perintis pengedaran barang-barang perlu bersubsidi di kawasan luar bandar yang bertujuan memastikan barangan keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti beras tempatan 15 peratus hancur ST15, tepung

gandum kegunaan am (GP), minyak masak pek 1kg, roti putih, gula dan LPG sampai kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan Kerajaan. Di samping mengenalpasti sistem pengedaran yang cekap, efisien dan kos efektif untuk mengedarkan barangan keperluan kepada pengguna terutama di kawasan luar bandar, projek perintis ini diharap dapat memberikan penyelesaian alternatif di dalam menambahbaik sistem pengedaran sedia ada, memastikan bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran terutama di kawasan luar bandar dan untuk mengawal kenaikan harga barangan secara mendadak.

Projek perintis tersebut telah berjaya dilaksanakan di Pulau Pinang (Seberang Perai Utara), Pahang (Pekan), Sarawak (Saratok) serta Sabah (Sipitang dan Pensiangan) dan pada tahun 2009 projek perintis ini akan dilanjutkan ke negeri-negeri lain seperti Kelantan (Jeli), Kedah (Baling), Johor (Pontian) dan Terengganu (Hulu Terengganu).

3. Penganjuran Kempen Penurunan Harga yang bertujuan menggalakkan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan. Kempen tersebut telah dimulakan pada 24 Oktober 2008 dimulai di peringkat runcit terutamanya bagi sektor peruncitan moden seperti pasaraya besar asing dan tempatan contohnya Giant, Tesco, Mydin, Carrefour, Jusco dan The Store, kedai runcit yang mempunyai jaringan seperti UO Superstore, Sunshine, Econsave, 99 Speedmart dan sebagainya.

4. Kerajaan juga telah mengistiharkan Tahun 2009 sebagai Tahun Kempen Beli Barangan Malaysia yang bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan

buatan Malaysia yang terbukti dari segi kualitinya dan perkhidmatan selepas jualan yang memuaskan serta menawarkan harga yang berpatutan dan mampu dibeli oleh pengguna.

Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa melakukan pemeriksaan dan pemantauan bagi memastikan para peniaga mematuhi undang-undang sediaada dan mengelakkan para peniaga daripada menaikkan harga barang kawalan sewenang-wenangnya. Tindakan pemeriksaan secara keseluruhan yang dijalankan sepanjang musim perayaan dan hari-hari biasa telah dapat menangani masalah peniaga yang tidak beretika.

Selain daripada itu, pemantauan harga barangan juga dijalankan oleh pegawai pemantau harga (PPH) seramai **1600** orang di bawah Majlis Harga Barang Negara. Pegawai pemantau harga membuat pemantauan ke atas harga runcit barang-barang keperluan pengguna pada setiap hari. Pemantauan dibuat di premis-premis perniagaan seperti pasar basah, pasar kering, *supermarket* dan kedai runcit yang berada di bandar-bandar utama dan daerah-daerah termasuk kawasan-kawasan pendalaman.

Sekiranya terdapat para peniaga peniaga yang menjual **barang kawalan** seperti tepung gandum, gula, beras, roti putih, susu tepung dan minyak masak yang melebihi harga siling tindakan undang-undang akan di ambil.

Selain daripada tindakan undang-undang, beberapa sesi perjumpaan dan dialog dengan pihak peniaga juga dilakukan bagi menyampaikan mesej kerajaan dan mendapatkan input daripada mereka agar suasana peniagaan berjalan secara beretika dan melahirkan kepercayaan pengguna kepada peniaga-peniaga.

Projek seterusnya yang diusahakan oleh Kementerian adalah untuk menyeragamkan harga barang-barang keperluan diseluruh negeri Sabah dan Sarawak supaya penduduk di kawasan luar bandar dan pendalaman akan menikmati harga sama seperti penduduk di bandar dan pekan-pekan kecil.

DISEDIAKAN OLEH

Nama : Mohd Fariszan Bin Ahmad
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri

DILULUSKAN OLEH

Nama : Encik Daud bin Tahir
Timbalan Ketua Setiausaha (PDN)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
(LEDANG)
TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

Ir. Haji Hamim bin Samuri minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana pembayaran zakat oleh pembayar zakat yang mempunyai rangkaian peniagaannya di seluruh negara diwajibkan membayar zakat di negeri-negeri di mana perniagaannya beroperasi dan sejauh mana pula syarikat GLC membayar zakat.

JAWAPAN:

TUAN YANG DIPERTUA,

Syarikat-syarikat besar yang mempunyai operasi perniagaannya di seluruh negara membayar zakat kepada pihak-pihak berkuasa zakat di negeri-negeri di mana perniagaannya dijalankan, berdasarkan hasil atau keuntungan perniagaan mereka di negeri-negeri berkenaan.

Bilangan sebenar GLC yang membayar zakat tidak dapat dipastikan kerana GLC membayar zakat terus kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri berdasarkan lokasi operasi perniagaan mereka.

Bagi Wilayah Persekutuan, setakat ini tujuh (7) GLC iaitu Tenaga Nasional Bhd., Lembaga Tabung Haji, Bank Islam Malaysia Holding Bhd., TM Bhd., Pos Malaysia Bhd., Malayan Banking Bhd. dan Malaysia Building Society Bhd. telah membayar zakat sebanyak RM33,673,024.03 bagi tempoh 2003 hingga 2008.

Bilangan GLC dan jumlah zakat yang dibayar dijangka akan meningkat bergantung kepada kemajuan ekonomi dan perkembangan semasa.

Disediakan oleh:

Abdullah bin Awang

Tel : 03-88837490 / 012-2486052

Disemak oleh:

Ab. Rahim bin Zakaria

Tel: 03-88837487 / 019-2647569

Dipersetujui oleh:

Dato' Dr. Hj. Sohaimi bin Hj. Mohd Salleh

Tel: 03-88837402 / 019-2727254

Maklumat Tambahan

GLC Yang Membayar Zakat Di Wilayah Persekutuan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2008

Bil	Syarikat	(RM)
1	Tenaga Nasional Bhd.	3,172,181.68
2	Lembaga Tabung Haji	21,689,393.63
3	Bank Islam Malaysia Holding Bhd.	6,780,822.00
4	TM Bhd.	554,903.63
5	Pos Malaysia Bhd.	622,893.87
6	Malayan Banking Bhd.	619,005.00
7	Malaysia Building Society Bhd.	233,824.22

* Sumber daripada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan

Mengikut pengalaman Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan, beberapa syarikat yang masih belum membayar zakat perniagaan mereka adalah kerana:

- i. Setiap keputusan pembayaran zakat perlu mendapat keputusan sebulat suara dari Ahli-ahli Lembaga Pengarah masing-masing. Kebiasaannya syarikat-syarikat ini tidak mendapat keputusan sebulat suara dari ahli Lembaga Pengarah.

ii. Ada di antara syarikat-syarikat ini yang tidak membayar zakat perniagaan kepada PPZ negeri di mana syarikat itu beroperasi.

iii. Ada juga antara syarikat-syarikat ini yang mengagihkan sendiri zakat perniagaan mereka kepada individu atau badan-badan kebajikan.

STATISTIK KUTIPAN ZAKAT MENGIKUT NEGERI DAN TAHUN

NEGERI	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Jumlah
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
PERLIS	4,257,464.15	3,720,504.09	6,157,050.00	6,573,224.92	6,406,109.00	6,564,465.08	11,847,141.66	16,699,600.00	23,134,583.00	85,360,141.90
KEDAH	15,674,921.90	12,487,629.23	18,275,109.00	18,559,387.21	22,205,222.54	30,185,661.45	35,227,089.74	36,692,723.92	57,017,711.51	246,325,456.50
P.PINANG	14,827,874.50	17,550,949.00	20,101,578.00	21,317,975.00	23,288,019.00	28,000,426.00	30,589,545.62	37,085,282.33	41,764,273.00	234,525,922.45
PERAK	16,355,487.75	20,468,412.04	20,803,536.00	21,698,518.02	25,724,715.39	27,543,535.48	33,848,479.38	41,276,179.92	57,016,676.56	264,735,540.54
SELANGOR	46,256,873.24	61,432,750.66	78,724,128.00	86,200,315.23	108,826,547.05	133,121,829.00	159,836,252.79	202,193,541.00	244,410,849.00	1,121,003,085.97
WILAYAH PERSEKUTUAN	58,921,958.69	72,886,035.71	84,533,227.00	96,380,801.25	110,631,584.04	130,141,209.97	147,587,898.48	173,815,154.35	210,881,352.97	1,085,779,222.46
N. SEMBILAN	11,864,620.00	13,230,123.80	15,019,051.00	16,520,810.59	19,037,286.24	23,098,180.81	25,821,205.04	29,356,271.66	33,797,056.18	187,744,605.32
MELAKA	8,435,467.90	12,034,520.43	12,342,303.00	13,037,830.48	14,238,492.58	17,692,093.97	19,464,653.26	22,067,022.30	26,905,934.29	146,218,318.21
JOHOR	20,757,142.50	31,452,922.95	29,735,717.00	33,959,015.68	38,052,802.64	49,357,154.03	54,732,942.45	73,321,840.60	100,737,539.76	432,107,077.61
PAHANG	14,428,253.00	16,625,473.84	18,379,997.00	20,616,368.04	22,917,724.25	31,032,233.57	35,971,733.59	41,487,155.81	50,636,614.32	252,095,553.42
KELANTAN	10,622,749.62	16,582,718.19	16,877,786.00	18,140,371.63	22,440,931.30	29,372,551.46	35,641,537.75	40,199,886.62	58,167,395.10	248,045,927.67
TERENGGANU	28,030,503.36	28,247,343.21	32,982,990.00	40,058,735.20	36,147,739.28	40,365,590.96	42,870,576.42	51,442,341.96	66,200,415.14	366,346,235.53
SABAH	3,319,594.00	5,331,116.09	6,183,540.00	5,102,537.00	7,784,937.74	11,314,073.92	16,648,793.71	17,514,982.50	23,799,155.06	73,199,574.96
SARAWAK	4,946,007.44	8,318,162.67	13,808,155.00	10,264,513.31	15,566,982.51	15,299,300.04	20,548,322.81	23,132,088.56	36,099,969.34	147,983,501.68
JUMLAH	258,698,918.05	320,368,661.91	373,924,167.00	408,430,403.56	473,269,093.56	573,088,305.74	670,636,172.70	806,284,071.53	1,030,569,525.23	4,891,470,164.22
Selepas-Sebelum (PERTAMBAHAN)		61,669,743.86	53,555,505.09	34,506,236.56	64,838,690.00	99,819,212.18	97,547,866.96	135,647,898.83	224,285,453.70	
PERATUS (%)		23.84	16.72	9.23	15.88	21.1	17	20.23	27.82	

Maklumat Tambahan

GLC Yang Membayar Zakat Di Wilayah Persekutuan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2008

#	GLC	Holding Company	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	Jumlah (RM)
1	Malaysian Building Society Bhd	Employee Provident Fund	49,788.17	15,805.91	44,265.40	123,965			233,824.22
2	Malaysian Resources Corp Bhd	Employee Provident Fund							0.00
3	Bumiputra Commerce Holdings Bhd	Khazanah Nasional Berhad							0.00
4	Malaysia Airports Holdings Bhd	Khazanah Nasional Berhad							0.00
5	Malaysia Airlines System Bhd	Khazanah Nasional Berhad							0.00
6	Pos Malaysia Bhd	Khazanah Nasional Berhad	94,561	108,694	169,942.87	164,781			537,978.87
7	Proton Holdings Bhd	Khazanah Nasional Berhad							0.00
8	Telekom Malaysia Berhad	Khazanah Nasional Berhad	127,574	123,900.64	60,798.35	88,151	145,479.64		545,903.63
9	Axiata Group Bhd	Khazanah Nasional Berhad							0.00

10	Tenaga Nasional Berhad	Khazanah Nasional Berhad		72,417.88	95,030.79	128,305	97,326.03	156,525.48	649,605.18
11	Time dotcom Bhd	Khazanah Nasional Berhad							0.00
12	Time Engineering Bhd	Khazanah Nasional Berhad							0.00
13	PLUS Expressways Bhd	Khazanah Nasional Berhad							0.00
14	Pharmaniaga Bhd	Khazanah Nasional Berhad							0.00
15	UEM Land Bhd	Khazanah Nasional Berhad							0.00
16	Faber Group Bhd	Khazanah Nasional Berhad							0.00
17	Affin Holdings Bhd	Lembaga Tabung Angkatan Tentera							0.00
18	Boustead Holdings Bhd	Lembaga Tabung Angkatan Tentera							0.00
19	UAC Berhad	Lembaga Tabung Angkatan Tentera							0.00
20	BIMB Holdings Bhd	Lembaga Tabung Haji	1,152,516.00	1,089,662.00	1,169,020.00	1,608,304.00	500,000.00		5,519,502.00
21	Lityan Holdings Bhd	Lembaga Tabung Haji							0.00
22	Syarikat Takaful Malaysia Berhad	Lembaga Tabung Haji	1,472,165.41		879,247.22	816,098.87		55,578	3,223,089.50

36	Khazanah Nasional Berhad								0.00
37	Lembaga Tabung Angkatan Tentera								0.00
38	Permodalan Nasional Berhad								0.00
39	Petronas								0.00
	Jumlah								38,119,170.76

* Senarai terkini GLC setakat April 2009. Sumber dari Khazanaah Nasional Berhad

* Sumber daripada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan

Mengikuti pengalaman Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan, beberapa syarikat yang masih belum membayar zakat perniagaan mereka adalah kerana:

- i. Setiap keputusan pembayaran zakat perlu mendapat keputusan sebulat suara dari Ahli-ahli Lembaga Pengarah masing-masing. Kebiasaannya syarikat-syarikat ini tidak mendapat keputusan sebulat suara dari ahli Lembaga Pengarah.
- ii. Ada di antara syarikat-syarikat ini yang tidak membayar zakat perniagaan kepada PPZ negeri di mana syarikat itu beroperasi.
- iii. Ada juga antara syarikat-syarikat ini yang mengagihkan sendiri zakat perniagaan mereka kepada individu atau badan-badan kebajikan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)
TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pelantikan kedua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang mematuhi prosedur perjawatan perkhidmatan awam merujuk Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1995, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 tahun 2003 dan panduan pelantikan pegawai kontrak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan pelantikan Dato' Haji Termuzi bin Haji Abdul Aziz sebagai Ketua Pengarah Dewan Bahasa Pustaka (DBP) telah diluluskan oleh Perdana Menteri Malaysia. Pelantikan beliau secara kontrak untuk tempoh 2 tahun mulai 1 Februari 2009 hingga 31 Januari 2011 dibuat secara teratur dan mengikut peraturan (**Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008 bertajuk "Dasar dan Prosedur Pelantikan secara Kontrak" dan Akta DBP**). Sehubungan dengan itu, soal pelantikan semula jawatan ini tidak wujud.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan mengenai penubuhan industri petrokimia dan maritim di Sungai Pulai:-

- (a) mengapa EIA berkenaan boleh diluluskan sedangkan berlaku kesilapan-kesilapan yang dikemukakan oleh universiti dan NGO sebelum ini; dan
- (b) adakah DEIA sudah dikemukakan. Jika ya, bila dan adakah langkah-langkah pemuliharaan dan kemudahan diwujudkan di tapak RAMSAR Sungai Pulai sejak 2003.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek pembangunan industri petrokimia dan maritim di kawasan di Sungai Pulai ini telah diluluskan Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) pada 23 Julai 2007. Kajian EIA ini mengambilkira kajian ramalan impak dan cadangan langkah kawalan yang dicadangkan oleh pemaju projek di dalam Laporan EIA serta telah memenuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Kajian EIA ini juga adalah komprehensif dan telah mengenalpasti isu-isu kritikal secara terperinci.

Kelulusan Laporan EIA yang dikeluarkan kepada pemaju projek telah menetapkan syarat-syarat yang ketat dan langkah-langkah kawalan yang perlu dipatuhi oleh pemaju. Oleh yang demikian, pihak pemaju projek hendaklah memastikan bahawa isu-isu kritikal dalam cadangan projek seperti impak kepada tanah lembap RAMSAR Sungai Pulai yang bersempadan dengan tapak projek, hutan paya bakau, ekosistem Sungai Pulai dan kejadian banjir diambilkira sepenuhnya dalam perancangan dan pelaksanaan projek itu.

(b) Berhubung dengan langkah-langkah pemuliharaan dan kemudahan yang diwujudkan di tapak RAMSAR Sungai Pulai, perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Perbadanan Taman Negara

Johor di bawah Kerajaan Negeri Johor. Pemaju projek juga telah memberi komitmen untuk memulihara kawasan sensitif di sekitar tapak cadangan projek.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]
TARIKH : 17 Jun 2009
SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan segala langkah yang diambil untuk menghadapi kemungkinan berlaku penularan wabak Selesema A (H1N1) di dunia. Apakah langkah-langkah yang paling berkesan serta kekuatan dan kelemahan dalam strateginya.

Tuan Yang di-Pertua,

Wabak Influenza A (H1N1) ini mula dikesan di Mexico dan Amerika Syarikat pada 24 April 2009. Sehingga **16 Jun 2009**, wabak ini telah menular ke **76 buah negara** melibatkan sejumlah **36,094 kes** dengan **163 kematian**. Majoriti kes yang dilaporkan (95%) adalah dari benua Amerika. Daripada **76 buah negara** tersebut, sejumlah **29 buah negara** telah melaporkan kes jangkitan tempatan, dan di benua Asia

pula, kes-kes tempatan telah dilaporkan di Singapura, Filipina, Australia, Jepun, China dan Korea Selatan.

Wabak Influenza A (H1N1) ini adalah disebabkan oleh virus influenza baru iaitu Influenza Virus A (California/04/2009), yang merupakan campuran daripada *North American swine*, *North American avian*, *North American human* dan *Eurasian swine*. Wabak ini tiada kaitan dengan *swine flu virus* pada haiwan ternakan babi dan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) pada 30 April 2009 telah menamakan virus baru ini sebagai Influenza A (H1N1) di mana sebelum ini ia disebut sebagai *Swine Flu virus*.

Penyakit Influenza A(H1N1) ini berjangkit melalui *droplet* cecair bersin dan batuk dan mereka yang *close contact* dalam lingkungan satu meter adalah berisiko mendapat jangkitan. Masa *incubation* adalah selama empat hingga tujuh hari dengan simptom utama adalah demam, batuk dan sakit badan. Cara pencegahan yang terbaik adalah penjagaan kebersihan diri seperti menutup mulut ketika batuk dan bersin serta mencuci tangan dengan sabun. Mereka yang sakit seharusnya tidak mengunjungi kawasan awam untuk mengelakkan penularan penyakit.

Semua pelawat-pelawat dari luar negara serta warganegara Malaysia yang pulang akan dibuat saringan di semua pintu masuk antarabangsa udara, darat termasuk yang melalui pintu masuk air juga akan dibuat saringan secara visual dan pemeriksaan perubatan sekiranya mereka menunjukkan gejala-

gejala influenza. Mereka yang disahkan ada tanda-tanda influenza serta mempunyai rekod melawat negara-negara yang terlibat dengan jangkitan influenza A(H1N1) dalam tempoh 7 hari akan dirujuk ke hospital khas untuk siasatan lanjut.

Sehingga 16 Jun 2009, sejumlah 18 kes telah disahkan sebagai jangkitan Influenza A (H1N1) telah dilaporkan di negara ini. Semua kes adalah kes import, iaitu mereka mendapat jangkitan di luar negara dan dikesan di Malaysia. Untuk makluman, fakta berkaitan 18 kes ini adalah seperti berikut :

- a) Sembilan (9) daripada 18 kes tersebut adalah melibatkan warganegara Malaysia yang mendapat jangkitan di negara yang terlibat dengan jangkitan tempatan Influenza A(H1N1). Empat kes didapati pelajar di negara tersebut dan kembali bercuti di Malaysia sementara 5 kes lagi melibatkan warganegara Malaysia yang pergi melancong dan bercuti di negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1);
- b) Seorang adalah melibatkan penduduk tetap Malaysia yang mendapat jangkitan selepas kembali melawat negara yang terlibat dengan wabak influenza A(H1N1);
- c) Sementara baki iaitu 8 kes adalah di kalangan warganegara asing dari negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1) yang datang melawat Malaysia untuk bercuti;

d) Empat daripada kes tersebut dikesan semasa saringan di pintu masuk kerana mempunyai tanda-tanda jangkitan influenza (demam dan batuk), sementara baki 15 lagi dikesan melalui sistem pengawasan dan pengesanan di fasiliti-fasiliti perubatan dan kesihatan negara. Kes-kes ini semasa sampai di Malaysia didapati tiada tanda jangkitan dan mereka mula mendapat tanda jangkitan dalam tempoh satu hingga dua hari selepas ketibaan dan kes mereka ini dikesan semasa mereka datang untuk mendapatkan rawatan.

Kementerian Kesihatan telah mengaktifkan aktiviti pencegahan dan kawalan Influenza A(H1N1) sejak 26 April 2009. Antara langkah yang telah diambil untuk mencegah dan mengawal penyebaran virus Influenza A (H1N1) dalam negara ini adalah:

a) Melakukan penyaringan kesihatan terhadap semua pengembara dari negara yang disahkan ada jangkitan virus Influenza A(H1N1) di semua pintu masuk antarabangsa seluruh negara. Setiap pengembara dikehendaki membuat pengisytiharan kesihatan dan menjalani saringan suhu badan. Sejumlah 20 unit alat pengesan /pengimbas suhu badan (demam) telah diletakkan di pintu-pintu masuk negara;

b) Kes yang telah disyaki jangkitan virus Influenza A(H1N1) dimasukkan ke hospital yang telah ditetapkan untuk

- pengawasan dan pemerhatian sehingga keputusan ujian makmal diperolehi;
- c) Kes yang disahkan dijangkiti virus Influenza A(H1N1) diasingkan dan diberikan rawatan *antiviral* sehingga sembuh;
 - d) Kontak kepada kes jangkitan virus Influenza A(H1N1) akan diletakkan di bawah kuarantin di rumah selama tujuh hari dari tarikh kontak terakhir dengan kes. Sekiranya mereka menunjukkan tanda-tanda jangkitan virus Influenza A(H1N1), mereka akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut;
 - e) Petugas-petugas yang terlibat dalam pengendalian kes Influenza A(H1N1) diwajibkan memakai alat perlindungan diri dengan cara yang betul dan kesihatan mereka juga akan dipantau pada setiap hari;
 - f) Sejumlah 28 buah hospital dengan kemudahan 168 buah katil yang mempunyai fasiliti merawat kes Influenza A(H1N1) telah diaktifkan dan dalam keadaan bersiap sedia untuk menerima kes;
 - g) Aktiviti kesedaran awam diberikan dengan cara memaklumkan penyakit Influenza A(H1N1), cara penularan dan langkah pencegahan dan kawalan yang perlu diambil;
 - h) Memastikan bekalan stok ubat dan alat perlindungan diri mencukupi;

- i) Menyediakan kenyataan akhbar harian oleh Ketua Pengarah Kesihatan yang memaklumkan tentang tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan berkaitan situasi semasa dan khidmat-nasihat yang patut diamalkan oleh warga Malaysia.

Pada 11 Jun 2009, pihak WHO telah menaikkan tahap amaran pandemik influenza daripada 5 kepada 6. Memandangkan wabak penyakit di Malaysia setakat ini belum melaporkan kes tempatan, pihak WHO tidak menyarankan tindakan sekatan perjalanan, ekonomi atau penutupan sempadan. Pada fasa 6 ini, pihak WHO telah menyarankan agar negara-negara yang belum ada penularan tempatan seperti Malaysia supaya terus mengambil langkah-langkah berwaspada (*vigilant*).

Kementerian Kesihatan telah menyediakan pelan *National Influenza Pandemic Preparedness Plan (NIPPP)* pada tahun 2005 sebagai langkah persediaan kepada pandemik influenza. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, pelan tindakan telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi yang terlibat termasuk latihan, *stockpile* ubat dan alat perlindungan diri (PPE). Sesuai dengan saranan WHO, Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan-tindakan berikut yang bersesuaian dengan Fasa 6 Pandemik :

- a) Mengaktifkan Jawatankuasa Kebangsaan Antara Kementerian untuk menangani wabak fasa 6 yang akan dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan;

- b) Mengaktifkan Majlis Keselamatan Negara untuk menyelaraskan aktiviti pencegahan dan kawalan yang perlu dilaksanakan;
- c) Aktiviti surveilan, pencegahan dan kawalan seperti yang telah dinyatakan dalam NIPPP akan dipertingkatkan; dan
- d) Tindakan *social distancing* untuk membanteras penularan penyakit akan diambil sekiranya penularan tempatan dilaporkan di Malaysia bertujuan untuk mengawal penularan penyakit daripada menjadi lebih meluas. Contoh tindakan adalah seperti penutupan sekolah, institusi dan pembatalan majlis perhimpunan dan perjumpaan awam.

Kementerian amat yakin bahawa dengan kerjasama semua pihak dan sokongan padu daripada seluruh penduduk negara ini, ia akan dapat meminimumkan kesan dan impak daripada pandemik influenza di Malaysia melalui pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan yang cekap dan berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam]

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah penghapusan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi adalah sebahagian dari langkah untuk merealisasikan konsep 1 Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Jun 2009. Bersama-sama ini dilampirkan salinan jawapan ke atas isu yang sama tersebut untuk makluman Yang Berhormat.

Sekian. Terima kasih.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab secara serentak pertanyaan-pertanyaan berkaitan maksud dan definisi gagasan 1Malaysia yang diutarakan oleh **Y.B. Tenggara, Y.B. Ipoh Timur, YB Kapit, YB Mambong dan YB Bukit Katil** pada 15 Jun, **YB Indera Mahkota dan YB Seremban** pada 16 Jun, **YB Bukit Gelugor** pada 23 Jun, **YB Kubang Kerian dan YB Machang** pada 25 Jun, **YB Padang Besar,** dan **YB Pengkalan Chepa** pada 29 Jun dan **YB Taiping** pada 30 Jun.

Sejak saya mengambil alih tampuk kepimpinan negara tanggal 3 April yang lalu, saya telah utarakan sebuah konsep iaitu 1Malaysia sebagai teras pentadbiran saya. Sejak gagasan ini diketengahkan begitu banyak perbincangan dan perbahasan telah berlangsung dikalangan rakyat disemua peringkat. Malah pihak pembangkang tidak membuang masa untuk memutarbelit dan mentafsirkan gagasan ini mengikut definisi mereka sendiri, semata-mata dengan niat mengelirukan rakyat.

Izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan ahli-ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini bagi memperjelaskan erti dan maksud gagasan 1Malaysia. Seperti yang telah saya sebutkan berkali-kali sebelum ini, termasuklah dalam ucapan saya sempena ulang tahun keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 6 Jun yang lalu, 1Malaysia bukanlah konsep atau formula baru. Sebaliknya, matlamat akhir 1Malaysia iaitu perpaduan nasional juga merupakan wawasan utama pemimpin-pemimpin negara yang

terdahulu, yang telah diterjemahkan dalam pelbagai rupa bentuk dan jelmaan sepanjang lebih lima dekad kita merdeka. Jika diamati, apa yang berubah adalah pendekatan dan gerak kerja menurut kesesuaian zaman dan generasi yang silih berganti.

Dalam erti kata lain, 1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Ia bukan satu pendekatan yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Malaysia. Makanya, 1Malaysia digagaskan sebagai satu formula yang menjadi pra-syarat bagi memastikan aspirasi negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 tercapai, jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Jika "Bangsa Malaysia" yang diilhamkan melalui Wawasan 2020 adalah matlamat akhir perjalanan ini, maka 1Malaysia adalah penunjuk haluan kearah matlamat itu. Pengertian ini adalah bertunjangkan hujah bahawa untuk mencapai status negara maju dalam jangkamasa yang telah ditetapkan, syarat yang paling utama ialah sebuah negara yang kukuh dan stabil dan ini akan hanya dapat dicapai apabila rakyatnya bersatu padu.

Perpaduan yang digambarkan oleh gagasan 1Malaysia amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara lain di mana identiti kaum-kaum etnik dilenyapkan dan diganti dengan satu identiti

nasional yang sama. Ia juga sangat berbeza dari konsep *Malaysian Malaysia* parti pembangkang. 1Malaysia tidak sekali kali menyimpang daripada ruh perlembagaan persekutuan sebagai undang-undang negara sama ada secara tersurat atau secara tersirat. Malahan gagasan 1Malaysia kekal menjunjung kesemua peruntukan teras seperti perkara 3, perkara 4, perkara 152, perkara 153, bahagian 2 dan bahagian 3 sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, janganlah mana-mana pihak berasa khuatir atau menaruh syak serta bimbang bahawa konsep ini akan terpesong dari apa yang telah dipersetujui dan dimuafakatkan oleh bapa-bapa negara suatu ketika yang lalu.

Sebaliknya 1Malaysia menghargai dan menghormati identiti-identiti etnik setiap kaum di Malaysia, dan menganggapnya sebagai satu aset atau kelebihan yang patut dibanggakan. 1 Malaysia menekankan sikap "Penerimaan" di kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat dalam satu negara. Ia adalah peningkatan ketara dari sikap toleransi semata-mata.

Menjadi asas kepada semua ini adalah prinsip keadilan untuk semua kaum, yang membawa maksud bahawa nasib semua rakyat Malaysia akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan ini mestilah mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan.

Tuan yang Dipertua,

1Malaysia adalah penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

Formula 1Malaysia digagaskan akan terlaksana dalam dua aspek utama. Aspek pertama ialah penerapan **Teras-Teras Perpaduan** manakala aspek kedua adalah penerapan **Nilai-nilai aspirasi**.

Teras-teras perpaduan adalah tiga perkara yang telah saya huraikan sebentar tadi iaitu pertama, sikap "**penerimaan**" antara semua kaum dan rakyat Malaysia; kedua, **prinsip-prinsip kenegaraan berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan rukun negara**; dan ketiga adalah **keadilan sosial**. Teras-teras Perpaduan ini pula didokongi oleh nilai-nilai murni yang perlu menjadi sebahagian dari budaya hidup rakyat Malaysia termasuklah nilai-nilai seperti hormat menghormati, Tawadhuk, kesederhanaan dalam tingkah laku dan tuturkata serta kebijaksanaan dalam sebarang keputusan dan tindakan.

Aspek kedua formula 1Malaysia pula menekankan elemen-elemen yang perlu menjadi amalan mana-mana masyarakat yang ingin berdaya maju dan berjaya. Elemen-elemen tersebut merangkumi Budaya kecemerlangan dalam melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab; Budaya ketepatan dari segi menghormati waktu dan

meningkatkan kecekapan; keberanian untuk berinovasi dan meneroka peluang-peluang baru; meritokrasi dalam memberikan tugas kepada yang paling layak melaksanakannya berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan dasar negara; kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada tanahair tercinta; ketabahan dalam mengharungi sebarang cabaran yang mendatang dan integriti dalam segala urusan dan transaksi. Pembudayaan nilai-nilai Aspirasi ini akan menyerlahkan Masyarakat Malaysia yang berwibawa, dihormati dan disegani, bersesuaian dengan identiti sebuah negarabangsa yang maju dan berjaya.

Tuan Yang Di-Pertua

Dalam melaksanakan komitmennya terhadap rakyat, Kerajaan telah mengutarakan tema "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" sebagai sebahagian dari konsep 1Malaysia. Tema ini membawa maksud bahawa di samping menekankan peri-pentingnya perpaduan rakyat Malaysia, kerajaan juga akan memberikan keutamaan kepada isu-isu yang dianggap penting oleh rakyat. Kerajaan juga menekankan prestasi dan pencapaian oleh semua kakitangannya apabila berurusan dengan rakyat. Dalam kata lain, kerajaan amat memahami betapa pentingnya kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam dalam meningkatkan mutu hidup rakyat justeru itu pendekatan mesra-rakyat akan diberi keutamaan oleh semua agensi-agensi kerajaan.

Sehubungan dengan itu, KPI akan digunapakai bagi semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dan ini akan diterjemahkan perlaksanaannya ke semua peringkat termasuklah diperikat hubungan langsung orang ramai dengan kakitangan kerajaan. Seorang Menteri dijabat Perdana Menteri ditugaskan khas untuk

memastikan kelancaran pelaksanaan KPI ini. YB Menteri berkenaan akan memberikan penerangan selanjutnya tentang KPI dan perancangan spesifik yang akan dilaksanakan bagi menterjemahkan hasrat kerajaan.

Segala inisiatif-inisiatif ini diharapkan akan membawa perubahan yang nyata bukan sahaja kepada urusan pentadbiran negara, tetapi lebih penting ia akan membawa penambahbaikan kepada kualiti hidup rakyat Malaysia. Diatas segalanya, 1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” diyakini akan menjana satu transformasi ketara, kearah sebuah negara Malaysia yang maju, didokongi oleh rakyat yang utuh perpaduan nya dan tinggi mertabatnya pada pandangan dunia,

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)
TARIKH : 17.06.2009

SOALAN:

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan pendirian pihak Kementerian terhadap Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik (PPSMI) dalam Bahasa Inggeris setelah kajian mendalam dan perbincangan meja bulat dibuat. Bagaimana pula konsep baru dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Inggeris terutama bagi pelajar luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil kira semua pandangan termasuk hasil perbincangan daripada persidangan meja bulat, pakar bahasa dan NGO dalam menentukan hala tuju PPSMI. Memandangkan PPSMI merupakan satu dasar yang besar, KPM memerlukan lebih masa untuk membuat keputusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Menteri Pelajaran akan memberikan jawapan bagi ke semua persoalan mengenai dasar ini pada sesi Persidangan Parlimen ini nanti.

PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]**

TARIKH : **Selasa, 16 Jun 2009**

SOALAN : **[50]**
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) sama ada kekosongan jawatan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat telah diisi; dan

(b) sekiranya jawatan itu baru sahaja diisi, apakah alasannya pihak Kerajaan menunggu hampir setahun dan jika belum lagi diisi, apakah alasannya.

DARIPADA : **Y.B. Tuan Jeff Ooi Aun [Jelutong]**

TARIKH : **Rabu, 17 Jun 2009**

SOALAN : **~~[111]~~ 107**
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah natijah dan kriteria utama Ahli Parlimen Rompin dicalonkan sebagai duta besar Malaysia ke Amerika Syarikat berpangkat Menteri meskipun beliau tiada sebarang pengalaman sebagai seorang diplomat kanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Marang (Selasa, 16 Jun 2009), Y.B. Jelutung (Rabu, 17 Jun 2009) dan Y.B. Ipoh Timur (Selasa, 30 Jun 2009) secara serentak kerana didapati soalan-soalan yang diutarakan Yang Berhormat – Yang Berhormat berkenaan adalah berkisar mengenai perkara yang sama dan saling berhubung kait.

Tuan Yang Dipertua dan Yang Berhormat – Yang Berhormat Ahli Dewan,

Perlantikan seseorang Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke seberang laut kadang kala mengambil masa yang panjang kerana perlu melalui beberapa peringkat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Negara, Perdana Menteri dan seterusnya mendapatkan perkenan SPB Yang Di-Pertuan Agong. Calon ini kemudiannya akan dikemukakan kepada negara tuan rumah untuk mendapatkan persetujuan sebelum perlantikan secara rasmi dapat dilaksanakan. Proses ini biasanya memakan masa yang panjang sehingga tiga bulan atau lebih.

Seseorang calon yang dilantik sebagai Ketua Perwakilan Malaysia yang bertaraf Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi dari kalangan '*career diplomats*' haruslah terdiri daripada penjawat awam kanan

yang memiliki '*merits*' dari segi pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa.

Seseorang calon Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi yang bakal dilantik adalah merupakan penjawat awam yang telah berkhidmat di Sektor Luar Negeri bagi tempoh sekurang-kurangnya 20 tahun dan telah berkhidmat dengan cemerlang. Penjawat-penjawat awam berkenaan merupakan mereka yang telah menjalani pelbagai pendedahan dan latihan yang berterusan di dalam dan di luar negara.

Dalam keadaan tertentu, Kerajaan juga melantik secara '*political appointment*' Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi yang terdiri dari kalangan ahli politik, ahli perniagaan, bekas pegawai tinggi Kerajaan atau personaliti tertentu yang difikirkan mempunyai kepakaran yang khusus dan mampu meningkatkan hubungan dua hala dan diplomasi di antara Malaysia dengan negara sahabat.

Sebagai sebuah Kementerian yang menguruskan dan menentukan hala tuju hubungan dua hala Malaysia dengan negara-negara asing, Wisma Putra perlu meletakkan Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi yang berkelayakan terutamanya di negara-negara strategik seperti United Kingdom, Jepun, China, Arab Saudi dan Amerika Syarikat. Sehubungan ini, sama ada seseorang bakal Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi itu adalah dari kalangan diplomat profesional (*career diplomat*, dengan izin) atau lantikan politik bukan lagi suatu isu besar sebaliknya Kerajaan lebih menekankan aspek merit calon-calon yang layak.

Seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia masih lagi belum mengisi kekosongan jawatan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat apabila bekas Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat Datuk Dr. Rajmah binti Hussein menamatkan perkhidmatannya pada 20 Jun 2008. Namun begitu, ini tidak bermakna Kerajaan tidak memandang serius dalam menempatkan seseorang Duta Besar yang baru ke negara berkenaan apatah lagi apabila negara-negara asing yang lain berlumba-lumba memperkukuhkan hubungan dua hala masing-masing dengan kepimpinan baru Amerika Syarikat.

Selain itu, tahun 2008 merupakan tahun pemilihan presiden baru Amerika Syarikat yang menyaksikan seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Amerika Syarikat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pilihanraya negara tersebut. Perubahan besar-besaran pentadbiran Kerajaan Amerika Syarikat selepas pilihanraya sedikit sebanyak mempengaruhi kriteria-kriteria calon Duta Besar yang bakal dilantik malah proses mendapatkan persetujuan penerimaan calon juga memakan masa yang lebih panjang. Oleh yang demikian, adalah wajar pemilihan calon dan urusan pencalonan bakal Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat perlu dibuat secara lebih berhati-hati dan teliti supaya beliau merupakan personaliti yang dapat diterima baik oleh pentadbiran baru Amerika Syarikat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan persetujuan yang telah ditandatangani oleh Tuan Yang di-Pertua Negeri atas nasihat jemaah Menteri atau Ketua Menteri Sabah, pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan perkara yang dilindungi di bawah Perkara 161E dan tajuk-tajuk pindaan yang telah diluluskan semenjak Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Tuan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak telah memberikan persetujuan di bawah Perkara 161E Perlembagaan Persekutuan sebanyak dua kali iaitu pada 5 April 1988 dan Januari 2005.

Persetujuan pada 5 April 1988 diberikan untuk pindaan kepada Perkara 121. Persetujuan pada Januari 2005 diberikan untuk pindaan bagi-

- (a) menambahkan umur persaraan hakim di bawah Perkara 122;
- (b) meminda Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan yang menurutnya bekalan dan perkhidmatan air daripada Butiran 6(c) Senarai II dipindahkan ke Senarai IIA, "Pemeliharaan Warisan";
- (c) suatu perkara bakian di bawah Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan, akan ditambah kepada Senarai III Senarai Bersama; dan terimaan mengenai bekalan dan perkhidmatan air serta hasilnya dari lesen-lesen yang ada kaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air; dan

(d) kadar-kadar air yang termasuk di bawah Butiran 8 Bahagian III Jadual Kesepuluh sebagai sumber hasil yang diuntukkan kepada negeri-negeri, dipindahkan ke Bahagian V- Sumber Hasil Tambahan bagi Sabah dan Sarawak.

Setakat ini, pindaan yang melibatkan perkara yang memerlukan persetujuan di bawah Perkara 161E Perlembagaan Persekutuan ialah sebanyak 16 kali. Pindaan tersebut adalah seperti yang berikut:

(a) **Akta 25/1963** - Perkara 109, Perkara 131, Perkara 161

(b) **Akta 26/1963** - Perkara 3, Perkara 105, Perkara 112B, Perkara 122, Perkara 122A, Perkara 122B, Perkara 122C, Perkara 123, Perkara 124, Perkara 125, Perkara 126, Perkara 127, Perkara 128, Perkara 129, Perkara 130, Perkara 152, Perkara 161, Perkara 161A, Perkara 161B, Jadual Kedua

(c) **Akta 59/1966** – Perkara 112A, Perkara 122B, Perkara 125

(d) **Akta 31/1965** – Perkara 95C, Perkara 122 Jadual Kedua

(e) **Akta A30** – Perkara 152, Perkara 153, Perkara 161A

(f) **Akta A206** – Perkara 11

(g) **Akta 160** – Perkara 112

(h) **Akta A354** – Perkara 3, Perkara 19, Perkara 28A, Perkara 76, Perkara 125A, Perkara 122A, Jadual Kedua

- (i) **Akta A514** – Perkara 15, Perkara 16, Perkara 28A, Perkara 76, Perkara 95B, Perkara 112A, Jadual Kedua, Jadual Kesembilan
- (j) **Akta A585** – Perkara 3, Jadual Kesembilan
- (k) **Akta A566** – Perkara 121, Perkara 122, Perkara 122A, Perkara 122B, Perkara 122C, Perkara 123, Perkara 125A, Perkara 126, Perkara 131, Perkara 131A
- (l) **Akta A704** – Jadual Kedua
- (m) **Akta A885** – Perkara 112, Perkara 122A, Perkara 122AA, Perkara 122AB, Perkara 122B, Perkara 123, Perkara 124, Perkara 125, Perkara 125A, Perkara 126, Perkara 127, Perkara 128, Perkara 130, Perkara 131A
- (n) **Akta A1095** – Perkara 11
- (o) **Akta A1239** – Perkara 122, Perkara 125
- (p) **Akta A1260** – Perkara 124

**Cadangan jawapan ini disediakan berdasarkan rekod yang ada di Jabatan Peguam Negara sahaja.*

Sekian. Terima kasih.

NW:109

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
TARIKH : 17 JUN 2009 (RABU)
SOALAN : NO.109

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang diambil mengenai aduan terhadap Kolej Masterskill berkaitan pelajar Islam yang tidak dibenarkan mengerjakan solat Jumaat, pelajar wanita Islam tidak dibenarkan bertudung, mengenakan yuran tidak bepatan dan gangguan seksual terhadap pelajar wanita Islam; dan
- (b) apakah benar kerabat diraja Perak mempunyai kepentingan di dalam Kolej ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak menerima aduan berkaitan pelajar Islam yang tidak dibenar mengerjakan solat Jumaat di Kolej Masterskill. Malah Kementerian dimaklumkan pihak Kolej telah membina surau di dalam kampus yang dijadikan masjid untuk pelajar-pelajar menunaikan solat Jumaat.

Di samping itu, perkhidmatan bas turut disediakan untuk menghantar pelajar-pelajar dari asrama ke masjid bagi tujuan mengerjakan solat. Pihak Kolej juga tidak menghalang malah menggalakkan semua pelajar wanita Islam bertudung, namun tidak dinafikan terdapat sebahagiannya tidak memakai tudung atas kehendak pelajar-pelajar sendiri. Manakala dari segi gangguan seksual pula, setakat ini tiada sebarang aduan diterima tentang perkara ini.

Berkenaan dengan kadar yuran yang dikenakan, pada masa ini, Kementerian tidak menetapkan kadar yuran yang sepatutnya dikenakan oleh sesebuah IPTS. Memandangkan IPTS dikendalikan oleh syarikat swasta maka kadar yuran seeloknya ditentukan oleh kadar pasaran semasa. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa memantau dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika kadar yuran yang dikenakan terlalu tinggi tidak munasabah.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) tidak menghalang mana-mana pihak yang berkelayakan untuk menubuhkan IPTS atau menjadi Ahli Lembaga Pengarah IPTS berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 17 JUN 2009

RUJUKAN : 1795

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyakkah kes jenayah menggunakan senjata api yang berlaku bagi suku pertama tahun ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan yang jenayah seumpama ini dapat dihalang atau dikurangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Marang yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kes jenayah yang melibatkan senjata api bagi tempoh suku pertama tahun 2009 ialah 45 kes iaitu 34 kes bagi kategori samun berkawan bersenjata api dan 11 kes samun bersenjata api.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak PDRM, melalui Pasukan Gerakan Am, Pasukan Polis Marin dan Unit Udara Polis serta dengan bantuan dari Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), sentiasa membendung kegiatan jenayah yang melibatkan senjata api. Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak PDRM adalah dengan:-

- i) meningkatkan kawalan di pintu-pintu masuk utama;
- ii) mengadakan operasi bersepadu bersama-sama agensi-agensi penguatkuasaan;

- iii) meningkatkan rondaan darat, laut dan udara;
- iv) meningkatkan sekatan jalan raya di tempat yang strategik;
- v) memasang alat pengesan dan menempatkan Unit Pengesan (K-9) terlatih di pintu-pintu masuk utama;
- vi) mendirikan pagar dan tembok di sepanjang sempadan negara;
- vii) meningkatkan risikan / intipan serta pengumpulan maklumat; dan
- viii) mengadakan kempen-kempen kesedaran bagi membanteras kegiatan jenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, Kerajaan juga telah meningkat usaha-usaha untuk mengurangkan jenayah bersenjata api dengan:

- i) menubuhkan Pasukan Petugas Khas (*task force*) yang bertanggungjawab untuk mengkaji dan mengenal pasti penyelesaian terhadap isu-isu berkaitan penyeludupan dan kes-kes jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api di negara ini;
- ii) menjalankan operasi-operasi pencegahan seperti OPS Api (operasi mencegah kes-kes samun bersenjata api) dan OPS Selaras (operasi mencegah penyeludupan senjata api); dan

iii) menjalinkan hubungan kerjasama erat dengan negara-negara lain terutamanya dengan negara-negara jiran, seperti Thailand dan Indonesia bagi membincangkan isu-isu berkaitan keganasan rentas sempadan termasuk penyeludupan senjata api.

Tuan Yang Dipertua,

Hasil daripada tindakan-tindakan yang telah diambil oleh agensi-agensi penguatkuasaan, Kerajaan telah berjaya mengurangkan kes jenayah yang melibatkan senjata api sebanyak 29.7% iaitu 45 kes pada suku pertama tahun 2009 berbanding 64 kes pada tempoh yang sama pada tahun 2008.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN :

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah usaha-usaha yang dibuat supaya kakitangan Kerajaan prihatin dan faham akan konsep *federalisme* seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan berikutan kejayaan Pakatan Rakyat memenangi 5 buah negeri pada Pilihan Raya Umum pada 8 Mac lalu; dan
- (b) apakah tindakan yang akan dikenakan kepada pegawai Kerajaan yang jelas melanggar konsep *federalisme* seperti apa yang berlaku di Selangor di mana satu pelaksanaan '*People Centric*' telah dilancarkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Selangor dengan matlamat menjatuhkan Kerajaan Negeri Selangor yang baru.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Semua penjawat awam patuh kepada konsep *neutrality of the civil service* (dengan izin). Ini bermakna mereka menerima dan taat kepada '*government of the day*' (dengan izin), tidak kira di mana mereka bertugas. Oleh itu, Kerajaan percaya penjawat awam prihatin dan memahami mengenai konsep *federalisme* dan tanggungjawab mereka sebagai penjawat awam.

Sekiranya mereka didapati melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan-peraturan perkhidmatan yang berkaitan, tindakan tatatertib yang bersesuaian boleh diambil terhadap mereka.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN :112

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. Datuk Wira Ahmad bin
Haji Hamzah**

KAWASAN : JASIN

TARIKH : 17 JUN 2009

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI untuk menyatakan cadangan-cadangan PEMUDAH yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan sejauh mana cadangan berkenaan tidak merugikan golongan kurang bernasib baik dan menghakis Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.